

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 32**

**Selasa**

**26 Jun 2007**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):</b>	
■ <b>Toi RM2 Sehalu Bagi Terowong Air dan Jalan Raya (Smart Tunnel)</b>	
- <i>Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 29)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 31)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006	(Halaman 32)
<b>USUL:</b>	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 101)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
<b>Kekurangan Kakitangan dan Ubat Di Hospital Dutchess Kent Sandakan, Sabah</b>	
- <i>Y.B. Tuan Chong Hon Min (Sandakan)</i>	(Halaman 101)
<b>Projek Perumahan Terbengkalai Di Pulau Pinang</b>	
- <i>Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)</i>	(Halaman 104)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Selasa, 26 Jun 2007**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah 10 MoU yang telah ditandatangani dalam *Convention BIO Antarabangsa* itu dapat digerakkan dengan segera kerana kita telah ketinggalan selama 30 tahun berbanding dengan USA.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang bertanyakan soalan ini. Untuk makluman, terdapat tiga pertanyaan yang hampir sama mengenai perkara ini iaitu daripada Yang Berhormat Kuala Langat pada 26.6.2007 hari ini, Yang Berhormat Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) pada 28.6.2007 dan daripada Yang Berhormat Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) pada 2.7.2007. Saya mohon untuk menjawab soalan ini secara serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Malaysia mempunyai kelebihan dan kekuatannya yang tersendiri dalam rangkaian nilai atau pun *value chain* industri bioteknologi dunia. Antara kelebihan Malaysia ialah kepelbagaian biologi, wujudnya tenaga kerja yang mahir dan terlatih serta rangkaian dan sokongan industri penyelidikan yang mapan.

Malaysia turut mengambil contoh perkembangan di India di mana syarikat-syarikat bioteknologi India telah membina kepakaran dan mencipta pasaran dalam bidang *biomanufacturing* dan *biopharmaceutical* dan kini menjadi perhatian industri bioteknologi dunia.

Buat makluman Yang Berhormat juga, bio merupakan pameran dan persidangan bioteknologi yang terbesar di dunia dan disertai oleh pelbagai pihak yang terlibat dalam pembangunan bioteknologi dari seluruh rantau dunia. Secara keseluruhannya penyertaan dalam *Bio Annual Convention 2007* di Boston, USA dari 6 hingga 9 Mei lepas telah berjaya mencapai tiga objektif utama:

- (i) mengenal pasti aliran perkembangan industri bioteknologi dan sains hayat pada masa kini;
- (ii) untuk mengetahui dan mengenal pasti kedudukan Malaysia dalam rangkaian nilai bioteknologi dunia, global bioteknologi *value chain*; dan
- (iii) untuk mempercepatkan *fast trap* pembangunan dan perkembangan industri dan kaedah terbaru dalam bidang bio teknologi.

Malaysia juga telah membawa 14 buah syarikat dan organisasi bioteknologi untuk diperkenalkan di pasaran antarabangsa. Selain daripada itu sebanyak 10 perjanjian dan memorandum persefahaman yang berdaya maju berkaitan dengan usaha sama dalam pembangunan bioteknologi Malaysia yang ditandatangani.

Salah satunya adalah *letter* MoU 10 antara Bahagian Bioteknologi Kebangsaan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan *Massachusetts Institute of Technology* (MIT), USA untuk menjalankan Program Penyelidikan Teknologi Pembuatan *Bioplastik*. *Malaysian Biotechnology Corp – Biotech* pula menandatangani tiga memorandum persefahaman dengan dua kumpulan syarikat bioteknologi dari India:

- (i) MoU dengan *Manial Education And Medical Group International Limited* bagi tujuan untuk membantu Kumpulan Manipal menubuhkan anak syarikat dan mendapatkan rakan niaga di Malaysia;
- (ii) Dengan *Avestha Gengraine Technologies*, sebuah syarikat bioteknologi dan *bioinformatics*; dan
- (iii) *Avestha Biotherapeutics and Research*, sebuah syarikat pembuatan *biopharmaceutical* untuk membentuk usaha sama perniagaan dan operasi di Malaysia.

MoU dan perjanjian yang lain pula adalah untuk memantapkan rakan niaga dari luar negara merangkumi pembekalan antibodi dan kontrak pembuat produk *biopharmaceutical*, kerjasama dan aplikasi *technology genomic*, pengkomersialan terhadap baja dan makanan berasaskan bioteknologi serta pembekalan latihan dalam bidang *bioinformatics*.

**Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** Yang Berhormat, saya hendak bertanya untuk menyambung kegusaran yang telah dibangkitkan rakan-rakan daripada Sri Gading, Jasin, Arau mengenai sejauh manakah kejayaan kita sehingga kini dalam bidang bioteknologi ini semenjak Dasar Bioteknologi Kebangsaan dilancarkan. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bidang bioteknologi ini bukan baru, sebenarnya bukanlah kita baru membuat penyelidikan selepas daripada Dasar Bioteknologi Kebangsaan dilancarkan. Sebenarnya produk-produk bioteknologi telah pun mula dilaksanakan ataupun penyelidikan dalam Rancangan Malaysia Keenam, Ketujuh, Kelapan dan sekarang ini adalah kesinambungannya.

Di antara produk dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan yang telah dihasilkan dan dipasarkan di pasaran antarabangsa antaranya ialah seperti yang telah beberapa kali saya nyatakan seperti contohnya:

- (i) *tissue culture*;
- (ii) *Fowl Poxl Vaccine* kemudian *White Spot Syndrome Virus Detection kit*; dan
- (iii) *Typhoid, Typhoided M dan Typhoid Rapid Diagnosis Kit*.

Ini antara beberapa produk yang telah kita pasarkan dalam pasaran antarabangsa tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita memberikan pengukuhan untuk meningkatkan lagi bioteknologi untuk kita menggunakan sumber-sumber *biodiversity* kita yang ada untuk membuatkan Malaysia sebagai salah satu *world player* dalam bidang teknologi. Antara yang telah kita jalinkan kerjasama dan beberapa anak syarikat bioteknologi Malaysia telah pun memenuhi pasaran. Contohnya pasaran tempatan dan pasaran antarabangsa.

■1010

Sebagai contohnya pertama, Malaysian Bio-Diagnostic Research Sdn. Bhd. yang membangunkan dan mengeluarkan lapan jenis *kit technologies* perubatan. Ini adalah produk pasaran mereka. Kedua, Syarikat KL Biotech Manufacturing Sdn. Bhd. yang telah mengeluarkan produk makanan dan kesihatan yang berasaskan bioteknologi. Ketiga, contohnya, Malaysian Genomics Research Resource Centre Sdn. Bhd., 'Systematic' Sdn. Bhd. dan Infovalley Life Sciences Sdn. Bhd. yang telah menyediakan aplikasi *bioinformatics* untuk kegunaan penyelidikan, komersial dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pelaburan di dalam bioteknologi memerlukan pelaburan yang tinggi. Daripada kajian yang telah kita buat bagi setiap 10 juta *pound* ataupun RM70 juta kita baru boleh menghasilkan satu produk ataupun satu paten dalam bidang bioteknologi berbanding dalam bidang ICT dengan amaun yang sama kita boleh menghasilkan tujuh produk ataupun tujuh paten. Inilah pelaburan yang sangat tinggi yang perlu kita sediakan jikalau kita ingin memfokuskan ataupun menjadi *world class* dalam bidang bioteknologi. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita boleh terima di

mana di atas kertas kita nampak cukup elok tetapi malangnya saya dengar khabar daripada kawan-kawan saya bahawa kementerian Yang Berhormat tidak begitu banyak memperuntukkan wang dalam R&D bagi menjalankan kajian-kajian bio ini. Oleh yang demikian kita lihat produk-produk yang dihasilkan kadangkala adalah substandard kerana ia tidak ada input daripada universiti-universiti tempatan misalnya.

Kita ambil contoh seperti tongkat ali misalnya, *research* demi *research* dibuat tetapi tidak ada penghasilan yang begitu baik sehingga kita dapat menandingi ginseng antarabangsa. Saya hendak bertanya Yang Berhormat juga, apakah peruntukan daripada kementerian Yang Berhormat dalam R&D kepada universiti-universiti tempatan untuk menjalankan kajian tadi. Lagipun saya bangkitkan di sini, kita begitu kaya dengan alam flora dan fauna tetapi nampaknya lebih ramai *researchers*, dengan izin daripada luar untuk buat kajian di negara kita daripada kita membuat kajian untuk mereka. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman, dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebenarnya kita telah meluluskan sebanyak 47 projek bioteknologi dengan perbelanjaan sebanyak hampir RM103 juta dan daripada sini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan ini sebenarnya sembilan paten telah dihasilkan iaitu sama ada luar negeri dan juga dalam negara, begitu juga lima paten yang masih di dalam proses.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita menyediakan dana tekno (*techno fund*) adalah untuk membantu mana-mana produk yang telah siap dalam peringkat prototaip yang sudah ada di *shelf*, yang boleh di *commercialize*kan, mereka digalakkan untuk memohon *techno fund* untuk produk ini kita buat *pra-commercialization* ataupun terus kepada *commercialization*.

Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah geran penyelidikan yang telah diluluskan oleh kita di sini, di Dewan yang mulia ini adalah sebanyak RM2 bilion. Daripada RM2 bilion ini memang kita telah memfokuskan bioteknologi sebagai salah satu bidang utama kita dan kita menyediakan lebih daripada 60% jumlah peruntukan ini untuk kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan dan juga pengkomersialan dalam produk bioteknologi. Terima kasih.

**2. Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah OIC akan campur tangan membantu meredakan konflik Sektarian yang berlaku di Lebanon sehingga ramai yang terbunuh.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya konflik dalaman yang melanda Lebanon hari ini merupakan satu konflik fahaman politik dan bukannya konflik Sektarian di antara agama atau budaya seperti mana yang digambarkan kepada umum.

Perbalahan di Lebanon berlaku di antara penyokong kerajaan pimpinan Perdana Menteri Fouad Siniora dengan kumpulan pihak penentang yang dianggap pro Syria pada hari ini. Konflik politik tersebut turut disemarakkan lagi dengan pertikaian berhubung penubuhan satu tribunal antarabangsa bagi menyiasat pembunuhan bekas Perdana Menteri Rafik Hariri di mana penyokong kerajaan mahukan tribunal antarabangsa tersebut diadakan secepat mungkin. Manakala pihak penentang pula membantah tribunal antarabangsa tersebut yang dilihat merupakan cara Barat untuk menyusup masuk dan mencampuri urusan politik dalaman di Lebanon dalam usaha meminggir pengaruh Syria di Lebanon dan di rantau itu.

Dalam hal ini apa juga bentuk bantuan dari masyarakat antarabangsa termasuk Malaysia perlulah terlebih dahulu mendapat mandat daripada Lebanon dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Tanpa mandat daripada Lebanon dan PBB segala tindakan boleh ditafsirkan sebagai mencabuli kedaulatan Lebanon walaupun niatnya baik.

Walaupun konflik tersebut merupakan isu dalaman republik itu, ini tidak bermakna Malaysia dan negara-negara anggota OIC tidak mengambil berat akan situasi yang melanda Lebanon itu. Ini dapat dilihat dari usaha Malaysia yang turut menghantar seramai 360 anggota pasukan pengaman yang berkhidmat di bawah Tentera Pengaman PBB (UNIFIL). Selain Malaysia negara-negara lain yang turut berada di bawah UNIFIL termasuk daripada Indonesia seramai 1,000 anggota, Turki - 495 anggota dan Brunei - 100 anggota.

Dalam hal ini Malaysia menyeru agar pihak-pihak yang bertelagah di Lebanon untuk berfikir secara waras dan tidak mengambil tindakan melulu yang boleh membawa kepada keadaan huru-hara yang terus tidak terkawal.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah mengemukakan jawapan yang baik. OIC di bawah pimpinan Malaysia, kita lihat seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen begitu proaktif dengan program-programnya dan juga kita dapati bahawa tindakan-tindakannya lebih berkesan di bawah pimpinan Malaysia.

Walau bagaimanapun kita lihat kebanyakan sekarang ini usaha-usaha dibuat, bila berlakunya konflik baru diadakan persidangan, pertemuan dan sebagainya secara *ad hoc*. Apa yang ingin saya tanyakan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah OIC bercadang untuk mengadakan mesyuarat, pertemuan dengan kumpulan-kumpulan terutama di negara-negara Islam misalnya sama ada antara Sunah dengan Syiah ataupun parti-parti politik misalnya Hamas dan Fatah yang bertelagah ini secara berkala supaya adanya perhubungan yang baik antara mereka. Kita tahu bahawa peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara-negara Islam ini mahu tidak mahu terus memberikan persepsi yang negatif terhadap orang Islam dan negara Islam oleh pihak Barat dan pihak-pihak yang lain.

Soalan saya yang kedua, kita lihat baru-baru ini peristiwa yang berlaku di Palestin contohnya, yang mana apabila Kerajaan Fatah membuang Hamas daripada kerajaan, Amerika Syarikat terus menawarkan bantuan dan akan memberikan bantuan kepada Palestin. Saya ingin bertanya adakah pihak luar terutama Amerika Syarikat atau Barat juga campur tangan menyebabkan konflik-konflik ini terus berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini mengenai Lebanon, ya?

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan. Soalan tambahan itu agak lari daripada isu Lebanon dan sekarang sudah pergi kepada isu Palestin. Itu tempat yang berbeza tetapi tidak mengapalah.

Tentang peranan OIC, kita tahu bahawa OIC ditubuhkan antaranya selepas pembakaran Masjid Al-Aqsa dahulu ialah untuk menyatukan umat Islam dalam berhadapan dengan isu-isu antarabangsa seperti ini. Dari segi mengadakan mesyuarat berkala, ya, OIC sentiasa mengadakan mesyuarat berkala. Selain daripada persidangan besarnya kita mengadakan persidangan daripada semasa ke semasa sama ada di peringkat menteri sesama dia, ada di peringkat menteri yang bukan Menteri Luar sahaja dan persidangan yang dianjurkan oleh Sekretariat OIC di Jeddah itu sendiri.

■1020

Mengenai isu yang berkaitan dengan soal Palestin, dari semasa ke semasa isu Palestin bukan sahaja dalam OIC tetapi dalam organisasi lain seperti NAM, PBB pun mengadakan persidangan mengenai isu Palestin dari semasa ke semasa. Tentang isu Sektarian yang disebutkan tadi, Syiah dan Sunni. Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini pada akhir tahun lepas, pada bulan puasa diadakan di Mekah sendiri pertemuan di kalangan *scholars* ataupun ulama Syiah dan Sunah daripada Iraq yang kerana pada hari ini dunia melihat perbalahan yang teruk antara Syiah dan Sunah di Iraq. Di mana wakil-wakil ulama mereka datang dan menandatangani perjanjian supaya tidak membenarkan pertumpahan darah yang berterusan di kalangan darah-darah orang Islam di sana. Ertinya kalau dari segi persidangan, persidangan dan persidangan secara berkala atau tidak berkala banyak diadakan, banyak dilakukan, tetapi akhirnya yang menentukan sama ada perdamaian berkekalan ialah kita tanya rakyat di sana itu sendiri.

Apakah umat Islam ataupun orang Palestin itu mahu atau tidak mahu mereka berbaik dan tidak berbalah, itu jawapan daripada mereka. Kita hanya boleh menyeru, kita hanya boleh menganjurkan, tetapi tanya diri mereka sendiri. Kalau mereka tidak mahu dan merasakan tidak ada keyakinan antara mereka tentang perlunya bertolak ansur, perlunya bersama, perlu memikirkan masa depan yang baik, tidak ada upaya lagi untuk kita lakukan. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan atau boleh katakan keseluruhan yang menyebabkan huru-hara di dunia ini kerana campur tangan luar khususnya kuasa-kuasa besar, barat kepada negara-negara membangun,

melaga-lagakan. Maka sebab itulah huru-hara tidak dapat dibendung kerana perbuatan terkutuk negara-negara yang saya sebutkan.

Sebagai contoh; minggu yang lalu kita terperanjat, kita marah kerana campur tangan Rommel daripada EU, kurang ajar dia punya kenyataan, campur urusan dalam negara. Sepatutnya tendang dia keluar, jangan benarkan dia masuk kerana inilah Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan negara-negara Eropah campur tangan dalam urusan sesebuah negara. Apa dia tahu tentang urusan negara kita, apa yang dia tahu?

Ini kenyataan sebenarnya melaga-lagakan perkara-perkara yang telah pun diterima di negara ini oleh seorang yang tidak tahu asal usul negara ini. Saya harap Kementerian Luar kalau boleh tendang dan jangan benarkan orang-orang seperti ini menjejakkan kakinya di bumi bertuah Malaysia tercinta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini mengenai Lebanon, perkara ini mengenai Lebanon.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Fasal urusan campur tangan Tuan Yang di-Pertua, betullah Lebanon, Lebanonlah Tuan Yang di-Pertua, Hamas dengan Fatah pun urusan melaga-lagakan kuasa besar. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua kalau saya terkeluar sedikit tapi ada urusan dengan Kementerian Luar. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan Yang Berhormat Sri Gading yang saya fikir itu adalah merupakan sentimen yang dikongsi bersama di kalangan ramai Ahli-ahli Parlimen di sini. Pendekatan Malaysia yang selalu kita tegaskan tentang banyak konflik antarabangsa terutama sekali yang melibatkan negara Islam dan yang melibatkan apa yang disebutkan keganasan dan sebagainya.

Kita selalu menekankan tentang cara menangani konflik bukan sahaja membanteras konflik itu sahaja, tetapi juga melihat apakah punca konflik tersebut. Sebab itulah tentang soal campur tangan, tentang persoalan penindasan, soal ketidakadilan yang berlaku dalam menyelesaikan konflik terutama sekali Timur Tengah selalu kita menganggap bahawa ini adalah punca besar hingga berlakunya peristiwa-peristiwa lain yang digambarkan, dikaitkan dengan soal keganasan antarabangsa dan sebagainya, kita setuju tentang soal itu.

Mengenai yang terbaru yang disebutkan tentang seorang duta daripada *European Union*, Persatuan Eropah yang membuat kenyataan yang menyinggung perasaan ramai orang Malaysia pada hari ini. Pihak kementerian akan memanggil duta tersebut untuk mendapat penjelasan seterusnya. Duta kita di Belgium juga akan terus menyatakan bantahan kita di ibu pejabat *European Union* tentang rasa tidak senang kita apabila tindakan orang diplomatik yang dianggap *undiplomatic*, yang mencampuri tentang dasar-dasar dalam negara berkenaan, perkara ini sudah dilakukan. Terima kasih.

**3. Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sejauh mana kempen kemerdekaan 50 tahun negara sampai keterlibatan di peringkat akar umbi.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Larut yang diadukan pada 3 Julai 2007 iaitu hari Selasa dan Ahli Yang Berhormat Gelang Patah pada 5 Julai 2007 hari Khamis kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu sambutan ulang tahun kemerdekaan ke- 50.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih. Sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 tahun 2007 akan diadakan secara gilang-gemilang yang mempunyai kelainan daripada sambutan merdeka sebelum ini. Ia akan melibatkan semua kaum kumpulan etnik, budaya dan agama di semua peringkat umur sebagai simbol kekuatan negara. Semangat cintakan negara akan disemarakkan melalui pengisian acara-acara sambutan yang diadakan sepanjang tahun. Di peringkat nasional, tujuh program tunggal akan dilaksanakan iaitu:

- (i) Majlis pelancaran sambutan kemerdekaan dan kibar Jalur Gemilang pada malam 17 Ogos 2007 bertempat di Dataran Pahlawan Melaka:
  - (a) memaparkan pengimbasan kembali dengan izin *re-enactment* pengisytiharan kemerdekaan 1957; dan
  - (b) merangkumi segmen perarakan upacara menaikkan Jalur Gemilang dan persembahan artis-artis.
- (ii) Program keagamaan yang diadakan di seluruh Malaysia pada 29 Ogos 2007:
  - (a) merangkumi pelbagai agama di Malaysia, mengikut fahaman masing-masing; dan
  - (b) memfokuskan kepada bacaan doa selamat, pameran atau hiasan rumah ibadat dan upacara khutbah atau sembahyang khas sempena merdeka.
- (iii) Ambang merdeka pada 30 Ogos 2007 bertempat di Dataran Merdeka:
  - (a) persembahan video menjelang kemerdekaan;
  - (b) mengimbas kembali iaitu *re-enactment* dengan izin ambang merdeka 31 Ogos 1957; dan
  - (c) persembahan lagu-lagu patriotik.
- (iv) Perbarisan kemerdekaan pada pagi 31 Ogos 2007 bertempat di Dataran Merdeka:
  - (a) pertunjukan padang, menaikkan Jalur Gemilang, pembentukan pelbagai formasi, kumpulan pergendangan;
  - (b) perbarisan yang termasuk kontinjen pejalan kaki, kereta berhias, pasukan pancaragam; dan

- (c) persembahan daripada komponen rakyat bersepadu.
- (v) Jamuan teh pada 31 Ogos 2007 bertempat di Istana Negara:
  - (a) meraikan pembesar-pembesar asing dalam satu upacara yang akan diadakan di Istana Negara; dan
  - (b) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong akan berangkat menghadiri majlis.
- (vi) Perayaan raksasa merdeka ke 50 pada malam 31 Ogos 2007 bertempat di Stadium Merdeka:
  - (a) persembahan ini merupakan persembahan yang menjelmakan pengisytiharan detik kemerdekaan pada 31 Ogos 1957;
  - (b) memaparkan kejayaan semasa era kepimpinan lima orang Perdana Menteri melalui pelbagai tema kemerdekaan, perpaduan, pembangunan fizikal dan pembangunan insan atau kemanusiaan; dan
  - (c) matlamatnya adalah untuk menghargai kesepakatan setiap kaum dalam usaha menuntut kemerdekaan dan memberi kesedaran serta rasa syukur setelah negara mencapai kemerdekaan sehingga kini.

■1030

- (vii) Majlis Malaysia Merdeka pada malam 10 September 2007 bertempat di Kuching, Sarawak;
  - (a) Berkonsepkan kepelbagaian dalam satu pembangunan negara bangsa Malaysia dan penumpuan kepada persembahan multimedia kejayaan-kejayaan Malaysia dan upacara menaikkan bendera serta tarian gabungan Malaysia dan rangkaian lagu-lagu patriotik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perayaan tujuh tonggak utama tersebut, pelbagai upacara sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 juga akan diadakan sepanjang tahun oleh sektor awam dan sektor swasta dengan pelbagai program dan aktiviti merdeka.

Penglibatan rakyat dari akar umbi bukan sahaja kepada ketujuh-tujuh program tonggak utama malah setiap negeri dan kawasan Parlimen akan melaksanakan program-program kemerdekaan dengan peruntukan yang disalurkan untuk negeri dan kawasan terbabit.

Sambutan akan dilaksanakan juga di beberapa kedutaan Malaysia di luar negara seperti di Jakarta, London, Washington, Beijing, Sydney dan Saudi Arabia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri tadi. Kita tidak menafikanlah usaha yang begitu baik oleh pihak kerajaan yang didokong khususnya oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dengan program-program yang telah dimaklumkan tadi.

Kita hargai usaha ini dan program ini seharusnya tidak dilihat dalam konteks untuk sambutan sahaja tapi sepatutnya jiwa, perasaan, minda kita mesti juga turut merdeka.

Ini saya kira tidak dapat dilihat dalam kalangan rakyat terbesar, di kalangan generasi muda ataupun ahli-ahli perniagaan, kerana masih lagi kita lihat bahawa premis-premis, kedai-kedai yang sepatutnya pada hari ini sudah mula juga mengibarkan bendera di premis masing-masing.

Jadi 31 Ogos itu dilihat kemuncaknya tapi sebelum kemuncak itu mesti ada dia punya kepanasan dulu, buat sedikit-sedikit 31 Ogos baru dihamburkan sebegitu besar jadi ini disebut *warming up* dulu.

Jadi ini harus dilihat kerana ianya merupakan imej negara kita 50 tahun merdeka, itu yang pertamanya.

Soalan saya adakah pihak kementerian hanya mengarahkan jabatan-jabatan saja, bagaimana pula usaha untuk memikat ahli-ahli perniagaan ini menunggu arahan dari kerajaan pula.

Keduanya ialah soal pemahaman, keinsafan dan kesedaran rakyat berkenaan erti merdeka itu sendiri kerana ini masih lagi belum dilihat kerana generasi muda, pelajar-pelajar masih lagi belum tahu bagaimana perjuangan kita menuntut kemerdekaan tanpa menitikkan darah dan sebagainya, ini ada yang tidak tahu atau sengaja tidak tahu.

Oleh kerana itu saya mencadangkan kalau boleh kita buat satu modul pelajaran ataupun satu tajuk 'merdeka' untuk dimaklumkan kepada generasi muda kepada rakyat-rakyat tentang bagaimana perwujudan kontrak sosial, bagaimana perjuangan sebelum merdeka dahulu dan sebagainya.

Ini saya kira akan memberikan satu penambahbaikan kepada sambutan-sambutan dan program-program yang telah dibuat oleh pihak kerajaan itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Pilah saya dah dengar jelas iaitu pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat.

Memang dengan perayaan ini datangnya kemuncaknya pada 31 Ogos 2007 dan sebelum ini kita telah nampak banyak aktiviti atau yang dikatakan oleh Yang Berhormat pemanasan atau *warming up* dengan izin dan akan mencapai kemuncak pada 31 Ogos tahun ini.

Jadi dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan juga pihak swasta, saya rasa pada kali ini ramailah yang terlibat. Begitu juga agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Penerangan pun ada lebih kurang daripada 500 aktiviti supaya selepas aktiviti-aktiviti ini diinsafi oleh rakyat jelata maka saya percaya jiwa patriotisme akan disemarakkan untuk

tahun ini, bak kata Allahyarham Tunku Abdul Rahman “Di atas keruntuhan Kota Melaka kita membina sebuah negara yang maju”, sekian terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah benar hari merdeka ini merupakan satu hari yang dirai oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, keturunan mereka, keagamaan dan kawasan mereka.

Sama ada kawasan mereka itu parti pemerintah atau pembangkang dan lagi pun memandangkan mereka semua adalah bukan saja rakyat tetapi pembayar cukai!

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah benar antara program-program dan peruntukan-peruntukan untuk meraikan hari kemerdekaan ke-50 ini termasuklah satu peruntukan khas yang diberikan setiap kawasan Parlimen, semua kawasan Parlimen yang bernilai RM30,000 setiap kawasan yang dihulur terus ataupun bukan terus kepada Ahli-ahli Parlimen kawasan-kawasan tertentu.

Saya ingin tanya perkara ini kerana walaupun satu majlis makan malam yang berada beberapa hari lalu di sebuah hotel lima *star* di Kuala Lumpur, Menteri KeKKWa telah menyampaikan cek-cek RM30,000 itu kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja kerana tiada pun seorang ahli pembangkang ataupun ahli bebas, saya tak tahu ahli bebas dijemput atau tidak. Yang Berhormat Menteri kata peruntukan ini untuk semua Ahli Parlimen...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, Menteri jawab.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Mengapa kami di sini tidak menerima jemputan, tidak diberikan makluman pun, adakah ini bermakna diskriminasi politik dan adakah ini Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, biar Menteri jawab.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan takut dia menjadi satu kementerian yang mencontohi budaya warisan dan juga tradisi *corruption* dan penyalahgunaan dana rakyat!

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukup, cukup.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Barisan Nasional, selama ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, biar Menteri jawab.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Jangan menjadikan ini satu kesempatan untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukup, cukup Menteri jawab.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *[Pembesar suara dipadam]*...Kalau

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, dia akan jawab, Menteri akan jawab.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *[Pembesar suara dipadam]*...tanpa dijadikan satu kesempatan untuk memperkayakan sesuatu pihak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cukup *[Dewan Riu]* Yang Berhormat cukup, cukup, Cheras cukup. Yang Berhormat Cheras duduk.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Memecah belah rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Batu Gajah diam!

**Dato' Wong Kam Hoong:** Yang Berhormat Cheras, akurlah arahan *Speaker*, tak hormat *Speaker* pun. *[Disampuk]*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Mana itu RM30,000?

**Tuan Yang di-Pertua:** Seputeh, Batu Gajah duduk. *[Dewan Riu]*

**Dato' Wong Kam Hoong:** Itulah perangai pembangkang! Barang di mana pun pantat periuk itu hitam juga, itulah perangai pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pusat, Kabinet dan lulus lebih kurang RM7 juta untuk kita semua meraikan bersama-sama iaitu perayaan kemerdekaan ke-50.

■1040

Semua kawasan Parlimen di negara kita. Kami tidak mengabaikan satu kawasan pun. Hanya di kawasan-kawasan yang tidak ada wakil rakyat daripada Barisan Nasional, kita salurkan kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian untuk meraikan. Jadi kali pertama saya dengar daripada pembangkang begitu berminat. Satu undangan Barisan Nasional. Sebab apa? Duit ada, dia minat. Duit ada.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Perayaan negara, kemerdekaan negara.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kita tahu semua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk.

**Dato Wong Kam Hoong:** Kalau Yang Berhormat daripada parti pembangkang minat juga dengan perayaan, berhubung dengan JKKI. Ada apa-apa idea pun tidak apa. *{Disampuk}* Mereka hanya minat duit itu saja. Duit itu saja. Bunga disunting pedunya ditendang. Itu dia. Okey, terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Diskriminasi, diskriminasi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Diskriminasi budaya Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Kuala Selangor.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Barisan Nasional pecah belah rakyat.

**4. Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah berkesan yang telah dan akan diambil oleh kementerian bagi memastikan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian khususnya dari segi pentadbiran dan perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk menambahkan jumlah kutipan hasil ke arah mencapai matlamat autonomi kewangan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa peka terhadap sistem penyampaian, pemberian perkhidmatan PBT kepada rakyat kerana ia adalah agensi paling dekat dengan rakyat serta berteraskan pelanggan. Sehubungan dengan itu pelbagai usaha penambahbaikan telah

dan sedang diambil dari semasa ke semasa agar PBT mampu memberi perkhidmatan dengan cepat dan berkesan.

Melalui forum Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kementerian ini bersama kementerian lain yang berkaitan serta semua kerajaan negeri sentiasa membincangkan cara untuk memperbaiki sistem pemberian perkhidmatan PBT sama ada dari segi pindaan akta ataupun undang-undang dan melalui penambah baik prosedur kerja PBT.

Sebagai contohnya pelaksanaan 64 langkah penambahbaikan pengurusan PBT yang telah pun dilaksanakan sejak tahun 2004. Selain itu, pada 13 April 2007, Yang Berhormat Perdana Menteri telah pun melancarkan persidangan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, penambahbaikan urusan cadangan pemajuan serta penyelenggaraan dan pengurusan hartanah yang berkaitan secara langsung dengan pemberian perkhidmatan PBT.

Ia melibatkan konsep bina kemudian jual, pengeluaran *Certificate of Completion and Compliant* oleh CCC oleh para profesional, pelaksanaan pusat setempat OAC bagi cadangan pemajuan serta pelantikan Yang di-Pertua PBT sebagai Pesuruhjaya bangunan COB.

Perlaksanaan AOC misalnya boleh membantu menyelaras dan mempercepatkan permohonan kebenaran merancang pelan bangunan dan pelan-pelan lain yang boleh dilaksanakan dalam tempoh antara empat hingga enam bulan, yang mampu menangani isu kelewatan yang sering dibangkitkan apabila berurusan dengan PBT.

Bagi membantu PBT meningkatkan sumber hasilnya khususnya cukai taksiran ataupun cukai pintu yang merupakan hasil utamanya, PBT telah pun mempelbagaikan lagi kaedah kutipan ataupun pembayaran cukai pintu agar lebih mesra pelanggan seperti melalui bank, pejabat pos, kad kredit dan internet. Ia bukan sahaja memudahkan urusan pembayaran cukai tetapi juga mampu menangani masalah tunggakan cukai.

Sejajar dengan statusnya sebagai sebuah perbadanan, sebagai mana yang dinyatakan di dalam seksyen 13 Akta Kerajaan Tempatan 1976, PBT boleh melaksanakan pelbagai usaha untuk menambah punca hasil selain bergantung kepada cukai pintu seperti meningkatkan perkhidmatan yang boleh dikenakan bayaran, mengkaji semula kadar lesen serta berfungsi sebagai pemaju.

Selain itu, PBT juga boleh mengkaji semula kadar cukai pintu yang dikenakan dalam tempoh lima tahun sebagai mana yang diperuntukkan oleh seksyen 137 Akta 171.

Usaha penambahbaikan perkhidmatan PBT akan terus dijalankan dari semasa ke semasa dan kementerian ini bersedia mendengar pandangan, aduan dan syor yang dikemukakan. Pada masa kini kerajaan sedang memberi tumpuan kepada cadangan untuk meminda Akta 171 agar mutu perkhidmatan PBT dapat dipertingkatkan lagi. Sekian.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Moral dan kebajikan kakitangan PBT mesti dijaga kerana mereka menyumbang kepada prestasi PBT masing-masing. Tetapi masalah yang berlaku hari ini didapati ramai kakitangan PBT yang bertaraf kontrak sedangkan mereka sudah berkhidmat hampir sepuluh tahun. Bila masalah ini dapat diselesaikan? Bila jawatan mereka dapat ditetapkan?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan termasuk memberikan insentif kepada semua Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara agar mereka dapat berfungsi dan menyumbang secara lebih berkesan untuk pembangunan PBT masing-masing.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Selangor. Untuk soalan yang pertama tadi berkenaan dengan moral dan kebajikan kakitangan yang perlu dijaga kerana mereka banyak menyumbang kepada kerja-kerja yang dijalankan oleh PBT. Ini kita memang maklum dan kita prihatin. Oleh kerana itulah dalam jawapan saya tadi di perenggan yang akhir ini saya mengatakan bahawa pada masa kini kerajaan sedang memberi tumpuan kepada cadangan untuk meminda Akta 171 agar mutu dan perkhidmatan PBT dapat ditingkatkan lagi. Yang Berhormat, ini termasuklah berkenaan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan PBT. Jadi, kita tunggulah sekarang. Segala usaha sedang dilaksanakan dan kita sedang berbincang dengan pelbagai pihak termasuklah juga daripada pihak Ahli-ahli Majlis, daripada insya-Allah dengan persatuan kakitangan pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan sendiri, kerajaan-kerajaan negeri dan juga lain-lain pihak lagi yang ada kaitan dengan PBT supaya kajian ini benar-benar dapat menepati aspirasi semua pihak. Insya-Allah.

Yang kedua, insentif kepada Ahli-ahli Majlis sebenarnya ini kita serahkan kepada pihak berkuasa negeri ataupun kerajaan negeri kerana segala arahan kepada pihak berkuasa tempatan sebenarnya kuasa itu ada pada kerajaan negeri. Ini pun tertakluk juga kepada keupayaan pihak berkuasa tempatan masing-masing jika mereka mempunyai keupayaan dari segi kemampuan kewangan. Mungkin mereka dapat memberikan insentif yang lebih baik. Saya tahu di negeri Selangor, ada PBT yang mempunyai kemampuan. Mereka telah pun memberikan insentif-insentif yang tertentu kepada Ahli-ahli Majlis mereka.

Kita harap PBT yang lain di negeri-negeri yang lain juga bolehlah mengambil contoh apa yang telah dilakukan oleh negeri Selangor dan ada juga negeri seperti di negeri Johor yang telah melaksanakan insentif yang baik ini untuk Ahli-ahli Majlis bekerja dengan lebih baik lagi. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kajian sedang dibuat untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul. Kalau cukai pintu lambat, saman cepat saja sampai. Sedangkan cukai pintu semakin hari semakin meningkat. Saya lihat penguat kuasa lepas pukul lima sudah

tidak bertugas lagi dah untuk menentukan naiknya gerai-gerai, restoran-restoran yang tidak sepatutnya dibuka mengikut jadual dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini masalah pembaziran. Kita lihat pembaziran dibuat oleh sesetengah PBT. Saya bagi contoh *parking*. Kalau dulu pakai meter. Masuk syiling, kemudian ubah balik pakai kupon. Kupon ini *dicharge* mengikut kadang-kadang sejam 20 sen, 30 sen. Kalau tiga jam baru seringgit. Sedangkan mencetak kupon itu sendiri lebih daripada seringgit. Bukankah ini suatu pembaziran? Jadi apakah PBT hendak meningkatkan cukai, kalau ini juga dilihat sebagai satu pembaziran.

Jadi apakah Yang Berhormat mencadangkan supaya perkara Yang Berhormat sebutkan tadi dalam kajian boleh dilaksanakan. Saya bagi satu lagi contoh. CF ini lambat sangat. Orang hendak buat rumah, kena duduk rumah. Sedangkan kalau rumah sudah siap, CF lambat keluar. Dia terpaksa sewa rumah. Jadi ini menimbulkan masalah dan kesulitan kepada rakyat. Jadi apakah pihak Yang Berhormat perlu menyegerakan perkara ini supaya tidak timbul masalah kutipan cukai dan sebagainya.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Larut. Untuk makluman Yang Berhormat berkenaan dengan CF tadi itu, kementerian telah pun membuat pindaan melalui Parlimen yang mulia ini, dewan yang mulia ini dan kini sekarang kita sudah mempunyai satu sistem baru iaitu CCC. Ini akan dikeluarkan bukan oleh pihak berkuasa tempatan lagi tetapi oleh pihak profesional. Kita menganggap bahawa masalah yang pernah dilalui oleh pembeli-pembeli rumah sebelum ini tidak akan timbul lagi. Insya-Allah. Sekiranya ada masalah lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat bolehlah membuat laporan kepada pihak kementerian.

■1050

Berkenaan dengan pindaan ini Yang Berhormat, saya inginlah memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri pun memang prihatin tentang perkara ini dan telah mengarah pihak kementerian supaya mempercepatkan usaha ataupun proses untuk meminda Akta 171 ini agar segala permasalahan yang timbul, segala aduan, segala kurang senang hati pembayar cukai khususnya tentang masalah yang ada di pihak berkuasa tempatan dapat ditambah baik dengan sesegera yang mungkin. Segala proses itu Yang Berhormat, sedang berjalan pada masa ini, insya-Allah. Terima kasih.

**5. Datuk Haji Md. Alwi Bin Haji Che Ahmad [Ketereh]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Tabung Haji bercadang untuk menjual semua tanah / ladang Tabung Haji di Indonesia memandangkan hampir separuh dari tanah dan ladang tersebut tidak berada di dalam kedudukan yang terbaik dan tidak memberikan hasil yang setimpal. Nyatakan kedudukan keluasan tanah-tanah tersebut dan di mana.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang Tabung Haji tidak bercadang untuk menjual sebarang ladang kelapa sawit di Indonesia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ladang Tabung Haji di Indonesia telah mencatatkan hasil sebanyak RM232 juta dalam tahun 2006 berbanding RM180 juta dalam tahun 2005. Peningkatan ini adalah hasil daripada pertambahan pengeluaran sejajar dengan peningkatan kematangan pokok kelapa sawit. Oleh itu ladang di Indonesia belum lagi berada pada tahap pengeluaran yang maksimum. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keluasan ladang Tabung Haji di Indonesia ialah 82,147 hektar dan ladang ini terletak di provinsi Riau, sekian terima kasih.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada Tabung Haji kerana nampaknya akhir-akhir ini Tabung Haji sedang berusaha dengan giat untuk memastikan bahawa pelaburannya sama ada dalam negeri yang disebut tadi, di luar negeri peningkatan yang begitu baik kepada peringkat melebihi sampai RM50 juta dalam masa setahun. Ini jelas membuktikan bahawa Tabung Haji kini berada di landasan yang betul dan sedang diterajui untuk memberikan keselesaan kepada para penabung dan juga para pelabur yang masuk di dalam.

Soalan tambahan saya ialah bukan mengenai pelaburan sebab pelaburan sudah bagus. Saya hendak tanya mengenai rundingan yang dibuat dengan kerajaan Arab Saudi sebab Tabung Haji asasnya diwujudkan untuk memberikan keselesaan dan kemudahan kepada jemaah haji yang berada di Tanah Suci. Jadi setakat ini, sejauh manakah rundingan-rundingan yang telah dibuat dengan Kerajaan Arab Saudi untuk memberikan penempatan yang lebih selesa, perkhidmatan yang lebih baik kepada para jemaah kita di Mina, Mekah, Arafah dan juga di Madinah. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih Yang Berhormat dari Ketereh. Sebenarnya pihak Tabung Haji pada setiap kali musim haji, didahului oleh pegawai-pegawai Tabung Haji telah pergi berkira ataupun berunding dengan pihak kerajaan Saudi. Terutama mereka yang terlibat secara langsung iaitu muassasah, yang dikenali sebagai muassasah, merupakan satu institusi yang telah diwakilkan ataupun diamanahkan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk menguruskan jemaah haji yang datang dari Asia Tenggara dan dibahagikan kepada beberapa muassasah di seluruh dunia ini. Jadi yang jaga tentang Asia Tenggara ini ialah sebuah muassasah, sebuah yayasan, sebuah perbadanan yang menguruskannya.

Jadi menjadi kebiasaan kepada Tabung Haji menghantar beberapa kali yang terdiri daripada peringkat pertamanya ialah pegawai-pegawai Tabung Haji untuk pergi berkira bagaimana supaya perjalanan haji setiap tahun berjalan lancar. Jadi Alhamdulillah pada tahun ini saya seperti biasa juga telah pergi berunding pada bulan Jun yang lepas dengan pihak 'Menteri Haji' sendiri, dia ada satu pertemuan khusus setiap tahun bukan daripada Malaysia sahaja, bahkan di seluruh dunia yang diwakili oleh menteri-menteri yang menjaga urusan jemaah

haji negara itu. Jadi, didahului oleh beberapa perundingan pegawai-pegawai Lembaga Tabung Haji, jadi yang terakhir itu kita tandatangani MOU dengan pihak Kementerian Haji Arab Saudi.

Iaitu di antara kemudahan-kemudahan yang kita bincangkan dengan pihak-pihak berkuasa muassasah ini dan juga pihak berkuasa Kementerian Haji Saudi, ialah bagaimana hendak mengatur keselesaan dan kemudahan. Terutama iaitu semasa mereka mengerjakan haji. Apa yang kita istilahkan semasa mereka mengerjakan haji ini ialah semasa mereka pergi daripada Mekah ke Arafah, kemudian ke Mudzhalifah, kemudian ke Madinah ataupun bermalam di Mina, kemudian urusan balik ke Mekah semula untuk tawaf dan seterusnya ialah ziarah ke Madinah.

Jadi masa yang begitu terhad dan jumlah yang melebihi setiap tahun 2.5 juta, itu angka rasmi, angka tidak rasmi biasa menjangkau tiga ataupun tiga lebih tertakluk kepada jatuhnya wuquf di Arafah itu pada hari Jumaat. Kalau wuquf pada hari Jumaat, macam tahun lepas iaitu lebih daripada 3 juta berkumpul di suatu tempat yang sangat terhad itu. Iaitu daripada Arafah, Mudzhalifah, Mina, Mekah dan Madinah.

Jadi urusan-urusan seperti penginapan, urusan-urusan seperti pengangkutan daripada tempat-tempat tersebut kita berunding dengan pihak berkuasa Arab Saudi, dan sebagaimana yang saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun membaca kenyataan saya yang lepas iaitu tambang haji pada tahun ini tidak naik. Itu satu berita yang saya rasa sangat ditunggu-tunggulah oleh jemaah haji kita walaupun pengangkutan kita naik, walaupun pengangkutan tambang daripada Malaysia ke Jeddah dan juga tempat tinggal jemaah haji di Mekah dan juga Madinah meningkat. Jadi kerana kita memikirkan di antara objektif penubuhan Lembaga Tabung Haji ini ialah untuk menjaga, selain daripada melabur wang yang telah dikumpulkan daripada para pendeposit Islam di Malaysia, jadi kita menjaga kebajikan jemaah haji.

Jadi sepatutnya sudah kita naik daripada beberapa tahun lepas, tapi kita rasa kita bertanggungjawab serta tambahan pula pelaburan kita agak baik dan ladang-ladang kita juga baik sebagaimana yang telah saya sebut tadi di provinsi Riau dan juga di tempat-tempat lain baik. Jadi pada tahun ini kita tidak naik. Sepatutnya harga sebenar naik haji muassasah umum, tidak pakej ialah RM10,300 lebih, di sekitar RM10,300, tapi masih kita kekalkan RM8,973. Maknanya dalam RM1,000 lebih terpaksa ditanggung oleh Tabung Haji dan subsidi yang terpaksa diberi oleh Tabung Haji di sekitar RM57 juta, saya difahamkan RM57 juta terpaksa ditanggung oleh Tabung Haji. Jadi saya rasa itu adalah merupakan tanggungjawab sosial Tabung Haji. Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, adakah di lain-lain tempat seperti di selatan Filipina, Tabung Haji terlibat di dalam pembukaan ladang-ladang sawit atau di Papua New Guinea, dan kalau ada apakah keadaan sama ada menguntungkan atau tidak?

Yang kedua, untuk menambahkan, menarik pelaburan kepada penyimpan Tabung Haji supaya lebih banyak, adakah rancangan Tabung Haji untuk memberi haji percuma kepada penyimpan-penyimpan yang telah sampai kepada katalah RM30,000 ke, lima tahun simpan ke, bagi insentif supaya pelabur-pelabur ini dapat menyimpan dalam Tabung Haji. Terima kasih.

■1100

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa. Soalan pertama yang telah ditimbulkan, apakah Tabung Haji juga telah melabur di selatan Filipina. semasa saya tidak ada dan di Papua New Guinea juga tidak ada. Hanya kekal di Riau sahaja dan kita mengambil tanggungjawab supaya pelaburan itu menguntungkan dan Alhamdulillah pelaburan kita sangat menguntungkan. Saya diberitahu oleh pihak pengurusan Tabung Haji iaitu pada tahun 2007, 70,000 hektar akan matang semuanya iaitu di akhir 2007 akan matang semuanya dan kita mengharapkan sebab daripada angka yang telah saya beri tadi iaitu telah meningkat pada tahun ini sehingga RM230 juta. Kalau tahun lepas RM180 juta dan meningkat pada tahun ini, kita mengharapkan pada tahun 2007 dengan ladang kita yang telah bertambah, yang telah matang dan yang boleh membuahkan hasil, jadi kita mengharapkan lebih banyak lagi pulangan yang dapat diberi daripada Ladang Riau itu.

Tentang haji percuma, minta maaf kita pun menguruskan dana orang Islam, cuma kita beri insentif sedikit kepada Ahli-ahli Parlimen sebagai mewakili mereka, pada tahun ini mungkin kita akan memperkenalkan skim kepada Ahli-ahli Parlimen. Wallahualam, sekian terima kasih.

**6. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mempertingkatkan lagi peranan RELA dalam konteks peningkatan keselamatan dan penglibatan tugas-tugas kemasyarakatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mempertingkatkan lagi peranan RELA dalam konteks peningkatan keselamatan dan penglibatan tugas-tugas kemasyarakatan adalah seperti berikut:

- (i) RELA memperbanyakkan kursus dan latihan yang perlu kepada anggotanya. Setakat ini, terdapat empat buah pusat latihan wilayah yang telah diadakan iaitu di Sungai Udang, Melaka untuk wilayah selatan, Pusat Latihan Bukit Selambau, Sungai Petani untuk wilayah utara, Pusat Latihan Kuala Berang untuk wilayah timur dan Pusat Latihan Tuaran di Sabah. Sebuah lagi pusat latihan RELA akan dibina di Sarawak;

- (ii) meningkatkan kemudahan peralatan logistik di mana dalam tempoh dua tahun ini RELA telah menyediakan sebanyak 378 buah kenderaan untuk kegunaan di pelbagai peringkat;
- (iii) pihak RELA telah pun mencadangkan penyusunan semula struktur organisasinya di peringkat ibu pejabat negeri dan daerah;
- (iv) kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk pembayaran elaun khas kepada setiap anggota RELA yang menyertai operasi dan juga tugas-tugas lain;
- (v) menyediakan perlindungan insurans berkelompok kepada anggota RELA yang aktif menjalankan tugas operasi dan aktiviti RELA;
- (vi) menggerakkan kempen supaya pasukan RELA menjalin hubungan rapat dengan penduduk setempat melalui kerjasama dengan Persatuan Penduduk, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, dan Rukun Tetangga; dan
- (vii) mewujudkan rangkaian kerjasama dengan pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Imigresen Malaysia dan lain-lain jabatan dalam pelbagai operasi.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kota Melaka.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya telah pun membaca satu laporan yang disediakan oleh SUHAKAM bagi tahun 2006 yang menyatakan dalam tahun 2006, memang wujudnya keadaan-keadaan ataupun kes-kes melibatkan pencabulan hak asasi manusia oleh anggota-anggota RELA apabila menjalankan operasi dan menangkap orang-orang asing. Saya ingin tahu daripada kursus-kursus yang telah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi sama ada wujudnya kursus-kursus yang secara spesifik yang dapat kita memperbetulkan dan juga kita melatih anggota-anggota RELA dalam negara kita supaya kes-kes seperti mana yang telah pun dinyatakan oleh SUHAKAM itu tidak akan berulang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sekurang-kurangnya 16 jenis kursus yang telah diadakan dan diperkenalkan kepada anggota-anggota RELA di pelbagai peringkat. Berhubung dengan laporan daripada SUHAKAM itu, memanglah pihak kementerian juga sentiasa prihatin kepada teguran-teguran dan juga laporan-laporan yang sedemikian. Oleh kerana itu, pada tahun ini kita telah pun mengadakan kerjasama untuk mengadakan kursus-kursus dan telah pun diadakan kursus di mana SUHAKAM telah dijemput untuk memberi ceramah.

Begitu juga dengan Polis Diraja Malaysia di mana pada masa kini pihak RELA telah pun terlibat secara langsung membantu Polis Diraja Malaysia di semua daerah polis di Kuala Lumpur. Sebelum daripada itu, mereka diberi pendedahan tentang peraturan dan undang-undang yang berkait dengan tugas menangani jenayah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebenarnya peranan RELA ini sangat penting. Soalannya ialah di peringkat daerah dan negeri, pegawai-pegawai ataupun pengarah di peringkat negeri kedudukannya sangat junior jika dibandingkan dengan jabatan-jabatan lain. Jadi dalam soal ini, dalam penyusunan semula organisasi yang disebut oleh Setiausaha Parlimen tadi ada empat cadangan. Yang pertama ialah untuk menaikkan taraf pegawai-pegawai di peringkat negeri dan juga daerah. Yang kedua adakah cadangan kementerian untuk menambah bilangan pegawai-pegawai tetap di peringkat daerah dan negeri supaya dengan itu pemantauan terhadap kes-kes seperti yang disebut oleh Kota Melaka itu tadi dapat dielakkan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau. Setakat ini pihak RELA telah pun mengemukakan cadangan seperti mana yang saya sebutkan tadi iaitu untuk mewujudkan satu struktur organisasi yang lebih kemas dan mantap dalam penyusunan semula RELA di semua peringkat. Satu cadangan yang baik daripada Yang Berhormat dan kita sememangnya berhasrat untuk mempertingkatkan atau menaikkan taraf pegawai-pegawai RELA di semua peringkat. Setakat ini RELA belum lagi jadi satu jabatan. Ia hanya merupakan sebuah bahagian di kementerian, kerana itu perjawatan yang terhad.

Namun begitu, jawatan Ketua Pengarah RELA sudah bertaraf JUSA C dan insya-Allah dengan penstrukturan semula ini, kita dapat menambah jumlah pegawai dan cadangan berserta dengan permohonan untuk menambah bilangan pegawai telah pun dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam di mana pihak RELA dan kementerian telah memohon tambahan sebanyak 3,000 jawatan baru untuk memantapkan RELA. Terima kasih.

7. **Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian ada membuat kajian berkaitan dengan kualiti air yang diminum oleh penduduk di luar bandar (air yang tidak dirawat) dibandingkan dengan kualiti air di bandar.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Kanowit. Kementerian Kesihatan sentiasa membuat kajian mengenai kualiti air yang diminum oleh penduduk di luar bandar mahupun di bandar. Kajian berkenaan meliputi kajian yang dijangka akan memberi kesan kesihatan kronik kepada pengguna. Oleh yang demikian, pemantauan air di luar bandar juga dilaksanakan terhadap

parameter fizikal dan bakteria untuk negeri yang menggunakan air yang dibekalkan di bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar atau ringkasnya BALB di Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kanowit.

**Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Terima kasih atas jawapan yang ringkas oleh Timbalan Menteri. Saya ingin fokuskan kepada soalan bekalan air bandar-bandar di seluruh negara ini. Kita ketahui bahawa pembekal air di bandar ini adalah daripada agensi yang ditetapkan oleh kerajaan dan diharapkan bahawa air ini adalah bersih tetapi pada masa yang sama kita ketahui bahawa banyak syarikat-syarikat atau penjual alat-alat tapisan air yang sering datang ke rumah-rumah untuk meyakinkan penghuni rumah supaya memasang alat-alat tersebut.

Saya sendiri telah pun diyakinkan selepas diberi demonstrasi yang menunjukkan bahawa air di bandar-bandar terutama sekali di Bandar Kuching adalah sangat kotor. Kalau ianya betul-betul begitu, adakah kerajaan sedar bahawa masalah ini berlaku dan kalau ya, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dan pemaju perumahan ataupun mereka yang membekalkan air ini supaya alat-alat seperti ini sepatutnya dipasang kepada semua rumah yang dibuat di bandar-bandar dan juga di luar bandar. Minta penjelasan.

■1110

Kalau ya, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dan pemaju perumahan ataupun mereka yang membekalkan air supaya alat-alat seperti ini sepatutnya dipasang kepada semua rumah yang dibuat di bandar-bandar dan juga di luar bandar. Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan daripada Kanowit. Saya tak berapa faham istilah kotor, tetapi melalui kajian-kajian kita yang dibuat secara berskala, kita ambil ribuan sampel air daripada loji air dan juga di pili-pili air yang dibekalkan dan kita ambil parameter pertama warna dan ... Tuan Yang di-Pertua. Kemudian kita hendak tahu juga sama ada air tersebut mengandungi logam berat. Dia ada *reading* tertentu empat per milion kehadiran logam berat seperti plumbum, arsenik dan sebagainya. Tapi yang lebih penting adalah kehadiran bakteria dan sama ada air tersebut mempunyai sisa-sisa racun perosak pestisid. Jadi mengikut piawaian antarabangsa, jika ujian berskala ini dibuat di merata tempat dan kita lakukan tiap-tiap tiga ke enam bulan dan jika semua sekali ini tidak terdapat maknanya logam berat, bakteria umpamanya e-coli, sisa racun perosak maka air tersebut adalah selamat untuk diminum. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, air adalah merupakan sumber asasi manusia dan dalam ilmu kesihatan pun lebih daripada satu minggu tak minum air manusia itu akan susah. Jadi apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini sebab di luar bandar mana ada loji. Mereka bergantung kepada air hujan, bergantung kepada air perigi, bergantung kepada air yang tidak ada kepastian kualitinya selamat tapi tidak ada pilihan.

Kita sudah merdeka 50 tahun, apa langkah yang diambil oleh kementerian, meminta kementerian yang lain bertanggungjawab memastikan air di luar bandar juga selamat untuk diminum seperti di bandar. Kalau bangunan kesihatan paip bocor semua kementerian tengok. Ratusan ribu Tuan Yang di-Pertua, rakyat luar bandar minum air yang tidak ada kepastian, tidak ada pun kementerian bising turun. Rakyat di luar bandar itu rakyat Malaysia, kenapa ada unsur-unsur diskriminasi. Prejudis! Ini tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Yang Berhormat...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Sabar kau Bung, sabar. Kau pakai *bow* ini hari.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Yang Berhormat, saya ingat lepas ini kita boleh minum air. Saya prihatin tentang sasaran dan saranan oleh Yang Berhormat Kinabatangan cuma saya hendak pastikan dan saya hendak tekankan di sini bahawa air yang dibekalkan ada banyak bekalan. Bekalan air luar bandar di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, ada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi tetapi dari sudut kesihatan kita hanya menjaga kualiti.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tak, maksud saya kenapa kementerian ini tidak meminta agensi-agensi ini supaya bertanggungjawab sebab air ini hak asasi.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tunggulah Yang Berhormat saya jawab. Jadi kita jaga kualiti dan kita pastikan bahawa kualiti air yang dibekalkan kepada luar bandar juga selamat. Seperti kajian-kajian yang dibuat oleh agensi dalam Kementerian Kesihatan untuk memastikan air yang dibekalkan di luar bandar dan juga di bandar adalah selamat. Sebab itu kita buat kajian berskala dan kita tidak menganaktirikan sama ada air yang di bandar adalah baik, air yang di luar bandar tidak baik. Sebab itu kementerian diberi banyak peruntukan untuk bekalan air bersih Bakas dan Kinabatangan pun dapat juga limpahan daripada program Bakas ini. Janganlah hentam sangat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan hentam. Dapat, tapi dapatnya berapa peratus? Bukan macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukup Yang Berhormat.

8. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan gejala sosial, jenayah dan pelacuran yang dilakukan oleh pelancong-pelancong asing seperti mengkaji semula tempoh visa dan visa *on arrival* yang diberi kepada mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Bagan. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia merupakan salah satu daripada destinasi

utama bagi para pelancong. Kestabilan politik, ekonomi, dan sosial telah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancong yang menarik. Mengikut statistik Jabatan Imigresen Malaysia seramai 14,644,898 orang pelawat asing telah memasuki negara ini pada tahun 2005. Pada tahun 2006 seramai 14,897,616 orang pelancong melawat Malaysia dan sehingga bulan Mei tahun ini seramai 6,067,109 orang telah melawat negara ini.

Di samping membantu Kerajaan Malaysia menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai tanggungjawab yang penting bagi memastikan bahawa semua warganegara asing yang memasuki negara ini sama ada untuk tujuan melancong, belajar atau bekerja mematuhi semua perundangan dan peraturan di negara ini. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pelawat asing yang melanggar perundangan dan peraturan negara ini. Bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini seramai 23,100 warga asing telah ditangkap kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 dan Akta Pasport 1966. Dari jumlah ini seramai 10,954 orang telah didakwa dan diusir daripada negara ini. Bagi memastikan bahawa pelancong-pelancong asing tidak terlibat dalam gejala-gejala negatif seperti jenayah pelacuran dan sebagainya kerajaan telah mengambil beberapa langkah-langkah keselamatan seperti berikut:

- (i) memperketat pengeluaran visa bagi warganegara dari negara-negara yang berisiko tinggi;
- (ii) meningkatkan operasi penguatkuasaan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia, RELA, Polis Diraja Malaysia khususnya di kelab-kelab malam, tempat-tempat hiburan, karaoke dan sebagainya. Operasi penguatkuasaan juga dilakukan di tempat kerja, di tapak pembinaan, ladang-ladang, kilang-kilang dan sebagainya;
- (iii) mendakwa dan menyenaraihitamkan pelawat-pelawat yang telah didakwa supaya mereka tidak dibenarkan masuk ke negara ini semula. Ini dilakukan dengan mengambil cap jari mereka dan dimasukkan ke dalam pangkalan data Jabatan Imigresen Malaysia.

Setakat ini kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula VOA (*Visa on Arrival*) yang diberikan kepada warganegara asing. Kerajaan berpandangan kemudahan VOA yang dikeluarkan telah menggalakkan dan meningkatkan industri pelancongan negara ini. Ini kerana jumlah mereka yang menyalahgunakan kemudahan ini masih terkawal. Walau bagaimanapun, kerajaan akan melihat semula kemudahan VOA jika keadaan mendesak. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah benar bahawa pihak imigresen ada menjalankan *checking* dengan izin kepada pelancong-pelancong yang disyaki bukan pelancong yang tulen, di mana mereka diminta untuk

menunjukkan sejumlah wang yang mereka bawa masuk ke negara kita dan juga ada *valid ticket* kapal terbang yang boleh balik ke negara asalnya, dan mengapa pada masa sekarang ada ramai perempuan asing yang bekerja di rumah-rumah urut yang dikatakan tradisional. Sekian saja.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Bagan. Sememangnya pihak Jabatan Imigresen pada setiap masa dan dari semasa ke semasa boleh membuat pemeriksaan terhadap mana-mana pelancong yang disyaki, dan pemeriksaan ini adalah bagi membolehkan Jabatan Imigresen mengenal pasti supaya mereka yang termasuk dalam senarai syak ini atau disyaki dapat dihindarkan daripada gejala-gejala penyalahgunaan peraturan masuk ke negara ini.

■1120

Di samping itu, mengenai kenyataan Yang Berhormat bahawa terdapat ramai pekerja di rumah-rumah urut tradisional, kerajaan telah pun meluluskan dalam Kempen Melawat Malaysia ini kemudahan untuk pusat-pusat pelancongan membawa masuk pekerja-pekerja untuk refleksologi. Ini adalah bagi memenuhi keperluan dan permintaan pelancong-pelancong asing yang datang ke negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Batuk baru dapat. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, hal melawat Malaysia satu hal. Memang kita nak pelancong mai ke Malaysia untuk menambahkan ekonomi dan memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia. Tetapi masalah keselamatan perlu diutamakan Tuan Yang di-Pertua, hari ini kalau kita tengok dalam media massa,, dalam TV dan sebagainya tiap-tiap hari pendatang-pendatang asing ini buat perangai. Merompak, merogol, mencuri, macam-macam dia buat. Jadi, penguatkuasaan nampaknya begitu lemah sekali,

**Seorang ahli:** Yes.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...saya telah bercakap dengan beberapa jabatan. Jabatan Imigresen, dia kata *manpower* ataupun tenaga manusia kurang Tuan Yang di-Pertua. Dia nak buat *rape* pun tak cukup, dia nak pi sana sini tak cukup,

**Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Bukan *rape*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...dan kalau boleh, *raid* bukan *rape*. *[Ketawa]*. Kalau boleh macam di Kuala Lumpur Tuan Yang di-Pertua, bukan susah sangat. Pi ke Jalan Tan Sri P. Ramlee baru ini kita buat apa di sana, saya lalu balik semua pendatang-pendatang asing yang dok jadi huha huha RO, GRO semua itu. Kalau gitu siapa-siapa timbalan menteri pi tangkap. Apa salahnya kan? Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, supaya kementerian menguatkuasakan undang-undang yang telah kita lulus. Saya nak tanya Setiausaha Parlimen ini, sahabat saya daripada Pokok Sena, berapa ramai dah pelindung kepada pendatang-pendatang haram ini disebat? Berapa ramai dah? Sedangkan undang-

undang kita luluskan bahawa siapa yang melindungi pendatang-pendatang haram dia kena sebat rotan Tuan Yang di-Pertua. Kalau tauke dia kena sebat, taubat dia tak bawa masuk dah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini pasal tak kena sebat dan depa ini Tan Sri pi ajak pula wanita-wanita Malaysia ini, kesian kat Datuk Menteri Wanita pula. Heret masuk sama pi dangdut tak dangdut semua ini Tuan Yang di-Pertua. Pakai baju kain tak cukup apa semua ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, biar Menteri jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Mintalah tolong jawab sat. Saya pun tak tahan dah Tan Sri. Kalau boleh saya pun nak tolong pi tangkap sama. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya faham itu.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Jerai. Dari segi menjaga keselamatan negara ini tugasnya ialah Polis Diraja Malaysia, pasukan tentera. Sementara Jabatan Imigresen dan RELA di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah bertindak untuk menguatkuasakan undang-undang berhubung dengan, kalau RELA misalnya untuk menangani isu PATI. Kalau Jabatan Imigresen untuk menentukan mereka yang masuk ke negara ini mematuhi akta atau undang-undang Imigresen. Ada dua hal yang perlu saya sebut di sini iaitu pekerja yang sah dan juga pendatang tanpa izin. Pekerja yang sah ini sekarang ini terdapat hampir dua juta. Mereka ini dikawal dengan pelbagai cara termasuk sekarang ini kita menyediakan kad-kad pekerja dan mengenai PATI, operasi memang berjalan. Sekarang ini operasi untuk menangani isu PATI di bawah tanggungjawab RELA ini telah diarahkan. Kementerian telah mengarahkan setiap pegawai di peringkat daerah menjalankan sekurang-kurangnya empat operasi seminggu di setiap daerah di seluruh negara.

Jadi, di samping itu juga bagi menguatkuasakan undang-undang di mana pendatang tanpa izin ini terlibat dalam jenayah, pihak polis juga telah meminta kerjasama RELA. Di semua daerah polis di Kuala Lumpur ini, RELA telah turut terlibat kerana bercakap tentang *manpower* ataupun tenaga pegawai, sama ada di Imigresen atau di polis memanglah kita masih kekurangan. Di Imigresen, pegawai penguat kuasa dua tahun yang lalu hanyalah 664 orang dan kita telah membuat permohonan baru dan sudah diluluskan tambahan 1000. Jadi dari segi kesungguhan pegawai-pegawai ini menjalankan tugas, mereka telah melaksanakan tugas dengan sesungguhnya dengan penuh dedikasi dan bagi menangani keseluruhan isu-isu ini. Semua pihak sebenarnya terlibat dan bagi kementerian, tadi Yang Berhormat kata saya turun, Insyallah memang malam ini program saya di Selangor. Minggu sudah di Wilayah Persekutuan, hari Jumaat ini di Johor. Jadi, saya setiap minggu sekurang-kurangnya dua hari saya bersama-sama dengan pegawai-pegawai saya turun padang untuk melihat. Jadi kalau kena daripada Jerai ini ingin turut terlibat, malam ini boleh pakai uniform ikut saya, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Nak pi *rape* sapa tu? [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, itu adalah jemputan ya? Serious ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Baiklah, saya ikut, saya ikut.

9. **Datuk Haji Mohd Said bin Haji Yusof [ Jasin ]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sama ada kerajaan menjalankan kajian tentang keberkesanan program-program KeKKWa seperti Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni, Program Merakyatkan Seni Budaya serta Kempen Membaca dan berapakah telah dibelanjakan dalam tahun 2006.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) telah pun menjalankan kajian keberkesanan semua program KeKKWa seperti Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni, Program Merakyatkan Seni Budaya iaitu PMS serta Kempen Membaca.

- (i) Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni. Kajian keberkesanan telah dijalankan melalui program-program Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni di 21 buah lokasi aktiviti kempen seluruh Malaysia yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2006. Kajian Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni melibatkan seramai 8874 orang responden yang telah memberikan maklum balas berkenaan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni mengikut pembahagian jantina, bangsa, umur dan pekerjaan. Antara faktor yang diguna pakai dalam indeks budi bahasa adalah menyentuh kefahaman masyarakat kita tentang 47 nilai-nilai murni yang diketengahkan. Daripada maklum balas tersebut, didapati 71% responden menyatakan keberkesanan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni manakala 29% responden lagi menyatakan sebaliknya. Kesemua ini menunjukkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni tahun 2006 adalah berjaya dan mencapai matlamatnya. Sebanyak RM15 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni sepanjang tahun 2006.
- (ii) Program Merakyatkan Seni Budaya atau PMS. KeKKWa melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara iaitu JKKN telah menjalankan kaji selidik keberkesanan Program Merakyatkan Seni Budaya dan hasil daripada kaji selidik tersebut dapat dirumuskan bahawa PMS dapat:
  - (a) Mendekatkan rakyat dengan aktiviti seni dan budaya

- (b) Masyarakat tempatan terlibat secara langsung dalam program tersebut
- (c) Mendekatkan pemimpin tempatan dengan masyarakat setempat
- (d) Pembesar utama negara dan negeri dapat berinteraksi dengan masyarakat tempatan.
- (e) Memperkenalkan dan mendekatkan agensi-agensi KeKKWa kepada orang ramai dan;
- (f) Memberi peluang kepada semua kaum seperti Melayu, Cina, India, Orang Asli, etnik Sabah dan Sarawak saling mengenali seni, budaya dan warisan mana-mana kaum termasuk juga masyarakat yang tinggal di bandar, luar bandar dan kawasan FELDA. Pada tahun 2006, sejumlah RM7 juta telah dibelanjakan bagi mengadakan 62 PMS di seluruh negara.
- (g) Kempen Membaca. Keberkesanan Kempen Membaca ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan keahlian dan kunjungan oleh orang ramai di perpustakaan-perpustakaan awam yang terdapat di seluruh negara.

■1130

Pada tahun 2005, KeKKWa melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersama Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjalankan kajian profil membaca rakyat Malaysia. Umumnya kajian ini mendapati 98.8% responden berumur 10 tahun dan ke atas membaca sekurang-kurangnya dua buah buku setahun, manakala 1.2% responden langsung tidak membaca. Secara terperinci sebanyak 56% responden membaca empat hingga sepuluh buah buku dan 33% membaca sekurang-kurangnya 12 buah buku setahun.

Kerajaan amat prihatin dalam tahap pembacaan dapat dipertingkatkan di kalangan masyarakat. Oleh itu, Jemaah Menteri telah memperuntukkan RM5 juta setahun bagi tempoh lima tahun lagi menjalankan Program Kempen Membaca di seluruh negara. Program ini telah diluluskan mulai tahun 2006 sehingga 2010. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sokong kempen-kempen yang dijalankan oleh KeKKWa ini – budi bahasa, membaca, merakyatkan seni tetapi kadangkala Timbalan Menteri, budi bahasa sahajalah, kena tengok juga keadaan. Jadi apa yang Timbalan Menteri cakap di dalam Dewan *Senate* itu, kecil hati saya dan Ahli-ahli Parlimen lain kerana kadang-kadang kita terpaksa menggunakan bahasa-bahasa, sebagai contoh, akhir-akhir ini apabila Universiti Malaya hendak dipindahkan, hendak diambil alih

oleh pengusaha swasta, apa cakap Yang Mulia Ungku Aziz, “gila dan kurang ajar”. Mengapa kementerian tidak pergi nasihatkan Ungku Aziz?

Yang nombor dua Tuan Yang di-Pertua, tentang seni budaya. Baru-baru ini di Jasin, di kawasan saya, diadakan majlis seni budaya hendak merakyatkan budaya orang Melayu – berana keras. Berana keras ini biasanya permainan orang Melayu dan orang Islam kerana berana keras ini bersama kita zikir, selawat, marhaban, jadi kita pukul berana ini. KeKKWa pula serahkan berana keras ini kepada orang Cina dan orang India kerana hendak merakyatkan berana keras ini. Jadi Ketua MCA dan Ketua MIC tanya saya, “Datuk, hendak buat apa saya dengan berana keras ini?” Orang Melayu dia sembahyang, dia zikir. Yang KeKKWa hendak merakyatkan berana keras.

Kalau tabla – tabla ini tabuhan orang India, Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu boleh pakai pasal kita boleh main dangdut, main ghazal. Kalau tarian singa pun, kalau hendak merakyatkan orang India dengan orang Melayu, kita boleh terima kerana ia kebudayaan, tidak ada kena mengena dengan agama, tetapi mengapa banyak-banyak benda, boleh tergamak hendak merakyatkan yang ada sangkut paut dengan agama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Jadi saya minta dalam kajian yang dibuat oleh kementerian itu, janganlah, tengok dahulu. Kadangkala ada seni budaya ditinggalkan oleh masyarakat Melayu kerana didapati syirik. Itu sebab ditinggalkan, tetapi sekarang kementerian cuba hendak hidupkan balik. Saya minta kajian yang mendalam dan yang mana melibatkan keagamaan, KeKKWa yang tidak faham tentang agama, kena rujuk kepada JAKIM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato’ Wong Kam Hoong:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jasin. Soalan tambahan ada dua bahagian. Yang bahagian pertama, beliau merujuk tentang jawapan saya di Dewan Negara. Jadi itu bukanlah pendirian saya, itu adalah pendirian kementerian dan saya tidak melemparkan kata cacian yang menyentuh peribadi kepada saudara saya. Kalau saudara saya berkecil hati, saya ucapkan *sorry*lah kepada saudara saya, tetapi ini bukanlah niat yang jahat. Ini pendirian kementerian dan sebagai Timbalan Menteri di KeKKWa, saya patutlah jalankan tanggungjawab saya.

Tentang bahagian kedua iaitu tentang program-program yang tidak begitu sesuai untuk Program Rakan Seni, saya akan ambil perhatian dan pandangan Yang Berhormat dan akan memperhaluskan program-program yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni. Saya ucapkan tahniah kepada program yang padat yang telah dilaksanakan oleh KeKKWa. Walau bagaimanapun saya dapati Kempen Budi Bahasa itu tidak terasa secara meluasnya oleh rakyat biasa. *I mean the main industry*. Saya hendak tahu mengapa Kempen Budi Bahasa itu tidak melibatkan Kementerian Penerangan dengan

secara lebih giat lagi, oleh kerana siaran TV dan radio tidak begitu kerap sehingga ia boleh terasa oleh rakyat biasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** ...bahawa adanya Kempen Budi Bahasa sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Misalnya, bolehkah di jabatan-jabatan kerajaan, semua jabatan kerajaan mengambil dan memainkan peranannya dalam menjayakan Kempen Budi Bahasa dan juga di sekolah-sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, sila jawab, ringkaskan.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu program Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melainkan satu program Jemaah Menteri iaitu merangkumi semua kementerian di negara kita sebab kewangan yang terhad, kita tidak boleh menjalankan dengan lebih menyeluruh. Kalau kita melangsungkan ini dengan menyeluruh, Yang Berhormat pun buat satu program di bawah kementerian saya di mana minat dan sambutan begitu baik. Di mana-mana kita buat pun, kita hendak 200 orang, akhirnya 600 orang daftar untuk kempen-kempen tertentu di bawah kementerian saya. Saya harap kempen ini bukan untuk satu, dua tahun sahaja. Ini akan berterusan kepada tahun 2010. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tamatkan sesi soal jawab lisan pagi ini.

*[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]*

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**TOL RM2 SEHALA BAGI TEROWONG AIR BANJIR  
DAN JALAN RAYA (SMART TUNNEL)**

**11.39 pg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan hormatnya, saya Fong Kui Lun, Ahli Parlimen Bukit Bintang ingin mengemukakan Usul di bawah Perkara 18(1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat untuk menangguhkan sidang Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membincangkan sesuatu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu tindakan Syarikat Konsesi Pembinaan Terowong Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) mengenakan tol RM2 sehalal bagi kenderaan-kenderaan yang menggunakan Terowong Bestari bermula 16 Jun 2007 dari Jalan Tun Razak ke Lebuhraya Sungai Besi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tertentu kerana Terowong Bestari SMART yang dibina sebagai satu langkah mengelak banjir di pusat bandar raya di samping menyelesaikan kesesakan kenderaan yang memasuki dan keluar dari bandar raya Kuala Lumpur telah menelan belanja sebanyak RM2,168 juta yang mana sebanyak RM1,547.3 juta ditanggung oleh kerajaan sendiri, manakala RM620.7 juta lagi ditanggung oleh Syarikat Pengurusan Air Banjir dan Terowong Sdn. Bhd. Akan tetapi syarikat konsesi MMC-Gamuda ini mengenakan kutipan tol RM2 sehala bermula Sabtu lalu yang akan disemak semula setiap tiga tahun sekali.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kepentingan orang ramai kerana kutipan tol RM2 bagi laluan sehala menyebabkan rakyat menanggung tambahan kos perjalanan masuk dan keluar bandar raya selain telah dikenakan *charge* tol di Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban dan lain-lain. Kadar ini sungguh membebankan rakyat kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur turut bercadang mengenakan satu lagi levi memasuki bandar raya.

Tuan Yang di-Pertua, ini dikehendaki disegerakan kerana tol juga menyebabkan kenderaan-kenderaan terpaksa mengelak menggunakan terowong dan berlaku kesesakan seperti biasa. Ini bererti terowong tidak membantu menyelesaikan kesesakan jalan raya. Oleh kerana sebahagian besar kos pembinaan ditanggung oleh kerajaan, maka kutipan tol hendaklah dihentikan segera dan kerajaan hendaklah menanggung kos sepenuhnya termasuk membayar balik syarikat usaha sama Gamuda dan MMC, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang pada hari Khamis 22 Jun 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya difahamkan bahawa pihak kerajaan telah menetapkan kadar tol lebuhraya terowong SMART, telah mengambil kira pelbagai kos yang terlibat dalam pembinaan lebuhraya yang tersebut. Saya juga difahamkan bahawa

hampir setengah daripada penggunaan jalan biasa dengan digunakan orang ramai melalui terowong SMART itu.

Oleh yang demikian saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007**

##### **Bacaan Kali yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam bagi maksud penyelenggaraan kebersihan dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN) 2007**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2007**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2007**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
RANG UNDANG-UNDANG BIOKESELAMATAN 2006**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [25 Jun 2007]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Kepong untuk menyambung ucapan.

**11.46 pg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya mengalu-alukan rang undang-undang ini dan juga ada menyebutkan mengenai *stem cell* dan *stem* dasar atau *stem* batang kita, *stem cell* dan genetik *modified food*.

Tuan Yang di-Pertua, satu rang undang-undang seumpama ini begitu tebal dan mengandungi butiran yang sangat banyak dan yang penting sekali itu untuk mematuhi kepada Protokol Cartagena saya nampak dan di sini tidak disebutkan *stem cell*. Saya sebutkan *stem cell* kerana ini memang bagi sayalah dalam definisi yang saya baca memang ada termasuk *stem cell* kerana mengubah *cell* kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ada kontroversi mengenai *stem cell* semalam saya sebutkan mengenai George Bush. George Bush, dia tidak benarkan menggunakan *embryonic* daripada janin manusia dia tidak membenarkan dan dia tolak dua kali dan saya ingat di dalam kongres dia tolak dua kali dan bukan semua yang dibuat oleh George Bush itu betul. Tindakan di Iraq itu salah dan tidak semestinya mengenai *stem cell* itu betul juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini kerana saya tidak pernah mendengar daripada menteri apakah pendapat kementerian mengenai *stem cell* kita dengan... Arau, hendak apa?

**Seorang Ahli:** [Bercakap kepada Yang Berhormat bagi Kepong]

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** [Keluar]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Ketawa] Arau tidak jauh dari Padang Besar, nampak. Mengenai apakah pendapat Yang Berhormat kerana itu bukan sahaja di negara-negara lain termasuk Italy saya nampak walaupun Amerika mengharamkan tetapi di negara yang lain ada menggunakan *embryonic cell*. Bahkan juga *adult stem cell* dan *cord blood stem cell* dan sebagainya. Baru-baru ini mereka menggunakan *cell* daripada tikus dan dapat *stem cell* daripada kulit tikus boleh digunakan untuk pelbagai eksperimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tentangan itu atas asas agama ke ataupun asas yang lain, moral?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia ada banyak asas etika agama kerana mereka menganggap kalau kita menyentuh janin itu, janin itu dianggap sebagai manusia. Kita menggunakan instrumen ke atas manusia itu dihalangkan dan daripada *ethic* dan juga daripada agama.

■1150

Saya tak tahulah kementerian Yang Berhormat, iaitu apakah pendapat sekarang ini? Mestilah dikaji dengan teliti kerana ini penting Tuan Yang di-Pertua, kerana ianya kontroversi. Kalaulah benda itu dibuat misalnya di Itali, dan dia berjaya untuk menghasilkan produk-produk misalnya dihasilkan dengan hati yang baru, menggunakan teknik dia berasaskan kepada janin misalnya. Dia berjaya untuk - dia panggil *cell culture* dan daripada *cell culture* ini, dia wujudkan hati manusia. Apakah pendapat kementerian kalau ada pihak yang mengimport hati ini untuk digunakan di Malaysia? Memang ini tidak pernah jawab di dalam Dewan ini Yang Berhormat. Apakah pendapat kita? Bolehkah kita gunakan hati buatan, berasal daripada teknik ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Pendang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya? Ya, baik Pendang. Dia seorang doktor, dia faham.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Kepong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik apabila Kepong menyebut tentang *stem cell* kerana baru-baru ini kita ada mendengar satu laporan menyatakan ada saintis telah berjaya membuat darah tiruan. Adakah Kepong bersetuju bahawasanya dengan adanya teknologi *stem cell* kita membentuk

*tissue culture*, kemudian membentuk koloni-koloni sel, seterusnya kita dapat membentuk sesuatu benda-benda ataupun bahan-bahan yang akan masuk ke dalam badan. Ini sudah tentu akan mengurangkan auto *immune* di antara badan dengan perkara-perkara baru tersebut dan ini sudah tentu akan menguntungkan tahap kesihatan ataupun ilmu kesihatan kita. Bagaimana pendapat atau pandangan Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, memang itu salah satu isu kontroversi, macam itu. Adalah takut, dia ada pro dan kontra. Ada kebaikan dan dia ada keburukan. Sebenarnya apa yang kuat untuk kebaikan pun, adalah kuat juga untuk keburukan. Ini memanglah yang dibuat oleh tuhan kita. Ada yang kuat untuk kebaikan, ada juga yang kuat untuk keburukan, ya Pendang? Ia memang buat macam itu, tetapi yang pentingnya kementerian kita sambil menjaga alam sekitar dan sumber asli dia mesti jagalah hal ini untuk kita di Malaysia, tetapi susah sedikit. Saya akan sedikit sebanyak di dalam 15 ke 20 minit kerana ada orang hendak bincang lagi.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, Kepong nampaknya meleret panjang sangat. Saya hendak tulis apa *point* yang sebenarnya dia hendak cakap. Satu perkara yang dia hendak cakap, meleret-leret. So, habiskan satu *point* untuk...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Baik, baik. Yang penting sekarang ini, apakah pendapat kementerian dan penguatkuasaan untuk memantau. Sebab saya kluatir, saya baca dia punya penguat kuasa daripada Fasal 38 kepada 58. Saya nampaknya, kekurangan pakar, juru analisa, untuk memantau semua ini. Itu maksud saya. Ada kekurangan kepakaran untuk membuat tafsiran ke atas sesuatu benda. Ini memang dia *stem cell* itu saya berharap dapat diperbahaskan dengan sedalam-dalamnya di dalam Dewan ini, tetapi hari ini kita hendak *biosafety*.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai masalah *Genetically Modified Food*. Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dengan apa yang hendak dibuat oleh pihak menteri kerana kita mesti bukan sahaja adakan Rang Undang-undang Piawai Keselamatan bahkan juga kita mesti ada rang undang-undang yang lain untuk memantau setakat mana *Genetically Modified Food*. Ini kerana pakar dunia pun sudah berjaya untuk mewujudkan *human genome*, dan memang dengan *human genome* ini kita banyaklah mengetahui bagaimana *Genetically Modified Food* walaupun sudah dibincangkan di sesi yang lepas itu, ada dibincangkan mengenai GMF, ada bincang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua pun ada di sini bila dibincangkan, tetapi hari ini macam mana kita di Malaysia ini dengan *Genetically Modified Food*, saya nampak memang di 18 negara yang lain banyak keluarkan GMF dan ditanam hampir 200 juta ekar ini, untuk GMF ini, untuk *transgenic food*, untuk *transgenic crops*. Setakat manakah di Malaysia ini, kita import *transgenic crops* ini, misalnya soya *bean*, jagung dan sebagainya. Setakat mana kita sudah import GMF kita ini? Berapa metrik tan setahun dan juga bagaimana pihak kementerian dapat mengawal dan

memantau hal ini, sebab saya tidak nampak pihak Yang Berhormat di sini mempunyai cukup kakitangan? Ha, tidurkah? Tidaklah, dia Padang Besar, dia padang sangat besar, itu tidak tidur juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, apa yang hendak dipantau itu? Adakah GMF ini bahaya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia ada pro dan kontra juga. GMF ini Tuan Yang di-Pertua, GMF ini memang walaupun di dunia ini kita tidak boleh elakkan. Kalau kita tidak ada GMF, memang hasil itu kurang sangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah Yang Berhormat, penggunaannya tidak bahaya, tetapi penanamannya mungkin mendatangkan bahaya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Mungkin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penggunaan makanan tidak bahaya, makanan tidak bahaya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak tahu juga. Tuan Yang di-Pertua, memanglah dari segi rasa enak dan ia cepat masak, hasil itu cepat dan juga dari segi *nutrition* mungkin baik dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dari segi manusia, kita takut ada alergi, ada dia panggil *antibiotic resistance* dipindah dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, Pendang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Banyak itu, yang pro dan kontra. Banyak di sini dan saya pun ada sangkalah. Ya..

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Kepong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada terbaca baru-baru ini satu laporan daripada WHO mengatakan GMF ini, ia untuk menyebabkan sesuatu bahan-bahan itu tahan lama, tidak mudah rosak dan tidak terkena penyakit. Kadang-kadang tomato dan kacang soya misalnya, dia menggunakan genetik daripada haiwan-haiwan yang mungkin tidak sesuai untuk orang Islam guna ataupun haiwan-haiwan yang tidak disembelih. Maknanya benda ini haram untuk orang Islam menggunakannya. Maknanya apabila hasil ataupun produk GMF itu, dia merupakan sesuatu yang perlu kita berikan perhatian dari segi halal dan haram makanan itulah. Apakah pandangan Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah, sesiapa sahaja yang mengimport itu, kita mesti mengambil kira, menghormati kepada semua agama. Kalau agama Islam itu tidak membenarkan benda ini digunakan, kita janganlah import. Itu biar betul juga, tetapi ini perkara yang rumitlah. Apa yang saya takutnya ialah kementerian tidak mempunyai cukup orang pakar dan juru analisa dan ahli teknik yang boleh menganalisis semua yang diimport itu. Dari itu kita menggalakkan pihak Yang Berhormat mengambil perhatian perkara itu.

■1200

Dari segi pro dan kontra kita, dari segi pengeluaran yang banyak, dari segi untuk binatang, untuk alam sekitar dan untuk mengadakan GMF yang cukup bagi masyarakat dengan bilangan penduduk yang kian bertambah, hasil keluaran makanan pun mesti dipertingkatkan.

GMF dia mempertingkatkan tetapi masalah keselamatan termasuk *bio* keselamatan kita, masalah *access and intellectual property*, etika seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pendang tadi betul juga dan juga untuk *labeling* dan sebagainya.

Ini semua masalah kontroversi tetapi hari ini kita bukan hendak bincangkan. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mengadakan peluang-peluang bagi Ahli-ahli Parlimen untuk membincangkan pro dan kontra. Mungkin boleh dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk membincangkan pro dan kontra bagi GMF kita. Ini mengenai GMF dan bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat yang kita import, adakah dasar dari kementerian untuk membenarkan tanaman ataupun untuk industri ataupun *husbandry* bagi *Genetically Modified Organism* misalnya kerbau ataupun lembu. Adakah kita benarkan hal ini di dalam negara ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Memang mahu atau tidak mahu ini akan sampai kepada kita. Cuma masa sahaja ataupun kambing *genetically modified*, adakah kita akan benarkan di negara ini dan sebagainya?

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pengkalan Chepa.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Saya hendak tanya pendapat Kepong. Kerajaan Saudi telah mengimport biri-biri daripada Australia untuk dijadikan binatang korban pada musim haji. Akhir sekali ditolak kerana ekor biri-biri itu panjang. Pada pandangan ulama Saudi, biri-biri ini tidak asli lagi dah. Genetiknya telah disuntik mungkin daripada serigala ataupun kanggaru. Adakah pada pandangan Kepong akta ini boleh mengawal sekiranya ada genetik ini disuntik kepada biri-biri kita atau kambing kita yang membuatkan baka itu lebih besar sedangkan binatang yang asli itu ialah genetik yang haram. Adakah masuk yang ini dan bagaimana hendak mengawalinya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Pengkalan Chepa memang dia ada asas sebab kita mestilah membantu Yang Berhormat Menteri kita macam mana kita boleh bersama-sama mengawal keadaan sedemikian bukan sahaja biri-biri malah binatang yang lain pun macam itu juga. Ini kerana bukan mustahil bagi mereka mewujudkan pelbagai binatang yang dari segi perdagangan itu lebih baik dan yang boleh menghasilkan keuntungan. Ini kerana saya diberitahu bahawa sekarang pun dia pandai juga misalnya pada 30,000 tahun yang lampau ada sejenis manusia *Neanderthal* tetapi sekarang ada pakar di Max Planck Institute di Leipzig, Germany itu sekarang sudah boleh untuk mengadakan *genome* DNA untuk *Neanderthal* itu iaitu manusia purba.

Ini memang satu penemuan yang hebat. Ini bermakna dari segi *biosafety* kita ini, dari segi mewujudkan binatang-binatang seperti biri-biri berekor panjang, bukan sahaja panjang tetapi daging yang enak dan sebagainya. Ini akan dibuat dan cuma macam mana kita boleh membantu

Yang Berhormat Menteri kita sama-sama kita mengawal semua keadaan ini. Bagi saya, setakat penguatkuasaan itu tidak cukup. Mesti ada pindaan dan sebagainya, hendak pindalah pemeriksaan orang yang mengetahui kes dan sebagainya. Ia ada pindaan itu, yang putih itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidak nampak macam mana Yang Berhormat dapat mengawasi semua kerana kita yang terlibat itu untuk menguatkuasakan, kita ada *bacterial agents*, kita ada *fungus agents*, *parasitic agents* dan kita ada jenis *prion* di antara virus dan sebagainya. Ia lebih kecil daripada virus dan juga '*recapsule*' *agents*, *viral agents*, *toxin* daripada *biological origins* dan sebagainya.

Ini sangat begitu teknikal dan kakitangan kementerian itu saya diberitahu hanya 40 orang sahaja, boleh dibuat kuat kuasa tak? Kalau 40 orang untuk menguatkuasakan, siapakah yang benar-benar pakar dalam semua *agent* yang telah saya sebutkan atau kita akan melantik daripada sektor swasta sebagai juruanalisis dan sebagainya. Ini memang diperlukan.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Boleh saya minta penjelasan sedikit?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Boleh, boleh, boleh.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Di negara China dan juga negeri Barat ada satu perkara yang popular iaitu uri.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh! Uri.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Uri peranakan manusia ini di kumpul dan diproses untuk dijadikan bahan kosmetik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh!

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Bagaimana akta ini boleh mengawal dan boleh mengesan adakah makmal-makmal yang boleh mengesan bahawa bahan yang haram ini digunakan oleh orang-orang Islam. Bagaimana pandangan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kalau diharamkan oleh orang Islam, tidak boleh dibenarkan dah bagi orang Islam. Saya pun tidak tahu setakat mana uri-uri itu dapat diimport. Mungkin sudah dicampurkan dengan benda-benda kimia yang lain sebelum diimport. Memang kalau kita hanya ada 40 orang untuk menguatkuasakan dan di dalam 40 orang pun mungkin tidak ada orang yang pakar di dalam uri-uri. Macam mana hendak mengesan saya pun tidak tahu, tetapi perlulah kita buat semua ini kerana macam-macam telah berlaku.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawablah macam mana agen-agen yang telah saya sebutkan tadi dapat dikawal dan sebenarnya saya akan sentuh sedikit sebanyak mengenai *compliance* atau pematuhan, dipanggil Jawatankuasa Pematuhan (*Compliance Committee*) yang adakan satu mesyuarat yang ketiga pada 5 hingga 7 Mac 2007 di Kuala Lumpur. Ini memang ada sudah kerana inilah pematuhan itu susah. Diadakan satu mesyuarat yang pertama di Montreal untuk Jawatankuasa Pematuhan dan mesyuarat yang kedua pun diadakan di Montreal juga pada tahun lepas. tahun 2005 yang pertama di Montreal, tahun 2006 di Montreal juga, Mac

2007 di Kuala Lumpur dan yang keempat itu saya diberitahu akan diadakan di Montreal pula kerana Montreal itu sangat popular untuk Jawatankuasa Pematuhan (*Compliance Committee*). Ini bermakna daripada 141 negara yang sudah ada ratifikasi itu tidak banyaklah yang dapat mematuhi Protokol Cartagena itu. Setakat ini kita ada banyak, dia ada *biosafety clearing house* dan sebagainya.

■1210

Di sini kita hendak bertanya sedikit sebanyak, Tuan Yang di-Pertua, iaitu setakat ini kita ada tiga mesyuarat dan akan adakan mesyuarat keempat di Montreal pada bulan Disember. Jadi, setakat mana pematuhan itu dapat dilaksanakan oleh 141 negara termasuk Malaysia. Dia hendak mengadakan undang-undang ini supaya menunjukkan kepada jawatankuasa itu kita sudah patuh, walhal susah hendak patuh. Setakat undang-undang tidak cukup, penguatkuasaan itu yang penting. Jadi, setakat mana kita dapat mematuhi, kerana bukan sahaja instrumen antarabangsa (*international instrument*) kita ini ia termasuklah *Convention on Environmental Impact Assessment In The Transboundary Context* kerana ini termasuklah import, eksport dan sebagainya, ada pula *United Nations Economic Commission*, ada *World Health Organisation (WHO) Protocol* pun terlibat dan sebagainya untuk ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan secara spesifik setakat manakah Malaysia dapat mematuhi Protokol Cartagena. Itu penting.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pontian.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Pontian? Ya, Betul. Dia prihatin kepada pematuhan ini.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kepong, setujukah Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa untuk memastikan kawalan pematuhan dan juga penguatkuasaan supaya dapat dilaksanakan dengan berkesan, tersusun dan teratur, perlunya Kementerian dalam melaksanakan rang undang-undang ataupun melaksanakan kaedah bio-keselamatan ini, supaya pendekatan secara elektronik itu dijadikan perkara yang mandatori, kerana mungkin ia dalam hal pematuhan dan sebagainya kita juga memerlukan pelbagai agensi lain untuk memberi input seperti produk yang memenuhi piawaian halal, produk-produk yang diimport ataupun dieksport, ini juga memenuhi kehendak Kementerian Kesihatan dan sebagainya. Jadi, semua agensi ini perlu memberi input sebelum sesuatu *compliance* itu dianggap 100% telah dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan rang undang-undang ini.

Mungkin ada satu perkara yang harus kita mandorikan penggunaan elektronik seperti pendaftaran syarikat, kelulusan oleh pihak-pihak lain sebelum sesuatu kelulusan dikeluarkan oleh lembaga bagi membenarkan sesuatu produk itu, aktiviti pelepasan dan juga import ini juga boleh kita luluskan. Jadi Yang Berhormat, kita perlu ada sistem yang *centralize* untuk membolehkan segala perkara itu terlebih dahulu mendapat pandangan dan kelulusan oleh semua pihak sebelum Kementerian membenarkan sesuatu kelulusan diberikan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, memang cadangan Pontian itu baik, kerana banyak ketidakpatuhan, *non compliance* dan mekanisme *compliance* itu pun saya tidak nampak lagi. Mungkin Yang Berhormat dapat menerangkan apakah mekanisme *compliance* kita ini dan bilangan kes yang tidak mematuhi - *cases of non appliance are repeated* di Malaysia ini. Walaupun kita mesti menggalakkan cara moden, cara elektronik ini, e-kawalan atau k-kawalan pun boleh tetapi yang penting bukan sahaja menteri, Pontian atau orang-orang lain.

Saya sering kali menggunakan 'e' untuk komputer, untuk menghantar e-mel dan sebagainya. Misalnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kalau kita hantar e-mel kerap kali ditendang balik kerana penuh dan tidak ada orang yang menerima. Bukan sahaja DBKL, cuba Pontian, lain kali kita cuba dengan jabatan-jabatan yang lain termasuklah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kita cuba tengok. Saya dapat alamat e-mel menteri. Saya ada. Saya pun ada tanya bagaimana kita boleh sampaikan mesej kita kepada menteri, kita e-mel kepada PA dia. Kalau kita terus e-mel kepada menteri pun mungkin tidak sampai. Itu masalah elektroniklah tu! Kalau tidak percaya, cuba tengok, kita e-mel kepadanya sama ada sampai ataupun tidak. Susah. Kadangkala dia tendang balik tetapi tidak pernahlah lagilah daripada menteri. DBKL dan jabatan-jabatan dia tendang balik.

Di Malaysia ini walaupun kita menggunakan komputer lebih daripada satu dekad tetapi kebanyakan jabatan tidak begitu arif. Tidak efisien. Itu masalahnya. Mungkin Pontian ada cadangan yang lain bagaimana kita boleh meningkatkan kecekapan supaya jangan kita ada e-mel yang kerap kali ditendang balik. Itu tidak guna. Itu masalah e-kawalan daripada kementerian. Itu cadangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengambil masa yang panjang. Banyak lagi yang boleh saya sentuh di sini tetapi biarlah, mungkin dalam jawatankuasa kita boleh bincangkan lebih terperinci untuk ...

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengakalan Chepa]:** Ada satu lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh, satu lagi? baik.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengakalan Chepa]:** Pontian tadi membangkitkan soal penglibatan Kementerian Kesihatan. Baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar bahawa Kementerian Kesihatan sedang menimbang untuk membuat bank sperma.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bank Sperma?

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengakalan Chepa]:** Benih lelaki ini kepada yang berkehendaklah. Jadi, bagaimana keselamatan warisan keturunan ini dapat dijaga? Katakanlah Kementerian Kesihatan ini mewujudkan bank sperma ini, jadi bagaimana - Pontian tadi, agensi manakah yang boleh mengawal supaya sperma ini diberi kepada keturunannya sahaja dan tidak diberikan kepada yang lain. Kalau mengikut agama Islam memang tidak boleh kecuali dengan sperma suaminya sahaja. Bagaimana ini Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu sama ada ia termasuk di dalam biokeselamatan. Walau bagaimanapun dari segi agama, kita mesti sentiasa menghormati semua agama. Kalau itu tidak dibenarkan oleh agama Islam, bukan sahaja di kementerian Yang Berhormat bahkan juga di kementerian-kementerian lain kita mestilah sentiasa berwaspada supaya jangan kita menyinggung ataupun melanggar amalan agama-agama yang terdapat di Malaysia ini.

■1220

Saya setujuah kita mestilah sentiasa berhati-hati, saya ingat Yang Berhormat Menteri pun berhati-hati mengenai agama yang lain. Cuma sebelum saya mengakhiri ucapan dari segi penguatkuasaan itu, saya percayalah kalau kita mempunyai 40 orang pegawai penguat kuasa memang tidak cukup kerana bukan sahaja di sini dia hendak menguruskan masalah sampah sarap, sisa pepejal dan sebagainya, itu pun tidak cukup. Tambah pula dia mesti menangani, menguruskan semua bahan-bahan yang kena mengena biokeselamatan pula yang begitu rumit dan sebagainya. Ini memanglah mungkin Yang Berhormat boleh mempertimbangkan mungkin satu bahagian khas ataupun jawatankuasa khas hanya untuk benda-benda yang kena mengena dengan biokeselamatan kerana ini akan menjadi satu perkara yang lebih penting pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Santubong.

**12.21 tgh.**

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin terlibat dalam membahaskan Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006 ini. Memang kita melihat rang undang-undang ini amatlah penting dan bahkan dianggap sebagai satu rang undang-undang yang tepat pada masanya kepada negara. Baru-baru ini seperti mana yang kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengetuai satu rombongan ke Konvensyen Antarabangsa Industri Bioteknologi (BIO 2007) Boston, Massachusetts Amerika dan kita telah membawa banyak pakar dan ahli kapten industri kita ke sana. Dalam lawatan tersebut atau penglibatan Malaysia tersebut, kita mengucapkan tahniah kepada Menteri Teknologi dan Inovasi kerana telah menjadi pengurus kumpulan Malaysia semasa terlibat dalam konvensyen tersebut. Jadi undang-undang ini dalam kita membangunkan bioteknologi negara memang tepat pada masanya daripada segi kawalan kepada industri yang bakal kita lihat dipupuk di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita berbincang soal undang-undang ini banyak mirip kepada perundangan dan juga kepada *technicalities*, dengan izin soalan *bio-modification* dan sebagainya kerana dalam undang-undang ini pun memang terus kepada pengubahsuaian genetik dan benda yang ada hubung kait dengannya. Jadi sebenarnya apabila kita berbincang soal bioteknologi ini sebagai keseluruhannya, kita melihat ia sebagai satu instrumen kepada

negara untuk membangunkan bioteknologi dalam semua bidang dan sebagaimana yang telah disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita mempunyai sembilan teras ataupun tumpuan yang kita hendak bangunkan di negara kita. Ini memerlukan undang-undang yang terperinci supaya negara kita tidak hanya membangunkan industri tetapi tidak mempunyai infrastruktur ataupun prasarana undang-undang yang tertentu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kepong tadi apabila mengatakan kita sepatutnya mengadakan satu jawatankuasa bahkan saya tidak mengatakan satu jawatankuasa, kita sepatutnya mengadakan satu jabatan di bawah kementerian khusus untuk mengawal selia perundangan yang ada dan industri yang bakal kita laksanakan nanti. Kerana kita bimbang di bawah lembaga yang ditubuhkan di bawah undang-undang ini, mereka tidak merangkumi keseluruhannya. Perundangan ini mirip kepada hanya perundangan soalan *modification genetic*. Jadi memang dikhususkan kepada satu kawalan sahaja, tidak kepada keseluruhannya. Jadi dengan itu kalau kita adakan satu jabatan yang khusus untuk mengawal selia keseluruhannya bioteknologi kita barulah keberkesanannya dapat kita lihat nanti dan pihak Menteri dan kementerian juga boleh menumpukan perhatian sebagai mengawal keadaan bukan sahaja dari segi *resource* yang ada pada kita, pada penemuan yang bakal kita temui, dan juga kepada industri itu sendiri, kepada jabatan yang tertentu. Jadi dengan itu saya mencadangkan supaya diadakan jabatan yang khusus untuk menjaga bio industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat yang pertama kalau kita berbincang soal *biodiversity* umpamanya yang juga salah satu daripada teras yang kita hendak lihat di bawah ini ialah kita melihat apakah kita telah membuat katalog kepada semua tumbuhan-tumbuhan kita, flora dan fauna yang kita ada. Kita mempunyai kekayaan yang begitu besar sekali, mungkin kita sendiri tidak mengetahui, belum pun mengetahui tetapi pihak yang berkepakaran lebih tinggi daripada kita mempunyai pengetahuan yang lebih luas telah mengetahui bahawa kita mempunyai satu kekayaan yang sukar dibandingkan di dunia selain daripada Amazon *basin*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Putatan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Santubong. Soal Rang Undang-undang Biokeselamatan ini memang kita alu-alukanlah. Tahniah kepada menteri kerana membuat satu undang-undang yang paling baik.

Yang Berhormat Santubong, bila kita masa dulu-dulu ke luar negara untuk menuntut, kita terkejut bila kita masuk sesebuah negara itu, seperti Australia dan New Zealand, kita di kuarantin, di *spray* sebelum kita keluar. Jadi persoalan di sini, saya rasa masa sudah sampai untuk kita tengok, lihat yang udara kita juga patut dilihat. Udara yang kapal masuk, kapal yang berlabuh di pelabuhan kita, keseluruhan bukan satu jenis sahaja. Walaupun kita tengok dengan mikro, kita harus ada cara pelaksanaan, mekanisme, kuarantin itu paling *important*, paling mustahak. Kalau kita tengok betul-betul, saya ini minat dengan kayu, dalam kayu-kayu yang dimasukkan, bukan isi

yang dimasukkan, yang import kita ini, yang barang-barang kotak, papan, beruti yang digunakan itu. Kadang-kadang mengandungi *bugs-bugs* yang *alien* kepada negara kita. Kalau kita tengok sekarang, lihat persekitaran kita, pokok yang tidak pernah kita jumpa dulu sudah tumbuh di negara kita, '*wood teak acacia*'.

Memang tidak terjumpa, yang tumbuhan-tumbuhan jenis yang *alien* kepada kita. Ikan seumpamanya yang diimport oleh orang-orang yang ikan dalam sungai kita ini, ada ikan yang kita tidak pernah jumpa dulu. Bagaimana ini ya? Jadi soal kuarantin ini paling penting terutama sekali kita mengimport *beef*, lembu yang kita import secara hidup. Dulu saya rasa Yang Berhormat, di Sabah kita ada kuarantin di pulau dalam kawasan saya, tapi sekarang sudah ditutup, Pulau Megalung, sekarang sudah ditutup, tiada lagi kuarantin yang kita import cara lembu-lembu yang hidup dari Australia. Kenapa ini berlaku? Kita sudah ada rang undang-undang tetapi pelaksanaannya itu sudah agak lembap sedikit. Minta pendapat daripada Yang Berhormat ini kerana ini juga penting kepada kementerian.

■1230

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya undang-undang ini menjurus kepada apa Yang Berhormat sebutkan tadi. Apa yang penting sekali, kalau kita lihat semua seksyen dalam undang-undang ini menjurus kepada kawalan kepada hasil disyaki merupakan satu organisma diubahsuai yang hidup atau hasil organisma sedemikian, maknanya semua menjurus kepada perkara-perkara yang sedemikian dan termasuklah apa Yang Berhormat sebut.

Namun persoalan yang akan saya bangkitkan kemudian iaitu soalan penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya. Ini mungkin satu kelemahan yang patut kita atasi dan kita lihat. Walaupun kalau kita lihat dalam Dasar Nasional Bioteknologi Malaysia telah menetapkan 39 teras iaitu untuk pembangunan *agriculture*, untuk *health care* dan *biotechnology development*, juga ini ada kena mengena dengan apa Yang Berhormat sebutkan. Begitulah untuk pembangunan industri, R&D ataupun *research and development biotechnology*, *human capital development*, jadi dalam *human capital development* ini amat penting sekali Yang Berhormat kalau kita lihat keseluruhannya. Begitu juga persoalan *financial infrastructure* kita, sama ada kita sudah bangun atau pun menjurus kepada bidang ini.

Ketujuh, *legislative regularity framework development* yang amat kritikal kepada negara kita. Kita sudah ada perundangan pakar-pakar yang tertentu.

Umpamanya kalau seorang itu menjadi saintis, tidak mencukupi seorang saintis saja dalam bidang ini Yang Berhormat, dia mesti mempunyai jurusan undang-undang dan dia sebagai pakar undang-undang, tidak juga mencukupi melainkan dia juga saintis, untuk menggubal undang-undang yang boleh kita anggapkan undang-undang yang boleh mengawal selia bidang-bidang ini. Kerana ia berkehendakkan kepakaran dalam dua bentuk iaitu kepakaran undang-undang dan juga kepakaran sains.

Sekiranya kita tidak mempunyai perkara ini kita mestilah melihatnya secara terperinci. Ini terletaklah kepada kementerian. Itulah kenapa saya sokong tadi kita mesti ada satu jabatan...

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Santubong.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat, walaupun kita terima hakikat bahawa kita punya kepakaran, punya tenaga mahir untuk melaksanakan pengawalan dan penguatkuasaan tapi dalam masa yang sama adakah kita perlu juga ada, satu penanda aras atau *benchmark*. Oleh kerana bila kita bercakap soal keselamatan atau *biosafety*, ini tentu ada satu *benchmark* atau penanda aras yang kita guna pakai.

Tujuan saya membangkitkan perkara ini ialah, apabila kita nak melaksanakan sesuatu itu kita ingin melihat ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam satu jangka masa yang agak munasabah, maknanya tidak terlalu lama kementerian mengambil masa untuk meluluskan sesuatu permohonan dan memaklumkan sesuatu pemberitahuan.

Saya tengok di dalam rang undang-undang yang dicadangkan ini... *[Merujuk kepada rang undang-undang berkaitan]* Sebagai contoh masa yang diperlukan untuk pemberitahuan bagi aktiviti kegunaan bahan terkawal dan import yang melibatkan organisma diubahsuai ini 90 hari. Adakah masa itu terlalu panjang bagi sesuatu yang baik ini untuk dapat dilaksanakan? Macam Yang Berhormat katakan tadilah, bioteknologi ini suatu yang berubah dengan cepat.

Sekiranya kita nak meluluskan saja memakan masa 90 hari, mungkin *by the 100 day* dah *obsolete* dah. Jadi ini akan merugikan industri dan merugikan ramai pihak, apa pandangan Yang Berhormat?.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persoalan dalam bidang *research and development*, saya mempunyai pendirian yang mungkin dilihat berlainan. Walaupun saya bimbang soalan masa daripada menetapkan tindakan kerajaan dan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat itu, berkemungkinan berlandaskan kebolehan dan kepakaran yang ada dalam kementerian kita sendiri. Jadi itulah kenapa masa itu telah diolah sedemikian rupa dan kenapa 90 hari dan kenapa tidak 30 hari atau kenapa tidak 45 hari dan umpamanya.

Jadi saya bersetuju bahawa kalau ini adalah persoalan dalam bidang pengurusan, 90 hari itu dianggap terlalu panjang. Dalam bidang pengurusan, soalan kepakaran Yang Berhormat, khususnya dalam bidang kepakaran bioteknologi, *engineering* dan sains, ia memerlukan penyelidikan yang berlatarbelakangkan kerapian yang begitu tinggi.

Jadi maknanya kita mesti mempunyai kepakaran dalaman. Orang kita sendiri yang boleh mengesahkan, apa benda yang kita dapati itu boleh disahkan begitu rupa dan baru boleh diisytiharkan, kalau tidak kementerian akan mengisytiharkan ataupun ada disebut dalam rang

undang-undang ini benda-benda yang mungkin tidak tepat kepadanya, mungkin penyelidikan yang tidak tepat, penyelidikan yang diolah sebegini rupa saja tapi tak betul dan penemuan yang salah.

Jadi maknanya, kementerian itu sendiri, jabatan itu sendiri dan lembaga itu sendiri, mempunyai pengetahuan yang khusus untuk mengetahui *to verify* sama ada yang ditemui atau belum diisytiharkan itu benda yang tepat dan betul.

Jadi saya cukup yakin, 90 hari ini ialah masa oleh kerana kementerian melihat, inilah masa yang boleh dibuat dalam kepakaran dan *human resource available* kepada kita pada masa sekarang, jadi boleh dipendekkan masanya.

Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat penemuan daripada segi *patenting* atau paten, pendaftaran paten negara kita. Negara kita mendaftar paten satu tahun boleh dikalahkan oleh pihak industri-industri besar seperti syarikat-syarikat yang besar daripada Jepun dan Korea, sebab-sebabnya ialah oleh kerana kita tidak mempunyai *research center* yang lebih sofistikated, yang ada hubung kait dengan universiti-universiti yang terunggul di dunia.

Oleh kerana itu, kita tidak mempunyai *link-up* dengan institusi-institusi yang terulung di dunia dan kita juga tidak mempunyai jumlah kepakaran yang banyak dan sumber kewangan yang banyak untuk mempromosi dan membuat penyelidikan-penyelidikan yang berterusan.

Jadi kita diberitahu tadi berapa kos untuk mengeluarkan satu *research* dalam elektronik dan berapa kos untuk mengeluarkan satu *research* di bawah bioteknologi. RM70,000 untuk mencari satu barang atau untuk mendapatkan satu paten.

Ini dianggap satu kos yang tinggi tetapi bagi pihak Amerika ini tidak tinggi, itulah kita kenapa selalu kekalahan.

Jadi itulah saya sebut daripada awal tadi, berhubung dengan kita punya biodiversiti, hutan kita yang begitu tebal dan banyak mempunyai beratus ribu, mengikut kata seseorang, hutan tropika di Malaysia ini mempunyai satu sumber yang begitu tinggi sekali bahkan lebih tinggi lagi daripada hutan yang dijumpai di Amazon.

Namun begitu masalahnya kita hanya boleh katalog pada masa sekarang, benda yang boleh digunakan, herba atau perubatan hanya tak sampai pun 25%. Jadi sampai bilakah kita boleh nak katalog ini? Melainkan kita mempunyai satu kumpulan yang tertentu.

Saya menyokong idea ataupun pendapat bahawa kita patut mempunyai jabatan-jabatan yang tertentu untuk melihat perkara ini yang mana kita boleh mengendalikannya.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi ada sembilan teras atau *strategic positioning*, ini yang penting Yang Berhormat. Kita tidak boleh lari. persoalan bioteknologi ini ialah soalan sains, tetapi akhirnya jurusannya dan tumpuannya ialah *business*.

Dalam soalan *business* kita kena lihat soalan perbankan, soalan *financial infrastructure* dan soalan *management*, adakah kita telah membuat?.

Itulah kenapa, Profesor Datuk Dr. Mohd Salleh Mohd Yasin berkata “Kita perlu mencari satu *niche* dalam persoalan ini”. Mencari satu *niche*. Jangan kita dengar saja bioteknologi, kita sudah hantar 300 orang mengikut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Boston, semua orang ini balik, semua ingin tubuh syarikat, berapa ratus syarikat yang ingin kita tubuh.

■1240

Akhirnya nanti, kita tidak ada sumber kewangan, tidak ada *support research centre* dan sebagainya. Walaupun kita telah mempunyai tiga *research centre* yang kita kehendaki untuk membantu kita dalam bidang ini iaitu Institute of Agriculture and Biotechnology, Malaysia Genome Institute dan National Pharmaceutical dan Therapeutically Institute, di Malaysia. Walaupun kita telah mempunyai tiga, tetapi kita hanya mempunyai tiga. Daripada sumber kita hanya boleh mengeluarkan 2.5%, satu tahun dalam kita punya GDP untuk *research and development*. Dalam keadaan sedemikian, maknanya sumber kewangan kita belum mencukupi, sumber *research* kewangan kita belum mencukupi.

Jadi, maknanya kementerian mesti kontrol siapa yang boleh terlibat dengan industri ini nanti. Dalam *research and development* yang akhirnya membuat dan memasarkan benda ini tadi, kalau tidak, banyak mereka yang terlibat dalam bidang ini nanti akan membuang duitnya percuma, gulung tikar dan tidak mendatangkan hasil. Akhirnya kita tidak ada jurusan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua kita menghormati, kita telah menubuhkan dasar yang begitu baik sekali. Cukup untuk menghalu tuju apa yang dikatakan *National Biotechnology Policy* ataupun Dasar Bioteknologi Negara. Teras yang kesembilan ini sudah mencukupi. Apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri iaitu beliau mengatakan bahawa kita mempunyai tiga tumpuan iaitu:

- (i) mengenal pasti apakah aliran perkembangan industri bioteknologi dan sains hayat dunia;
- (ii) untuk mengetahui dan mengenal pasti bagaimana meletak Malaysia dalam rangkaian nilai bioteknologi dunia; dan
- (iii) untuk mempercepatkan *fast track development* ini

Ketiga-tiga ini cabarannya begitu besar sekali. Daripada sumber kemanusiaannya, kewangannya, *human resource*, semua sekali.

Jadi, dalam masa yang sama, tidak boleh dilupakan bahawa perundangan kita belum lagi mencukupi. Undang-undang ini adalah sebahagian saja daripadanya untuk menubuhkan Lembaga dan Penasihat kepada Lembaga. Penasihat akhirnya kepada kementerian dan kepada Kerajaan Malaysia untuk membangunkan bioteknologi, tetapi apa yang belum kita buat ialah undang-undang itu sendiri. Macam hendak kontrol perhutanan, kemasukan kayu disebut oleh Yang Berhormat bagi Putatan tadi, cukup sudah undang-undang kita, belum lagi kerana dalam

undang-undang ini menyebutkan pembangunan, *modification bio* ini boleh mendatangkan kesan positif juga kesan negatif. Yang mendatangkan kesan negatif adakah kita mempunyai kepakaran macam mana kayu yang sudah kering sebagai mana Yang Berhormat bagi Putatan sebut, boleh mendatangkan kesan negatif kepada negara kita.

Begitu juga hutan-hutan kita, dimasukkan dalam poket saja, dia punya sel masih hidup. Boleh tahan hidup. Dia masuk dalam poket, kita tidak boleh *check* di lapangan terbang kita, tidak boleh *check* di *port* kita, dibawa keluar negara dan dibelai dan dibuat dan ditumbuhkan dan ditanam di negara lain dan dibuat *research development* di negara yang mempunyai kepakaran dan kewangan yang mencukupi, akhirnya, menjadi didaftarkan dan dipatenkan di negara lain. Akhirnya kita yang banyak pokok hutan itu. Di negara lain yang punya paten, mempunyai keuntungan dan namanya. Saya dimaklumkan bahawa Tongkat Ali kita tidak boleh pakai lagi untuk *international trade, businesses*.

Oleh kerana Tongkat Ali sudah didaftarkan patennya di Amerika. Kita hendak tanya, berapa banyak lagi pokok-pokok kita. Pokok Tongkat Ali, apa lagi bendalah kita sebut yang boleh ditukar kepada perubatan dan herba, yang bakal akan dibuat satu penyelidikan oleh pihak luar yang mempunyai kepakaran, yang mempunyai sumber kewangan, yang tidak terbatas akan membuat *research* dan *development*. Akhirnya dipatenkan oleh mereka sebagai kepunyaan mereka. Kita punya pokok, mereka punya kekayaan. Ini kena kita lihat.

Jadi, jangan hutan kita dilarang ditebang sebab orang sudah buat paten. Jadi, hipokrasi Tuan Yang di-Pertua berlaku di seluruh dunia khususnya di Amerika dan di negara-negara membangun. Kita mesti menjagakan hasil mahsul dan sumber kita. Jangan berlaku apa yang berlaku di negara Arab...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya minat dengar.

Apakah Yang Berhormat nampak apa yang berlaku, senario yang berlaku tadi akan menjadi suatu perkara yang biasa di negara kita. Dahulu ada satu cadangan yang mengatakan, mengapa kita tidak mempunyai mentor atau sistem protégé supaya paten-paten itu masih lagi menjadi hak cipta kita, tetapi kita menggunakan kepakaran asing kerana di Barat ini, kekayaan mereka di dalam ilmu bioteknologi ini adalah berasaskan kepada ilmu yang mereka ada. Kita adalah hasil pacuan daripada kekayaan hutan-hutan kita dan sebagainya. Jadi kita disebabkan oleh sumber, mereka disebabkan oleh pasaran. Jadi, bagaimana? Apa pendapat Yang Berhormat tentang melantik orang-orang yang pakar ini sebagai mentor kita, tetapi hak cipta itu masih lagi di kalangan kita. Kita boleh berbanggalah dengan sumber daripada kita dan mengawal paten-paten tadi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Mengawal *possibility* orang curi barang-barang kita untuk dipatenkan di negara mereka Yang Berhormat. Inilah yang penting, tetapi malangnya kita belum mempunyai undang-undang Yang Berhormat. Inilah kenapa saya cadangkan supaya kita mempunyai undang-undang asas supaya kita buat katalog semua pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan kita di hutan. Kita sekarang, saya dimaklumkan lima tahun lepas, saya adalah Ahli Parlimen yang pertama menghadiri *Biotechnology Seminar* di Bangi hampir enam, tujuh tahun lepas.

Semua pakar-pakar, *the brain* di Malaysia berucap pada ketika itu. Pada ketika itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah Timbalan Perdana Menteri, berucap. Rata-rata saintis Malaysia mengatakan kita belum mempunyai kepakaran yang mencukupi. Itu daripada soalan saintisnya, *technician* nya, *engineers* nya. Ini sahaja. Belum kita lihat daripada kepakaran perundangannya. Belum kita lihat kepakaran dari segi kewangannya. Umpamanya, saya sebut kewangan. Kawan saya Datuk Zainal pakar saintis daripada Universiti Sains Pulau Pinang. Hendak tanam satu ratus ekar, hendak pinjam duit daripada Bank Pertanian tidak boleh pinjam. Saintis yang hendak tanam pokok.

Saintis itu boleh tahu, dia bagi tahu pokok ini berbuah bulan berapa tahun ini. Dia boleh bagi tahu. Dua orang saja saintis yang bijak di Malaysia pada masa sekarang. Datuk Zainal dan Mr. Foo di Sarawak, tetapi malang, perbankan kita tidak lulus pula. Dia berkehendakkan Datuk Zainal bagi RM400 ribu. Datuk Zainal kata, kalau saya ada RM400 ribu, saya tidak pinjam dekat bank lagi dah. Hendak cagar tanah tidak boleh. Ini *infrastructure* kewangan kita yang disebut dalam teknologi polisi kita. Sembilan teras itu. Memang amat tepat sekali bahawa *financial infrastructure*, kita belum tepat padanya kerana soalan teknologi tidak boleh dilihat. Dia *intangible*. Jadi tidak boleh dicagarkan dengan bank. Bank tidak boleh terima. Dia kena lihat potensinya. Hendak lihat potensi orang mesti mempunyai kepakaran yang mencukupi.

Kepakaran bukan saja dalam *business* dia tetapi dalam sains, perundangannya. Sekarang Tuan Yang di-Pertua, kenapa undang-undang ini begitu lambat? Beberapa tahun dulu kita luluskan undang-undang, soalan *super corridor* kita, *Multimedia Super Corridor*. Enam perundangan, tetapi undang-undang ini sepatutnya pada masa ketika itu juga adalah masuk tetapi belum. Disebut soalan pagi tadi, 30 tahun di belakang Amerika. Kenapa undang-undang ini tidak dibuat awal? Masalah yang besar kita tidak mempunyai pakar undang-undang yang khusus di Jabatan Peguam Negara untuk membina undang-undang yang selaras dengan kehendak sains dan juga perundangan.

■1250

Itulah yang saya cadangkan, *Drafting Committee* dalam *AG Office* itu, dibawa ke Parlimen. Mungkin Parlimen lebih dinamik lagi, kerana AG itu sibuk, banyak kerja. Hendak bawa orang pergi ke mahkamah, hendak tuduh orang di mahkamah, semua kerja AG ini, tetapi soalan *drafting* ini sepatutnya dibawa ke Parlimen kerana kitalah yang khas membuat undang-undang.

Mungkin Menteri kita boleh *sources* kan pakar. Banyak lagi peguam boleh diletakkan di bawah Parlimen untuk mendrafkan undang-undang kerana kita mengetahui *the nerve center of the* pembangunan negara, apa kehendak negara, tetapi AG sibuk dengan ini, sibuk dengan itu. Kita mungkin marah dengan dia, tetapi kerjanya banyak sangat. Jadi saya sarankan supaya perundangan ini dibawa ke Parlimen dan diletakkan di bawah Parlimen supaya perundangan yang sedemikian penting sekali baru dapat di *up-date* kan sama dengan teknologi sendiri.

Dato' Yang Berhormat bagi Pontian, memang cepat. Semua benda cepat. ICT cepat, bioteknologi cepat, tapi perundangan kita tidak cepat, pokok kita sudah jadi orang punya, Tongkat Ali, Amerika punya tapi ditanam di belakang rumah Pontian, di belakang rumah Santubong. Ini yang malangnya, sebesar malang sekali Dato'. Jadi kita kena mengatasinya. Undang-undang untuk menjaga biodiversiti selain daripada undang-undang ini, mesti dipercepatkan untuk datang ke Parlimen ini. Ini penting, amat penting sekali untuk merealisasikan dasar yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri ini. Dasar yang begitu cantik sekali, yang disebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri semasa di Boston. Memang tepat sekali.

Jadi dalam keadaan sedemikian, saya bukanlah sinis atau skeptis tetapi kita melihat orang menggubal dasar begitu elok sekali. Masalahnya *delivery system* kita di peringkat pertengahan tidak dapat *coop* dengan *speed* ataupun dengan kecepatan dasar yang dilaksanakan di negara ini. Jadi kita tidak lagi berbincang soal *the section* ataupun *subsection* perundangan ini kerana saya baca daripada muka pertama sehingga muka belakang, cukup tepat Dato', cukup tepat undang-undang ini. Yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Putatan sudah masuk di dalam ini, tetapi soalnya adakah kita mempunyai *human resource development* yang mencukupi. Saya cukup yakin. Saya bincang juga dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, persoalan kelemahan daripada segi kepakaran menggubal undang-undang yang kita ada. Kalau penggubalan undang-undang itu kita lemah, bagaimana pula to *oversee* pelaksanaan undang-undang itu di luar nanti apabila undang-undang telah diluluskan oleh Parlimen.

Jadi dengan keadaan yang sedemikian, kita akan lulus undang-undang itu di Parlimen, tapi masalahnya pelaksanaannya undang-undang itu secara praktikal di luar nanti akan mendatangkan satu masalah yang besar kepada kita. Undang-undang menjadi satu *mockery* dan Parlimen meluluskannya, hampa belaka oleh kerana kita tidak mempunyai kepakaran mencukupi, *human resource* mencukupi dan sumber mencukupi. Jadi untuk menghala tuju dengan tepat...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Santubong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ada dua bangun.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** ...Saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Lipis.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Bagi Lipis dahulu.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Santubong, jadi memandangkan *human resources* atau sumber manusia ini penting dalam mengawal selia dan melaksanakan sesuatu undang-undang yang telah diluluskan. Sejauh manakah dalam peruntukan ini disediakan atau diberi peruntukan bagi melatih pakar-pakar dalam sesuatu bidang bagi mengawal selia ataupun melaksanakan peruntukan ini kerana saya lihat rang undang-undang bio-keselamatan ini banyak yang terbabit dengan perkara-perkara yang teknikal dan khususnya sifatnya. Mohon penjelasan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Datuk tambahan kepada, tambahan. Sama. Saya sambung Yang Berhormat Lipis. Oleh kerana undang-undang ini sudah kita gubal, sudah dibawa ke Dewan yang mulia ini, adakah pihak kementerian ini akan beri, Yang Berhormat Santubong, adakah kementerian ini sudah bersedia, ada kelengkapan, ada peruntukan, adakah kementerian ini mewujudkan satu jabatan sebagaimana yang dicadangkan Yang Berhormat Santubong? Sudah bersedia, dia punya *human resources*, adakah sudah bersedia? Adakah kementerian ini ada kepakaran? Ini tambahan kepada Lipis tadi.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Ini dia macam kuda dan kereta, *horse and car*. Yang mana satu dahulu. Jadi mula-mula kita bermula dengan undang-undang Yang Berhormat. Bermula dengan undang-undang, supaya undang-undang itu membolehkan kementerian untuk menarikan berapa keperluan. Lembaga sudah ditetapkan berapa banyak kepakaran yang perlu, tetapi apa yang dilakukan, kementerian ini yang menjawab. Yang perlu menjawab ialah Kementerian Kewangan dan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Mesti bertindak cepat. Jangan tunggu 90 hari, kata Yang Berhormat bagi Pontian.

Kalau undang-undang ini lulus, insya-Allah dalam masa sebulan nanti, dia luluslah daripada sini dan akhirnya kepada Dewan Negara. Saya mintalah, kepada Dewan Negara kalau koma dan noktah itu salah, janganlah minta ditolak undang-undang ini. Penting, kita kena cepat. Kalau koma dan noktah lain itu, kita berilah lain kali pinda semula tetapi jangan tolak. Membolehkan kementerian, undang-undang ini akan membolehkan kementerian untuk membuat pengambilan *human resources* dia.

Jadi kita cukup yakin untuk mengisi perundangan ini, di bawah undang-undang ini kita mencukupi, tetapi apa yang tinggal ialah berapa cepat Jabatan Perkhidmatan Awam dan berapa cepat pihak Kementerian Kewangan atau *Treasury* meluluskan sumber kewangan kerana kita hendak lihat juga Lembaga ini pada bulan Disember atau bulan Januari nanti sudah tertubuh. Jangan tunggu lama-lama sangat. Ini sudah cukup lama saya bagi itu. Yang Berhormat bagi Pontian pun tidak sedap hati dengar saya sebut sampai bulan Januari itu kerana lama sangat, tetapi Datuk Yang Berhormat Menteri, beritahu dengan Kabinet, minta tubuhkan satu jabatan. Semua Ahli Parlimen ini akan sokong. Dia setuju. Jabatan akan melihat to *oversee* di Lembaga dan jabatan juga akan boleh meminta supaya satu perundangan lagi dibuat untuk menjangkan

biodiversiti sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi. Jangan kita kehilangan, Tongkat Ali kita orang punya, Bintangur kita orang punya, kerana orang sudah paten dah, kita lambat sangat.

Kita kena cari juga, pihak yang mahu jadi saintis dan jadi peguam serentak, supaya diberi latihan. *Expose* mereka ke luar negara dan hantarkan mereka supaya kita melatih mereka ini kerana kita tidak boleh melihat ini satu tugas saya, dan satu ini tugas Tuan. Tidak boleh lihat sedemikian. Kita kena lihat secara holistik dan melihat secara total. Orang yang boleh melihat secara total ini tidak lain dan tidak bukan ialah Datuk Menteri sendiri, kerana Datuk Menteri ialah yang bakal bertanggungjawab di Parlimen ini dan menjawab kepada Ahli Parlimen apabila ditanya. Apa berlaku, mengapa berlaku, mengapa tidak berlaku?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apa yang ditulis oleh mereka yang balik daripada Boston. Tahun 2008 kita adakan lagi satu konvensyen di San Diego kalau tidak salah saya. Pada tahun 2008, di San Diego, orang akan bertanya nanti, cukup kah sudah, sudah sampai kah Malaysia, mengisi apa yang Perdana Menteri ucapkan di Dewan, Dasar Bioteknologi Negara kita? Kalau belum cukup, maknanya adalah benda-benda yang perlu Ahli Parlimen sebut dalam Dewan ini mengatakan ada kelemahan sedikit. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut sebagai Menteri Kewangan, ini hala tuju kita, satu undang-undang sahaja keluar. Jadi bagaimana pula yang lain untuk mengisi dasar yang digubal oleh Perdana Menteri. Dasar yang disebut teras utama yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri di Boston. Orang akan dengar lagi, di San Diego nanti, hendak tanya. Macam mana keadaan di Malaysia, adakah kita mengikut rentak 90 hari ataupun rentak 30 hari sahaja.

Jadi Tuan Yang di-pertua, saya bermohon kepada pihak kementerian supaya berbincang terus dengan pihak universiti. Kita mempunyai universiti dan kita mempunyai institut-institut yang ditubuhkan khas untuk mengisikan keperluan bioteknologi negara, tetapi apa yang tidak disebut di sini ialah kepakaran undang-undang. Berbincang dengan universiti yang menjanakan pakar undang-undang khususnya, Universiti Malaya, Universiti Teknologi MARA yang saya cukup yakin mempunyai kepakaran, kebolehan, dan juga UPM...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak habiskan kah, hendak sambung?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Sedikit lagi kalau sempat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, saya bagi satu, dua minit atau hendak sambung petang?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Sambung petang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

### **2.32 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak ada apa-apa gangguan Insyallah saya boleh habis alam masa 15 minit Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi saya banyak berbincang soal dasar bioteknologi negara dan pengisian pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diserapkan dalam Dasar Bioteknologi Negara dan juga apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selepas menghadiri konvensyen di Boston yang mana kumpulan terbesar pakar dalam bioteknologi telah berkumpul dengan harapan untuk menghala tuju pembangunan bioteknologi dunia. Mereka akan mencari lagi jawapan dan ilham itu daripada bio konvensyen daripada tahun 2008.

Jadi salah satu daripada prasarana yang kita laksanakan ialah undang-undang yang kita bawa ke Dewan yang mulia ini dan dalam persoalan saya tadi ialah kementerian terpaksa bersedia dengan semua bentuk dan melihat semula supaya dasar bioteknologi negara itu tidak disimpan dalam buku, tidak disimpan dalam fail, tidak disimpan dalam save. Tidak ada jurusan dan susulan secara terperinci satu persatu keperluan bioteknologi negara supaya menjadi satu bekalan kepada pemimpin negara kita pergi ke konvensyen ini nanti memberitahu bahawa inilah yang kita hendak buat. Jadi saya mengecilkan jurusan perbincangan saya iaitu soal kawalan kepada pihak-pihak yang ingin terlibat dalam bio industri ini kerana bio industri semua orang tahu ialah satu industri yang perlukan sumber kewangan yang banyak, *human resource* ataupun *human capital* yang tinggi dan banyak dan juga masa yang mungkin panjang untuk menghasilkan satu-satu penemuan.

Itu yang saya sebutkan tadi jadi dalam bidang ini kita perlukan kawalan yang tertentu. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri bahawa pada masa sekarang berapakah jumlah syarikat-syarikat yang telah terlibat dan ingin terlibat kerana kita kena memberikan satu *control* kepada mereka ini supaya jangan terjerumus kepada ruang ataupun tempat yang mereka sendiri kurang memahami kerana ini adalah bukan satu industri konvensional. Ini adalah satu industri masa hadapan yang bermula pada zaman kini yang kita sendiri mempunyai banyak hasil. Jangan hasil hutan hasil negara kita tercicir begitu sahaja oleh kerana mereka yang terlibat ini tidak mempunyai semua keperluan.

Keperluan kewangannya, keperluan untuk *to go for a longer distance, long hold* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ketiga, mempunyai sumber manusia yang mencukupi untuk menjananya. Jadi dalam keadaan ini kita nanti jadi jaguh kampung kita sendiri akan menjual ubatan alternatif sahaja kepada masyarakat dan tidak diterima oleh masyarakat antarabangsa

dan tidak mendatangkan hasil yang kita harapkan kepada negara. Berbalik kepada itu saya teruskan kepada perundangan ini iaitu penubuhan lembaga penasihat Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan ini amat penting.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pontian Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat bagi Santubong beralih kepada perkara lain, saya tertarik mengenai cadangan Yang Berhormat untuk penubuhan ataupun didaftarkan syarikat-syarikat yang akan melibatkan diri dalam kegiatan ini. Mungkin Yang Berhormat boleh mempertimbangkan untuk juga menambah satu lagi aspek. Kalau kita tengok dari segi peruntukan untuk penguatkuasaan ini ada keperluan untuk juruanalisis produk-produk yang dibawa masuk yang mempunyai hasrat untuk kegunaan organisma diubahsuai ini. Juruanalisis, mungkin syarikat yang baru masuk ia mendapat satu analisis yang dikeluarkan oleh satu pihak kemudian sampai ke mari untuk tujuan pemeriksaan, kawal selia kementerian juga akan membuat analisis.

Jadi adakah kementerian akan bergantung dengan analisis yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang membawa produk-produk ini masuk dalam negara ataupun kita ada juruanalisis yang *independent* yang kita iktiraf sendiri. Kalau ada apa bentuknya Yang Berhormat adakah macam konsep FOMEMA macam hendak buat pekerja asing, klinik-klinik yang hanya ada label FOMEMA sahaja yang dibenarkan menjalankan perubatan atau macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak melihat perkara ini tadi tetapi kalau kita lihat semalam kita ada berbincang soal sukatan antarabangsa untuk menyelaraskan satu standard, menyelaraskan satu *benchmark* untuk semua. Jadi dalam sukatan antarabangsa semalam semua sukatan panjang, sukatan jumlah, sukatan *measurement*, *density*, sains dan semua ada sukatan yang tertentu telah dilaksanakan tetapi saya tidak melihat sama ada sukatan-sukatan itu ada juga terlibat dengan sukatan-sukatan *benchmarking* untuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu bioorganisma ini ataupun benda buatan daripada bioorganisma. Ia dua perkara bioorganisma itu sendiri ataupun yang *living bio organism* ataupun benda yang dibuat daripada *living bio organism* yang dibawa ke negara kita ini.

Apakah *benchmarking*, sukatan yang kita perlu untuk apabila ia masuk ke sini nanti boleh diterima pakai oleh masyarakat kita. Jadi ini saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua selepas ini, kenapa ia amat penting sukatan ini dan kita mesti mempunyai kepakaran sendiri dan bukan yang *independent* di luar tetapi sepatutnya dia ada dalam jabatan atau dalam kementerian. Kalau jabatanlah di tubuh sebagaimana yang saya cadangkan dalam jabatan itu sendiri dan mungkin di bawah lembaga ini sendiri. Lembaga ini ada dasar-dasar yang tertentu telah dibuat dan

perundangan yang boleh dibuat di bawah lembaga ini yang boleh mengawal pihak-pihak yang boleh menilai kemasukan-kemasukan sebagaimana yang disebut oleh Pontian, yang disebut oleh Putatan tadi memang ada kena-mengena.

■1440

Yang Berhormat Pontian menyebut *living organism* tetapi yang disebut oleh Putatan itu benda yang *inner* benda yang macam tak hidup tetapi dia boleh mendatangkan satu malapetaka kepada keadaan *environment*, keadaan tanaman suasana kita di Malaysia ini. Jadi kita patut mempunyai kepakaran yang sama. Jadi kita mesti mengetahui bahawa bioteknologi ini Tuan Yang di-Pertua ada dua peringkat. Satu peringkat ialah untuk kita *modified - improve animal, plant* dan menambahkan produktiviti ataupun mengubah mikroorganisma dalam apa-apa benda sekali.

Dalam ini untuk memperbaiki pengeluaran kita di peringkat apa sahaja dalam bidang *agriculture*, dalam bidang pengeluaran-pengeluaran teknikal lain dan sebagainya. Satu lagi *secondary* benda yang atasan iaitu kita boleh ubahkan apa benda embryo *manipulation*, hendak tukar jantina orang dalam badan, hendak tukar orang yang mungkin kalau dia dilahirkan nanti orang bodoh menjadi orang yang lebih cerdas, orang yang hitam menjadi orang putih, orang putih menjadi orang hitam. Bermacam-macam boleh dibuat untuk genetik *engineering* ini dan gen *transfer* ataupun kita hendak lahirkan manusia di luar rahim ibu. Ini semua boleh dibuat di dalam ini.

Jadi dalam konteks ini saya ingin menyebutkan sedikit soal lembaga ini sendiri yang saya hendak sebutkan tadi sebelum saya berundur. Lembaga ini sendiri saya berharap pihak kementerian apabila memilih lembaga ini janganlah pilih orang hanya daripada kalangan-kalangan saintis, *technician* dan jurutera sahaja. Mesti orang dalam lembaga ini mempunyai satu kepakaran-kepakaran yang lain seperti kepakaran undang-undang, kepakaran agama kerana banyak perkara daripada pengalaman negara lain bahawa aktiviti-aktiviti sains dan saintis ini telah merencah ataupun '*traction*' dengan izin *religious and ethical boundaries*. Jadi ini perlu kita jaga sebaik mungkin. Di negara kita sebagai negara yang sangat menekankan persoalan ketuhanan dan sebagainya ada aktiviti-aktiviti sains kadang-kadang begitu terpegung sekali. Kita membuat *research* dan *development* kita lupa bahawa kelahiran insan itu adalah diolah dari asalnya oleh Allah S.W.T. bukan menerusi buat di dalam *vile* ataupun di dalam kotak ataupun di dalam peti sejuk. Jadi ahli lembaga ini perlu mempunyai orang-orang yang tertentu yang boleh memberi satu hala tuju *to guide* dengan izin lembaga ini membuat keputusan dalam bidang bukan sahaja sains tetapi juga dalam bidang agama dan juga dalam bidang etika dan bidang etika ini amat penting kerana bidang etika bukan sahaja di negara kita tapi juga yang diterima pakai oleh dunia.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Puteh Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya fasal bunyi agama tadi. Sebenarnya agama itu luas. Kalau kita tengok dalam institusi muamalat bank-bank kita ada penasihat syarie. *Why not* dalam ini juga kita ada penasihat syarie. Bagaimana pandangan Yang Berhormat. Terima kasih Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Sebagai seorang yang bukan pakar dalam bidang agama saya tidak boleh menjawab. Itulah kenapa saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri apabila menubuhkan lembaga ini nanti mencari seorang yang pakar bukan sahaja daripada bidang sains sahaja sebagai mana saya sebutkan tadi bukan sahaja daripada bidang undang-undang, dia juga mesti pakar dalam bidang sains supaya dia boleh menggubal dan memberitahu bagaimana undang-undang itu digubal supaya dia boleh *faith* kepada sains juga kepada perundangan. Begitu juga dia mesti seorang pakar sains juga seorang pakar agama supaya mengetahui di mana yang boleh dan yang mana tidak dibolehkan oleh agama khususnya agama Islam.

Jadi dalam keadaan sedemikian dalam lembaga ini sendiri dia sepatutnya mempunyai ahli-ahli yang mempunyai kepakaran yang saya sebut tadi kerana dalam bidang bio ini dia mempunyai dana *engineering*, *DNA modification*, *cell fusion* dan sebagainya ini proses yang boleh mengubah manusia yang lahir daripada rahim ibunya nanti ataupun dikeluarkan tidak menerusi *natural ways* ataupun cara semula jadi. Jadi kerana ini lembaga ini perlu mempunyai kepakaran sendiri sebelum *refer* kepada orang di luar. Kalau tidak terpaksa tiap-tiap kali hendak membuat keputusan terpaksa panggil orang daripada JAKIM ataupun orang daripada Majlis Fatwa Negara untuk memberi nasihat tertentu tapi sebaik mungkin kita mempunyai orang kita sendiri dalaman dalam lembaga ini duduk bersama supaya boleh dibincangkan supaya awalan sebelum keputusan dibuat dalam lembaga untuk membuatkan di mana ada terlibatnya soalan agama, ada terlibatnya soalan etika sama ada etika itu adalah etika yang diterima pakai oleh negara ataupun etika yang diterima pakai secara universal ataupun secara sejagat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya tidak mahu bercerita panjang lebar lagi. Jadi saya amat menghormati ataupun memberi tahniah tinggi kepada pihak kementerian kerana telah dapat membawa rang undang-undang yang rumit hendak dibincangkan di sini, yang rumit hendak dilaksanakan pula nanti melainkan kita mempunyai kepakaran-kepakaran yang tertentu. Jadi dalam keadaan yang sedemikian saya berharap juga Tuan Yang di-Pertua sebelum kita dapat meluluskan undang-undang ini Yang Berhormat Menteri boleh memikirkan juga untuk mengeluarkan satu lagi undang-undang iaitu untuk macam mana hendak *protect forest*, flora dan fauna kita supaya tidak menjadi pokok-pokok, ranting-ranting, tumbuh-tumbuhan kita didaftar oleh pihak lain di luar negara dan kepunyaan mereka. Kita punya hutan mereka punya

kekayaan. Ini patut dielakkan. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kota Melaka.

**2.47 ptg.**

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penggubalan rang undang-undang pada petang ini yang berkait rapat dengan biokeselamatan dan saya percaya bahawa ia adalah sealiran dengan keperluan negara kita apabila kita cuba membangunkan sektor bioteknologi dalam negara kita. Kita haruslah menjaga juga kesan-kesan sampingan daripada sektor bioteknologi ini dari segi biokeselamatan itu haruslah terjaga supaya kesihatan manusia tidak terjejas supaya alam sekitar seperti mana yang disarankan oleh rakan saya daripada Santubong iaitu alam sekitar kita tidak akan dirosakkan oleh LMO-LMO yang mungkin dihasilkan daripada proses bioteknologi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa semua rakan saya dalam Dewan ini bersetuju bahawa bioteknologi ini merupakan satu sektor yang telah pun diberikan penekanan yang begitu tinggi dalam RMK-9 dan juga IMP-3 iaitu Industrial Master Plan yang Ketiga. Dengan wujudnya bioteknologi sektor ini ia akan menjana pendapatan yang tinggi kepada negara kita tetapi dalam penggubalan ataupun proses penggubalan undang-undang bagi biokeselamatan ini saya percaya bahawa apabila pada masa kita cuba memupuk pembangunan bioteknologi tapi apabila kita cuba menjaga kesihatan dan juga mempertahankan alam sekitar dalam negara kita. Akan tetapi ada satu unsur yang juga penting iaitu haruslah kita jangan abaikan penjagaan atau perlindungan harta intelek dalam sektor bioteknologi ini.

Saya ingin rujuk Dewan yang mulia ini kepada tafsiran yang telah pun dikemukakan dalam rang undang-undang ini iaitu tafsiran di bawah seksyen 3 yang berbunyi:

*“product of such organisms” means any product derived from a living modified organism or part of a living modified organism:*

- (a) *if the product contains detectable recombinant deoxyribonucleic acid (DNA); or*
- (b) *where the profile, characteristic or properties of the product is or are no longer equivalent to its conventional counterpart irrespective of the presence of the recombinant deoxyribonucleic acid (DNA).*

■1450

Tuan Yang di-Pertua, perkataan yang saya ingin rujuk dalam Dewan ini ialah perkataan ‘produk’. Saya tidak pasti sama ada produk itu ia akan mengetepikan ataupun mengecualikan minyak kelapa sawit dalam negara kita. Ini kerana seperti mana yang kita sedia maklum, kelapa

sawit ini merupakan satu tumbuhan yang mana ia telah pun menjana banyak pendapatan kepada negara kita.

Dalam proses bioteknologi ini, saya rasa kita haruslah merangkumi juga pembangunan dan juga perkataan produk itu sama ada kita telah pun merangkumi *it's enough* dengan izin, sama ada kita telah pun merangkumi keperluan industri kelapa sawit dalam negara kita. Setahu saya, minyak kelapa sawit iaitu minyak, ia bukanlah sejenis benda yang dikatakan *living* yang mempunyai LMO iaitu *Living Modified Organism*. Jadi saya perlukan sedikit penghuraian ataupun penjelasan daripada pihak kementerian sama ada dengan wujudnya perkataan produk, ia telah pun mengecualikan minyak kelapa sawit daripada undang-undang ini apabila diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang selanjutnya ialah penubuhan Lembaga Bio-Keselamatan Kebangsaan dan saya baca daripada rang undang-undang ini dan saya dapati wujudnya dalam komposisi iaitu keahlian bagi lembaga itu yang merangkumi tidak kurangnya anggota-anggota ataupun wakil-wakil daripada tujuh kementerian dalam negara kita iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mengemukakan rang undang-undang ini; seorang wakil daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, seorang wakil daripada kementerian Kesihatan, seorang wakil daripada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan seorang wakil daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu komposisi yang baik. Cuma dari segi kelayakan, kerana apabila kita baca ia menyatakan dan di perenggan (h) "tidak lebih daripada empat orang lain yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman atau kedua-duanya dalam mana-mana disiplin atau perkara yang berkaitan dengan akta ini".

Jadi saya percayalah Tuan Yang di-Pertua, bahawa kelayakan yang perlu wujudnya pengetahuan atau pengalaman itu ataupun kedua-duanya haruslah diguna pakai juga ke atas wakil-wakil yang akan dihantar oleh kementerian-kementerian ini. Saya faham bahawa sifat keputusan iaitu *major of decision making* dengan izin. Sifat keputusan yang harus diputuskan oleh lembaga ini lain sikit daripada keputusan yang akan diberikan oleh Jawatankuasa Penasihat yang mempunyai tanggungjawab untuk menasihatkan lembaga ini. Ini tidak bermaksud bahawa wakil-wakil dalam lembaga ini tidak perlunya mempunyai pengetahuan yang sama rata ataupun yang sama juga dalam konteks ataupun dalam kepakaran saintifik ataupun dalam kepakaran bioteknologi. Jadi, daripada apa yang saya boleh baca ini, jadi nampaknya seolah-olah tidak perlunya apa-apa kelayakan daripada kelayakan yang kita kenakan ke atas wakil-wakil daripada kementerian itu. Saya berharaplah supaya apabila kita telah pun menubuhkan lembaga ini dan tidak haruslah kita bertolak ansur. Kita kena pastikan juga bahawa wakil-wakil yang dihantar oleh kementerian itu, mereka betul-betul faham dari segi saintifik juga dan di samping itu mereka

haruslah membuat satu keputusan mungkin yang akan sealiran dengan dasar ataupun polisi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sungguh dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Santubong tadi, bahawa kita haruslah memasukkan wakil-wakil yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti dalam soal agama ataupun moral. Ini kerana apa yang kita boleh lihat, kita boleh bayangkan bahawa pada suatu hari nanti mungkin wujudnya R&D ataupun penyelidikan dan pembangunan yang mungkin melibatkan hasil-hasil yang mungkin menyentuh isu-isu moral dalam negara kita ini seperti *stem cell research* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga di bawah seksyen 13. Apabila saya lihat wujudnya satu peruntukan yang telah pun mewajibkan mana-mana pihak yang ada minat dalam sektor bioteknologi ini, mereka haruslah membuat permohonan kepada lembaga ini. Apa yang lembaga akan buat, mereka akan merujuk kepada Jawatankuasa Penasihat dan mungkin dengan cara ini, lembaga itu boleh mendapat nasihat secara spesifik yang penuh dengan kepakaran dalam sektor ini daripada jawatankuasa penasihat.

Cuma ada satu perkara yang saya agak hairan, mengapa wujudnya satu peruntukan yang telah pun mewajibkan bahawa permohonan harus dibuat kepada lembaga dan kemudian lembaga rujuk kepada Jawatankuasa Penasihat untuk nasihat-nasihat yang tertentu tetapi tidak wujudnya satu peruntukan yang mewajibkan lembaga ini memberikan satu jawapan yang segera. Satu tempoh masa, satu tempoh masa. Ini adalah kerana Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bayangkan bahawa dalam penghasilan dalam sektor bioteknologi ini mungkin wujudnya LMO-LMO ataupun dalam proses penyelidikan, LMO-LMO ataupun hasil produk-produk yang mempunyai kitaran hidup yang singkat sahaja. Jika kita tunggu terlalu lama, saya tahu ada satu peruntukan dalam rang undang-undang ini yang menyatakan 90 hari. Tapi saya rasa 90 hari itu terlalu lama.

Walaupun kita bagi ataupun luluskan satu peruntukan rang undang-undang yang katakan 90 hari. Saya faham 90 hari ia memberikan satu tempoh masa secara maksimum. Ini tidak bermaksud lembaga hanya memberikan jawapan dalam masa ataupun pada hari yang ke-90, tapi apa yang kita boleh buat, kita boleh singkatkan, singkatkan. Iaitu mungkin dengan cara Piagam Pelanggan bahawa walaupun ia menyatakan 90 hari tapi mungkin dengan cara Piagam Pelanggan, kita boleh singkatkan. Mungkin daripada 90 hari, kita boleh katakan mungkin enam minggu ataupun satu bulan.

Jika kita menggunakan terlalu banyak masa, tempoh masa supaya pemohon-pemohon menunggu dan saya rasa ini tidak memberikan satu gambaran ataupun imej yang baik dalam sistem pentadbiran negara kita ataupun dalam sistem penyampaian awam kita. Ini kerana apabila sesuatu permohonan telah pun dibuat dan sentiasanya pemohon-pemohon yang mempunyai satu pemikiran perdagangan, mereka tidak mahu menunggu terlalu lama. Jika kita

mengenakan satu tempoh masa yang begitu longgar sampai 90 hari iaitu tiga bulan, saya rasa kita akan menakutkan ataupun kita tidak dapat memujuk pelabur-pelabur asing ataupun pakar-pakar saintis untuk membuat penyelidikan dalam negara kita. Kemudian, apa yang kita usahakan dalam rang undang-undang ini, saya berharaplah supaya ia adalah sealiran bukan sahaja dalam Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sahaja tetapi juga dalam kerja-kerja yang melibatkan kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan apabila saya baca seksyen 38 rang undang-undang ini, ia telah pun menyenaraikan pegawai-pegawai yang dikatakan mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang ini. Saya rasa pegawai penguat kuasa lembaga, saya rasa tidak ada masalah. Saya percayalah bahawa pegawai penguat kuasa dalam lembaga ini, mereka memang telah pun diberikan bukan sahaja dari segi pendidikan tetapi dari segi praktikal telah pun diberikan latihan.

Cuma, pegawai yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga apabila saya rujuk kepada Jadual Ketiga, saya dapati ada pegawai-pegawai yang mungkin tidak ada kemahiran dalam sektor bioteknologi ini. Tuan Yang di-Pertua, Jadual Ketiga bagi rang undang-undang ini, ia menyatakan seorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Polis boleh menguatkuasakan undang-undang di bawah Bioteknologi ini.

Kedua, seorang pegawai di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan. Itu saya boleh bayangkan mungkin itu sesuai. Selanjutnya seorang pegawai di bawah Akta Makanan, seorang pegawai Kastam di bawah Akta Kastam, seorang pegawai di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar. Saya tak pasti apakah kaitannya pegawai-pegawai yang telah pun dikatakan wujud di bawah ordinan ataupun akta-akta tersebut dalam melaksanakan.

■1500

Saya tidak pasti sama ada pegawai-pegawai yang telah pun dinyatakan itu mempunyai kepakaran yang tertentu dalam melaksanakan ataupun menguatkuasakan peruntukan di bawah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana kekhuatiran saya berbangkit daripada cara penguatkuasaan yang telah pun disenaraikan dalam rang undang-undang ini iaitu di dalam seksyen 41 yang menyatakan bahawa penggeledahan iaitu *search*, dengan izin, boleh dilaksanakan tanpa waran. Apabila kita rujuk kepada seksyen 40, sudah cukup banyak kuasa penggeledahan dengan waran diberikan kepada pegawai-pegawai yang menguatkuasakan undang-undang ini.

Di bawah seksyen 40 yang telah pun dicadangkan dalam rang undang-undang ini, ia telah pun menyatakan mereka mempunyai kuasa untuk menggeledah dan menyita mana-mana organisma atau hasilan yang disyaki dan mereka mempunyai kuasa untuk mengambil sampel mana-mana organisma ataupun hasilan yang disyaki dan mereka mempunyai kuasa untuk

membuat salinan atau mengambil cabutan, *extract*, dengan izin, daripada mana-mana buku, dokumen atau data berkomputer.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut buku, dokumen atau data berkomputer, isu harta intelek itu terlibat. Saya lihat dalam peruntukan ini, banyak kuasa penggeledahan atau penyiasatan telah pun diberikan kepada pegawai-pegawai penguat kuasa. Senarai jenis siapakah pegawai menguatkuasakan undang-undang ini pun sudah ada, tetapi masalahnya tidak ada satu peruntukan dalam rang undang-undang ini yang menyatakan selepas penggeledahan ataupun penyiasatan, setakat manakah data berkomputer ataupun maklumat-maklumat harta intelek itu boleh dilindungi. *How do we keep the secrets?* Dengan izin.

Tidak ada peruntukan yang menyatakan apakah yang sepatutnya dilakukan oleh pegawai-pegawai kita dalam usaha kita melindungi harta intelek. Dengan cara penggeledahan sebegini, Tuan Yang di-Pertua, mengambil, membuat salinan, menggeledah, menyita dan sebagainya, ini seolah-olah ia telah pun mencerminkan satu kefahaman dalam negara kita. Apa yang terlibat dalam Rang Undang-undang Biokeselamatan ini, subjek perkara (*subject matter*) yang terlibat ialah harta intelek (*intellectual property*) dan bukan cara kita buat penggeledahan dan sebagainya. Ini semuanya dalam perkataan seolah-olah undang-undang ini melibatkan dadah berbahaya, tetapi sebenarnya tidak.

Jadi saya rasa dari segi penyiasatan, dari segi penggeledahan dengan waran seperti mana dalam seksyen 40, haruslah kita peka dengan keperluan untuk melindungi harta intelek seperti mana yang telah pun dinyatakan dalam *Cartagena Protocol*, seperti mana yang telah pun dinyatakan oleh rakan saya dari Kepong pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pemahaman dan juga proses penggubalan undang-undang, boleh kita dapati bahawa mungkin kurangnya kepekaan kepada kita ke atas keperluan negara kita dari segi perlindungan harta intelek. Apabila kita lihat sahaja cara-cara ataupun mod-mod penggeledahan yang telah pun disenaraikan secara panjang lebar dalam seksyen 40 ini, tetapi malangnya tidak ada satu peruntukan yang mengatakan kita mempunyai satu tanggungjawab pada masa yang sama untuk melindungi harta intelek yang telah pun dilahirkan oleh mana-mana pihak.

Dengan ini, dengan penguatkuasaan yang begitu meluas dan juga begitu keras, ini sebenarnya akan menakutkan pelabur-pelabur asing dalam membuat penyelidikan dan juga pembangunan atas sektor bioteknologi dalam negara kita. Jadi apa yang saya nyatakan sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita mahu mempertahankan ataupun memastikan bahawa kesihatan manusia ataupun kesihatan warga kita terjaga, bukan sahaja kita hendak pastikan alam sekitar kita terjaga, tetapi juga pada masa yang sama kita haruslah menunjukkan komitmen negara kita bahawa kita peka ke atas perlindungan harta intelek iaitu maklumat-maklumat yang terkandung dalam buku, dalam dokumen, dalam data komputer dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi di bawah seksyen 61 yang telah pun mewajibkan *identification* dan *labeling*. Apabila saya lihat seksyen 61, jadi saya tidak pasti sama ada apabila saya lihat *identification and labeling* yang dinyatakan yang telah pun mewajibkan bahawa *labeling* haruslah dibuat, tetapi saya tidak pasti sama ada ini bercanggah dengan proses perundingan negara kita dengan Amerika Syarikat kerana saya difahamkan dalam proses perundingan antara negara kita dengan Amerika Syarikat dalam Perjanjian Perdagangan Bebas, Amerika Syarikat telah pun menyatakan bahawa mereka tidak mahu *labeling* diadakan dalam negara kita sebagai salah satu daripada unsur perundingan dalam Perjanjian Perdagangan Bebas tersebut.

Saya ingin tanya pihak kementerian, sama ada pihak kementerian telah pun terlibat sebagai salah satu daripada ahli dalam proses perundingan dengan Amerika Syarikat atas Perjanjian Perdagangan Bebas dan sama ada dengan wujudnya seksyen 61 ini, ia akan menjejaskan perundingan negara kita dengan Amerika syarikat dalam Perjanjian Perdagangan Bebas. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kuala Terengganu.

### **3.06 ptg.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dan menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006 ini. Kata kunci yang penting kepada rang undang-undang ini ialah penubuhan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan yang akan memberi punca kuasa, yang akan memberi kawal selia, segala macam pelepasan, pengimportan, pengeksportan dan kegunaan terkawal organisma diubahsuai yang hidup dan juga pelepasan hasilan organisma yang boleh mendatangkan masalah-masalah kepada kehidupan manusia, malah kepada *civilization* ataupun tamadun dunia.

Saya juga ingin mengucapkan syabas sebab Malaysia adalah di antara beberapa buah negara sahaja di dunia ini, daripada sebilangan besar negara yang telah pun mengadakan rang undang-undang serupa ini. Saya kira di antara sepuluh buah negara yang terkedepan, tetapi cabarannya kepada kita sekarang ini, apakah negara-negara yang hebat perkasa yang mempunyai segala kekuatan itu bersedia menerima segala tatacara dan juga syarat-syarat dan kerja buat daripada Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan ini.

Seperti mana yang telah disebut oleh Ahli Parlimen Kota Melaka tadi katakan Amerika sekarang telah memandang serong dalam konteks pelabelan tadi, terutamanya dalam konteks *world trade* ataupun perdagangan bebas antarabangsa. Apakah mereka akan dengan mudah menerima kerana kuasa-kuasa besar serupa ini yang mempunyai segala kekuatan, mereka menganggap kekuatan itu adalah kebenaran. *Might is a right*. Meskipun apa yang kita lakukan *right, but* mereka anggap sebagai tidak betul jugalah. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang harus difikirkan sebagai implikasi daripada usaha gigih kita, usaha cemerlang kita dalam

kita menggubal rang undang-undang dan juga menubuhkan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan ini.

Saya melihat dari perspektif yang mencabar, tetapi ada kekuatan kita untuk melaksanakan rang undang-undang ini. Tadi telah disebut daripada Yang Berhormat Kuala Langat yang menyebut bahawa Malaysia ketinggalan 30 tahun berbanding dengan US dalam bidang bioteknologi ini. Malah negara-negara seperti Amerika dan negara-negara di sebelah barat dan juga timur telah pun berada dalam satu peringkat yang cukup istimewa dan cukup terkedepan, bukan sahaja dalam bidang bioteknologi, sudah ada nanoteknologi, malah akhir-akhir ini sudah ada piko teknologi. Ini adalah merupakan bidang-bidang yang cukup hebat yang telah diterokai oleh manusia.

Bagaimanapun Malaysia sekarang ini memberanikan diri dengan mengadakan satu rang undang-undang untuk kita memastikan keselamatan ataupun biokeselamatan ataupun apa yang disebut sebagai *Biosafety Law* ini. Rang undang-undang ini adalah terlalu panjang. Ia melibatkan sehingga 71 fasal kesemuanya dan saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara, meskipun rakan-rakan yang terdahulu telah menyebutnya.

■1510

Yang pertamanya adalah merupakan fungsi Lembaga iaitu Fasal 5, Fasal 6 dan Fasal 7. Saya ingin menyebut beberapa komentar saya tentang jawatankuasa ahli-ahli lembaga ini. Penubuhan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan ini.

Yang pertamanya saya melihat daripada jawatankuasa ini tujuh orang adalah terdiri daripada golongan birokrat. Cuma tujuh kerusi sahaja yang dibuka kepada profesional. Pengerusinya pula adalah terdiri daripada ketua setiausaha daripada kementerian yang berkenaan. Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hendaklah menjadi pengerusinya. Kemudian diikuti lagi beberapa *personnel* lain, seorang wakil daripada Kementerian Pertanian. Saya kira ini adalah merupakan tokoh-tokoh birokrat bukan terdiri daripada orang-orang profesional dan kita pernah diberi amaran bahawa birokrasi itu dikatakan sebagai *dracula* dalam pengurusan.

Apakah *dracula* ini akan melambatkan kerja buat, sebab ini adalah merupakan satu perkara yang cukup penting dan kritikal dalam kita berdepan dengan pelbagai masalah. Saya ingin mencadangkan supaya difikirkan semula iaitu golongan-golongan profesional dalam jawatankuasa atau dalam penubuhan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan ini agar dapat diimbangi 7:11 ini, saya kira tidak seimbang. Saya kira perlu difikirkan semula agar golongan-golongan profesion diperamaikan, demikian juga golongan-golongan yang berteraskan kepada *ethic*, kepada etika-etika dalam kehidupan manusia itu turut disertakan dalam jawatankuasa ini.

Selain daripada itu juga, saya melihat dalam bahagian dua Lembaga Biokeselamatan ini ada pula ditubuhkan apa yang disebut sebagai Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik. Saya hendak tanya setakat manakah jawatankuasa ini tidak bertindan dan tidak

bertindih dari segi fungsinya. Kadang-kadang ini akan lewat-lewatkan kerja-kerja yang begitu penting sekali. Inilah saya katakan dia ada lapisan-lapisan dalam kerja buat ini. Ini akan menambah dan lewat-lewatkan, melengah-lengahkan itulah yang saya sebut tadi sindrom birokrasi itu akan menjadi satu *dracula* dalam pengurusan ini, akan melambat-lambatkan dan melengah-lengahkan.

Dalam masa yang sama juga ada lagi satu lembaga iaitu Lembaga Jawatankuasa Penasihat boleh menubuhkan pula jawatankuasa dan jawatankuasa kecilnya, ini lagi satu *level*. Jadi kita lihat macam kuih lapis, berlapis-lapis dan lapisan-lapisan ini pula tidak tahulah apakah dia akan memberi *speed*, memberi kepantasan ataupun akan membawa kepada keraguan orang dan bila timbul keraguan ini akan menyebabkan terasnya jatuh, keyakinannya jatuh, *confidentnya* jatuh, *low trust, low speed, high cost*. Ini adalah merupakan satu teori biasa dalam kehidupan kita. Yang kita kehendaki pantas, *high trust, high speed low cost*. Ini harus difikirkan apakah dengan lapisan-lapisan dalam lembaga ini boleh menyebabkan kita pantas dalam tindakan kita dan juga memberi keyakinan-keyakinan kepada pelbagai pihak.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [*Bangun*]

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ya, silakan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya hendak bangkitkan isu birokrasi dan keperluan sebenarnya. Saya memang melihat di dalam akta ini. Saya lihat di situ tujuh pegawai tinggi kerajaan dari pelbagai kementerian akan menganggotainya. Saya ingat rasionalnya jelas, sebenarnya perlu ada penyelarasan antara kementerian-kementerian itu, itu perlu. Tetapi saya lihat di situ perbandingannya ada pula empat kerusi terbuka kepada para profesion. Empat sahaja saya tengok di situ.

Jadi, oleh kerana itu selain daripada unsur birokrasi yang disebutkan tadi, apa pandangan Yang Berhormat supaya profesional ini selain daripada mereka *specialize* dalam sesuatu bidang itu, tetapi sepatutnya ada kumpulan korporat usahawan kerana akhirnya apa yang dibuat ini ialah aspek potensi komersialnya kepada negara kita. Jadi dari segi komposisi profesional itu pada pandangan Yang Berhormat, saya ingat kewajarannya ialah supaya dua gali ganda daripada unsur wakil-wakil pegawai tinggi daripada kementerian, itu tujuh orang. Maknanya kita boleh adakan tambahan 15 orang. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Saya setuju kepada rakan saya itu yakni dari segi pelarasan daripada pelbagai kementerian - perlu. Kita tidak mahu satu agensi kerajaan, satu kementerian *advocate* tetapi dari segi pelaksanaannya tidak berjalan. Ini sindrom *advocate* sahaja, tetapi dari segi buatnya, dari segi pelaksanaannya dia berdepan dengan masalah. Tetapi sekarang ini dalam jawatankuasa ini bagus, dia ada pelbagai kementerian, kita perlu penyelarasan itu, tetapi kita juga hendak meletakkan orang-orang yang benar-benar tahu. Sebab

ini adalah merupakan teknologi terkini, ini adalah merupakan sesuatu yang cukup teknikal, ini adalah merupakan *high tech, high touch* agenda teknologi martabat tinggi dan juga sentuhan-sentuhan yang begitu berseni dan tinggi sekali.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kudat.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Silakan Yang Berhormat Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Memang saya bersetuju dengan apa yang telah dikemukakan tentang penglibatan ahli-ahli lembaga yang terdapat dalam Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan ini. Komposisinya itu memang mungkin perlu ditokoh tambah sesuai dengan kehendak dan kepentingan negara kita. Tetapi dalam soal ini, yang penting di sini ialah saya fikir ketua eksekutifnya, iaitu ketua pengarah, kerana ketua pengarahlah yang akan melaksanakan segala arahan-arahan yang dibuat oleh lembaga. Kecekapan dan kebolehlaksanaan sesuatu program ataupun sesuatu dasar tersebut adalah terletak kepada kemampuan orang yang melaksanakan tanggungjawab tersebut, ketua eksekutifnya.

Sebab itu dalam soal ini apa yang penting bagi kerajaan ialah untuk menentukan seorang ketua eksekutif yang benar-benar kompeten, yang mempunyai kebolehan dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam soal ini, kerana apa pun pendapat ataupun rumusan-rumusan yang dibuat oleh ahli-ahli lembaga di dalam soal ini, tetapi kalau sekiranya *transmission of* segala keputusan-keputusan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan baik, dan inilah yang menjadi penghalang dan menjadi *red tape* yang sebenarnya menyebabkan ketidakcekapan di dalam pelaksanaan apa juga dasar-dasar kita. Bersetujukah Yang Berhormat dengan pendapat saya?

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Memang saya kira CEO kita ini cukup penting sekali, pegawai eksekutif, ketua eksekutif sebagai orang yang akan mashul ataupun orang yang akan menggerakkan dan juga memastikan aktiviti-aktiviti fungsi lembaga ini berjalan dan saya amat inginkan orang-orang yang benar-benar profesional, orang yang ada kelayakan, orang yang ada kemahiran dari segi bioteknologi ini, orang yang benar-benar faham tentang genetik *modification* tentang *living modified organism*, tentang *genetically modified*. Orang-orang serupa ini yang kita perlukan banyak penyelidikan lebih-lebih lagi fungsi lembaga ini di antara lain C saya tengok sini, fungsi lembaga Fasal 5, di situ untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pendidikan dan latihan yang berhubung dengan biokeselamatan.

Ayatnya ringkas, tetapi kerjanya adalah begitu serius dan juga amat memerlukan kepakarannya. Saya juga hendak mengucapkan syabas kepada kementerian, sebab daripada klausa yang ada ini, pada fungsi lembaga ini dia boleh menjana satu kegiatan yang segar dalam kegiatan R&DC (*Research Development and Commercialization*), dengan izin. Sebab dalam

konteks ini saya kira dalam dia hendak menentukan arahan tatacara pelabelan itu banyak penyelidikan, kerja-kerja kajian secara teliti sama ada *action research*, sama ada kajian-kajian yang bersifat spesifik, sama ada kajian-kajian yang bersifat ketelitian yang tinggi, kerahsiaan yang tinggi akan dilakukan dan ini akan menjanakan satu kemeriahan dalam masyarakat kita dan menjanjikan *the way forward* kita, dalam kita menerajui *the blue ocean strategy*, dalam kita menerajui perkembangan masa hadapan, untuk duduk sama rendah dan berdiri lebih tinggi daripada orang lain.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Silakan Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini soal *way forward*, terima kasih sahabat saya dari Kuala Terengganu. Ini soal kemampuan kebolehan ini. Yang Berhormat kita juga sedarkan kementerian ini, bahawa kementerian ini patut bersedia juga secara infrastrukturnya sendiri. Kalau soal pendidikan, soal R&D ini bersetujukah Yang Berhormat kalau kementerian juga memerlukan peruntukan yang besar untuk infrastruktur, untuk menguat kuasa, untuk melaksanakan akta ini, minta penjelasan.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Saya amat setuju sebab saya sering bercakap, malah kelmarin ketika kita perbahaskan satu persoalan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

■1520

Saya menyatakan bahawa di negara Timur Tengah, dia berbelanja hampir USD40 bilion untuk R&DC ini. Banyak manakah kita telah mencurahkan? Saya hendak bertanya juga kepada kementerian yang bertanggungjawab membawa rang undang-undang ini, apakah status *Biovalley* kita sekarang ini? Setakat manakah kita telah menarik dan menjana kemasukan pelabur-pelabur dalam menjana aktiviti di *Biovalley* ini sendiri? Apakah sekadar kita hidup segan, mati tak mahu? Ataupun kita banyak mengungkapkan konsep-konsep yang besar, tetapi dari segi pelaksanaannya tidak ada? Saya amat bersetuju dengan Putatan tadi, kita harus siap siaga dengan pengetahuan, dengan *the brain*.

Apa yang saya hendak sebut di sini ialah *brain pool*. Kalau kita ada pasukan bola sepak, *Liverpool*, kita tak perlu kepada *Liverpool*, yang kita perlukan sekarang ialah *brain pool*nya itu iaitu di mana kita dapat menjana, menggerakkan, membina satu takungan dan wadah pemikiran yang tinggi darjat dan martabatnya. Sebab saya lihat di sini implikasi daripada akta ataupun Rang Undang-undang Biokeselamatan ini akan menggerakkan kita ke hadapan.

Kita di antara yang saya sebut tadi, adalah di antara 10 buah negara yang terlalu, yang *passionate* sekali, ke arah menggerakkan agenda yang cukup besar ini yang bakal membawa kita dalam satu keadaan dunia yang bakal merubah masa hadapan nanti. Sebab itu saya ingin menyebutkan di sini bahawa kita perlu sebenarnya memastikan *the brain pool* itu, pembinaan

dan juga pengumpulan pakar-pakar kita dalam bidang ini. Saya juga melihat beberapa implikasi daripada susulan undang-undang biokeselamatan ini.

Pertama, seperti mana saya sebut tadi dia akan menggerakkan dan menjana R&DC dan saya juga menerima cadangan daripada rakan saya tadi supaya peruntukan yang sewajarnya diberi kepada kementerian ini. Ataupun kementerian ini perlu berangkaian, rangkaian kerjasamanya dengan kementerian-kementerian lain termasuklah Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi ataupun kementerian yang ada kaitannya dengan bioteknologi termasuk Kementerian Pertanian.

Selain daripada itu juga saya menjangkakan banyak *discovery*, penemuan-penemuan baru termasuklah apa yang disebutkan sebagai *science based regulations* akan dicipta ataupun peraturan-peraturan dan tatacara kerja yang berteraskan kepada sains yang akan dicipta ataupun yang akan dilahirkan melalui jawatankuasa ataupun fungsi-fungsi lembaga tadi. Seperti mana yang terdapat di dalam rang undang-undang ini. Selain daripada itu juga, saya juga melihat akan berlaku *value creation* dalam kerja buat ahli-ahli saintis ini, yakni nilai-nilai baru ataupun pembinaan konsep-konsep baru. Selain daripada itu juga, penilaian terhadap risiko pelbagai jenis makanan, pelbagai jenis aktiviti yang begitu saintifik dan spesifik ini akan terserlah, *risk assessment*.

Selain daripada itu juga barangkali *traceability* untuk kita dapat mengesan dari punca manakah sesuatu GE itu, *Genetically Engineered Food* itu ataupun makanan spesimen-spesimen itu dapat dikesan. Sekarang ini kita telah ketemui pelbagai konsep. Soya GE, *Genetically Engineered*. Kentang GE, Jagung GE, Ubi GE, Lada GE, apa lagi? Durian GE [*Ketawa*] dan macam-macam lagi. Ini adalah merupakan perkembangan-perkembangannya.

Saya lihat dalam dunia GE ini ataupun *the Genetic Engineering* ini, *sky is the limit*, dan saya mengucapkan syabas juga sebab sudah ada kesedaran di peringkat itu. Menteri Pengajian Tinggi pun ada sama supaya bidang GE ini ataupun *Genetically Engineered* ataupun GMO, *Genetically Modified Organism* ini diberi perhatian yang begitu serius. Saya kira akan terserlah melalui aktiviti-aktiviti dalam bidang tugas di bawah Rang Undang-undang Biokeselamatan ini. Akhir sekali saya ingin menyebut di sini bahawa Malaysia dengan melakukan aktiviti dan penguatkuasaan ini, Akta Biokeselamatan ini, sedang berada dalam satu - Larut, silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bertanya sedikit, minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Kita amat menyokong sekarang rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini kerana untuk kepentingan rakyat, dari segi pelaburan, serta kebaikan kita. Masalahnya ialah apakah rang undang-undang ini mudah diratah, mudah disogokkan dengan kadar yang berubah hari ini, globalisasi kalau kita cakap. Lebih-lebih lagi kalau dari segi *enforcementnya*, dengan izin. Kalau peruntukan cukup, dari segi *enforcementnya* tidak memadai dengan apa yang hendak kita laksanakan. Apakah ia boleh direalisasikan? Kalau tidak, rang undang-undang ini hanya setakat

kita ibarat lagu sudah siap, tetapi tidak ada penyanyinya. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang ini?

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Amat setuju. Itulah saya sebut dari awal-awal tadi, *the syndrome advocate*. Saya guna istilah ini lagi. Kita *advocate*, kita mengapungkan, kita membincangkan di Parlimen ini 'geger', sehingga hilang suara sesetengahnya itu, dengan bomnya hilang suara kita. Sekadar kita *advocate* konsep-konsep yang baik, tetapi dari segi pelaksanaannya, ini adalah merupakan satu perkara yang perlu diambil perhatian.

Banyak buku-buku dalam pengurusan menyebut iaitu *gap*, kelompangan dari segi pelaksanaan. *The execution gap*, saya ulang, *the execution gap*, *gap*, kelompangan dalam pelaksanaan. Saya kira ini perlu diambil fikir. Tadi telah disebut, berapa ramai pegawai-pegawai penguat kuasa yang ada di kementerian yang bertanggungjawab ini? Ini kerana dalam kerja buat pelaksanaan biokeselamatan ini, cukup banyak kerja-kerja pelabelannya, kerja-kerja *tracingnya*, ini adalah kerja-kerja yang cukup spesifik.

Sebab itu, sekali lagi saya mengesyorkan dari segi peruntukan yang mencukupi harus diberi kepada kementerian ini. Masa depan negara banyak bergantung pada kejayaan dalam kita meneroka kemajuan sains, teknologi dan bioteknikal ini. Silakan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Nampaknya Yang Berhormat begitu bersetuju sekali dalam soal Akta Biokeselamatan ini. Cuma tadi apa yang Yang Berhormat bangkitkan mengenai dengan GE buah-buahan ini ataupun *Genetically Engineered*, macam buah, sayur-sayuran dan sebagainya. Misalnya tomato kecil boleh jadi besar, yang besar boleh jadi kecil. Begitu juga ubi-ubian yang juga *Genetically Engineered*. Jadi, apakah Yang Berhormat tahu, yang sesetengah ini tidak begitu baik dari segi kesihatan kepada manusia?

Apakah Yang Berhormat juga hendak mencadangkan dalam Dewan ini, ini juga harus dipertimbangkan, benda-benda ataupun bahan-bahan makanan yang berunsur GE tadi? Di Eropah pun sedang mengetepikan GE ini, yang kita pula negara yang sedang hendak maju ini mengambil alih benda-benda yang sudah ditolak seperti di Amerika, di Eropah. Umpamanya macam saya cakap, kerana bahan-bahan yang diguna dan dipakai sebagai baja dan sebagainya adalah memudaratkan kepada kesihatan manusia. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Yang Berhormat Sungai Petani, memang ada pro dan kontranya. Ada kebaikan, ada kelemahan, ada masalah, ada manfaatnya daripada apa yang sedang kita bincangkan berhubung dengan GE, ataupun *Genetically Engineered* buah-buahan ataupun binatang ternakan dan serba macam lagi itu. Sekarang ini saya juga mencadangkan supaya jawatankuasa terdiri dari pelbagai pihak iaitu orang-orang yang bersifat *highly ethical*, nilai-nilai *ethic* yang tinggi, harus juga ada di situ.

Ini kerana kadang-kadang haram, halal ini termasuk juga dalam perkara ini. Kita dapat mengenal pasti bahawa ada gen-gen manusia barangkali dimasukkan dalam kegiatan-kegiatan

bioteknologi ini ataupun gen iaitu benih baka daripada khinzir misalnya. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang harus diteliti, disiasati. Sebab itu saya sebut tadi *traceability* itu begitu penting sekali. Ini merupakan satu dimensi yang harus diperkembangkan iaitu di mana kita dapat mengesan apakah puncanya, dari mana sumbernya? Silakan..

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih. Barangkali sudah tiba masanya Yang Berhormat, sama ada Lembaga ini atau jawatankuasa yang disebut tadi, juga diambil kira para ulama kerana kadang-kadang para ulama kita ini dia tidak ada tempat, platform untuk dia memberi pandangan. Jadi, bila beri pandangan yang tidak betul, nanti menimbulkan masalah. Dia jadi mudah diratah lagi. Mudah diratah dan mudah disogokkan lagi. Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Barangkali Yang Berhormat bersetuju dengan hal ini. Amat mudah diratah...

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ya, setuju. Sebab permasalahan yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Larut itu adalah merupakan persoalan yang universal sekarang ini malah saya mengikuti *speeches* ataupun ucapan yang diberi oleh Presiden Amerika, Clinton tempoh hari juga. Dahululah, Presiden Clinton pernah menyatakan bahawa orang-orang yang *religiously incline* ini, yang mempunyai *inclination* yang kuat, dari *ethics*, adab ini juga perlu ada sebab perbahasan-perbahasan cukup banyak timbul sama ada di barat mahupun di timur. Saya amat menyokong penuh dalam lembaga atau jawatankuasa kecil atau jawatankuasa penasihat perlu ada orang-orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini.

■1530

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kudat.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ya, silakan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Kuala Terengganu. Adakah Yang Berhormat Kuala Terengganu boleh mencadangkan setiap produk di negara kita ini haruslah dilabelkan sebagai produk-produk GMO di mana mana-mana produk yang dihasilkan melalui *genetic engineering* supaya dilabelkan dan juga produk-produk yang tidak *genetic engineering* dilabelkan sebagai produk non GMO's seperti mana di kebanyakan negara-negara yang sudah maju kerana sekurang-kurangnya dengan adanya label-label serupa ini akan memberikan pilihan kepada pengguna-pengguna sama ada mereka bersedia mengambil makanan-makanan tersebut dan sekiranya ada label ini saya rasa ini adalah merupakan satu perkara yang penting dalam negara.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Satu daripada tugas dan fungsi jawatankuasa ini adalah berkaitan pelabelan ataupun pengenalpastian *tracing* atau *traceability* tadi. Memang sebelum dapat dilabelkan kerja-kerja *tracing* atau *traceability* (*be able to trace*) adalah perlu dilakukan. Memang kita bersetuju.

Memang ada kekangan dan ada halangan-halangan seperti mana yang telah saya sebutkan pada awal tadi. Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat barangkali tidak mahu tercabar produk-produk dalam dagangan mereka yang mahu melihat bahawa tidak ada lagi kekangan mereka untuk memperdagangkan hasil-hasil mereka dengan label-label yang kita beri barangkali, halal haram terutamanya akan menyebabkan menjejaskan *business* mereka dan lalu mereka akan mengadakan serangan-serangan balas dalam bentuk boikot dan serba macam lagi itu.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, akhir sekali saya ingin menyebut tentang satu perkara yang saya kira penting juga di sini iaitu usaha-usaha kita untuk kita memastikan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Puteh, Kuala Terengganu.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Sebelum akhir hendak kuatkan sedikit. Pasal hendak *straight forward* tadi, jadi saya setuju Yang Berhormat Kuala Terengganu kalau boleh kita kuatkan sedikit dengan hujah-hujah tadi. Bukan sekadar teori bahkan praktikal *together* dengan izin. Kita hendak dengan praktikal sekali [Membaca sepotong hadis]

Diberi sandarkan atau diambil orang yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tadi, beri kerja dekat dia akan hancur, tidak jadi, sekurang-kurangnya tidak jadi, jadi kita ambil kepakaran.

Yang keduanya, kata pepatah orang putih saya tak tahu daripada hadis atau ayat al-Quran dia ambil. *Science without religion is blind*. Bunyi Kelantan sedikit. *Religion without science is blind*. Ertinya kalau ada ilmu tanpa ada agama dia akan jadi pincang tetapi kalau ada agama tanpa sains dia akan jadi buta. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Betullah itu. Itu boleh masuk sebahagian daripada ucapan saya. Kita telah pun membincangkan perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh sebentar tadi itu, kita perlu orang-orang yang benar-benar pakar dan tahu.

Kita perlu berlaku adil meletakkan orang-orang itu pada kedudukan yang sepatutnya untuk mereka memainkan peranannya dengan secara yang berkesan. Kalau kita salah letak orang umpamanya penyangak letak pada tempat orang-orang macam ini, dia akan menimbulkan keadaan yang kelam kabut dan keadaan yang tidak membawa kepada kesejahteraan dan harmoni.

Saya ingin menyebut akhir sekali di sini bahawa dalam konteks perkembangan perdagangan industri pengembaraan yang begitu pantas sekarang ini juga dengan ancaman-ancaman *biological warfare* atau pun perang secara biologi sekarang ini maka saya kira rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah cukup relevan sekali. Lebih-lebih lagi sekarang ini

kita sudah lihat trend bahawa kuman-kuman virus yang mudah dibawa merentasi sempadan sudah pun berlaku.

Saya kira dengan penguatkuasaan dengan adanya *provision* tertentu dalam akta ataupun Rang Undang-undang Biokeselamatan ini perkara-perkara serupa ini dapat kita hindari dan saya ucapkan syabas sebab kita adalah di antara beberapa buah negara yang mempunyai kesedaran dan martabat tinggi ini amat dialu-alukan. Sekian saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang.

### 3.34 ptg.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya ingin sama membahaskan berhubung dengan Rang Undang-undang Biokeselamatan ini walau pun kita tahu biokeselamatan ini mempunyai satu bidang yang cukup luas yang melibatkan manusia dan juga keselamatan manusia. WHO telah mengatakan rasionalnya bahawa keselamatan ini adalah hutan mengekalkan persekitaran yang sihat dan juga selamat.

Walau bagaimanapun keadaan ini tercabar oleh wujudnya pelbagai jenis penyakit baik endemik, pandemik ataupun berlakunya secara epidemik dan ia juga berlaku disebabkan oleh kemalangan ataupun *hazard* sama ada buatan manusia ataupun keadaan semula jadi. Maknanya matlamat biokeselamatan ini sebenarnya adalah untuk mengurangkan penyebaran *microorganism* yang menyebabkan penyakit *pathogenic organism*.

Sebab itulah usaha biokeselamatan termasuk pembentukan lembaga yang disebutkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat ini amat penting terutama sekali dari segi kepakaran yang ada pada setiap Lembaga Biokeselamatan ini. Saya agak tertarik dengan apa yang telah disebutkan oleh Pasir Puteh dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat tentang perlunya ada mereka yang pakar dalam bidang agama, dalam biokeselamatan ini kerana ia melibatkan *biological engineering* ini kerana seperti mana yang telah saya sentuh dalam perbahasan Kepong dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat itu tadi berhubung dengan makanan yang dengan adanya *genetically modified food* ini kerana ada laporan yang mengatakan ada tomato dan juga kentang yang dihasilkan melalui GMF ini diambil genetiknya daripada khinzir.

Saya harap perkara ini perlu diberi perhatian oleh kita kerana ia melibatkan masalah makanan dan juga masalah pembesaran badan kita kerana hadis Rasulullah ada menyebut [*Membaca sepotong hadis*]. Saya rasa Pasir Puteh boleh memberi penerangan berhubung dengan perkara ini.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh adalah berhubung dengan berita yang dikeluarkan oleh akhbar Berita Harian semalam. Berhubung dengan bank sperma walau pun ia tidak dibincangkan dalam rang undang-undang ini tetapi apabila kita sentuh tentang biokeselamatan, ini merupakan suatu perkara yang cukup penting untuk kita bahas ataupun kita

bincangkan kerana ia melibatkan keselamatan umat, keselamatan bangsa, keselamatan agama dan juga faktor halal haram daripada bank sperma ini.

Walau pun Pengarah Kesihatan mengatakan ia akan memberikan perhatian serius terhadap bank sperma ini saya rasa di dalam Rang Undang-undang Biokeselamatan ini perlu juga kita beri perhatian kerana ia melibatkan zuriat, melibatkan hukum, melibatkan masalah-masalah yang berhubung kait dengan pusaka dan juga masalah anak susuan dan juga masalah-masalah yang ada kaitan dengan undang-undang keluarga di dalam agama Islam kita.

Apabila kita menyentuh tentang bank sperma ini walau pun mufti mengatakan ia harus untuk suami dan juga isteri tetapi apabila ia disimpan di dalam bank maknanya ia boleh simpan untuk waktu dan masa yang lama. Jika sekiranya benda ini berlaku semasa suami masih hidup, itu tidak ada masalah tetapi apabila suaminya telah meninggal dunia ataupun telah berlaku perceraian dan sperma ini digunakan untuk isteri yang sah tersebut ataupun dalam keadaan suaminya sudah meninggal, ia merupakan suatu perkara yang haram yang tidak boleh dilakukan.

Saya harap pihak JAKIM dan juga pihak kementerian memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini. Seterusnya adalah saya hendak menyentuh tentang bentuk vaksin. Dalam persidangan Menteri-menteri Kesihatan Negara-negara OIC baru-baru ini yang telah diadakan di Kuala Lumpur telah dinyatakan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar vaksin.

Vaksin ini merupakan suatu bentuk *genetically organism* yang akan digunakan untuk menghalang badan kita daripada terkena penyakit dan ini merupakan suatu berita yang cukup baik dan cukup positif kerana ia memberi suatu kelegaan kepada rakyat kerana kos untuk sesuatu vaksin yang kita import sekarang ini adalah suatu bebanan kepada rakyat terutama sekali kalau kita lihat kepada jemaah haji kita yang ingin menunaikan haji misalnya dalam *meninga cockle*, *meningitis vaccine* dan juga *influenza vaccine*, mereka terpaksa berbelanja lebih kurang RM50 hingga ke RM90 hanya untuk sesuatu vaksin.

Sekiranya kita dapat mengadakan ataupun membuat vaksin ini dalam negara kita, saya rasa ini akan menjimatkan kos baik kos jemaah haji ataupun kos yang ditanggung oleh Tabung Haji sebagaimana yang diberitahu kepada kita oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri pagi tadi.

Tentang *genetically modified food* ini ada beberapa perkara yang harus kita beri perhatian iaitu kadang-kadang memberikan suatu kesan positif kepada sektor pertanian kita kerana ada di antara *GM food* ini ia akan memberi ketahanan kepada misalnya buah-buahan yang dihasilkan daripada diserang oleh penyakit. Sayur-sayuran yang dihasilkan ataupun padi ataupun beras yang dihasilkan ia tahan daripada serangan kemarau misalannya ataupun jenis buah-buahan seperti *papaya* dan juga jagung yang telah dibuat kajian dan dihasilkan ia tahan daripada serangan penyakit dan juga serangan racun-racun tertentu yang boleh memudaratkan manusia itu sendiri.

## ■1540

Saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian dan ia amat wajar sekiranya Kementerian melantik mereka yang pakar untuk menduduki dalam jawatankuasa ini. Selain daripada apa yang telah digariskan dalam rang undang-undang ini, saya rasa mereka yang mempunyai kepakaran khusus misalnya dalam bidang penyakit, mereka yang berada dalam IMR iaitu daripada Kementerian Kesihatan perlu juga diletakkan di dalam jawatankuasa ini. Begitu juga mereka yang berada di *Communicable Disease Control* (CDC) di Kementerian Kesihatan kerana mereka inilah yang sebenarnya tahu bagaimanakah merebaknya sesuatu penyakit tersebut contohnya macam penyakit *bird flu* yang kita risau dalam keadaan sekarang ini. Mereka inilah yang menjadi pakar dan juga tahu bagaimanakah penyebaran penyakit tersebut, bagaimana ia bermula, kepada siapa ia pergi dan juga cara mana kita dapat menghalang. Jadi, mereka yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang ini perlulah diletakkan di dalam jawatankuasa ini kerana ia tidak disebutkan dalam rang undang-undang ini.

Begitu juga dengan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang *genetic engineering* ini seperti mereka yang berada di PUSPATI. Begitu juga mereka yang boleh mengolah data melalui komputer seperti mereka yang berada di MIMOS di MOSTI. Inilah perkara yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian dan saya secara peribadi memang menganggap rang undang-undang ini merupakan suatu yang penting dan juga sesuai pada masanya untuk kita sahkan atau melaksanakannya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sabak Bernam.

**3.42 ptg.**

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sabak Bernam bangun untuk merakamkan syabas dan tahniah terhadap rang undang-undang ini yang saya difahamkan Malaysia merupakan antara satu-satunya negara yang memperkenalkan Rang Undang-Undang Biokeselamatan. Nampaknya negara kita begitu bersungguh-sungguh, serius dan komited dalam aspek ini kerana sejak tahun 2005 saya difahamkan ada satu konvensyen yang khusus berkaitan perkara ini tetapi negara lain di dunia ini sebenarnya bukan hendak mengawal aspek bio ini tetapi hendak menggunakan untuk memusnahkan manusia.

Apa yang Sabak Bernam ingin khususkkan di samping menyokong ini ialah bercerita ataupun bercakap mengenai isu-isu biokeselamatan ini di peringkat akar umbi. Sabak Bernam terkenal dengan bendang padi. Suatu masa petani yang ada di bendang itu selain daripada dapat padi dia dapat ikan air tawar khususnya ikan keli, ikan puyu, ikan sepat dan sebagainya tetapi ikan-ikan itu sudah tidak ada. Racun dan baja yang diperkenalkan yang biasanya dibawa masuk daripada luar negara ini ia ada kebaikannya tetapi jelas juga membawa kepada

keburukan. Oleh kerana itu Sabak Bernam ingin bertanya apakah kawalan kerajaan tentang perkara ini.

Yang terbaru dan yang lebih menarik ialah saya telah dirujuk satu bentuk *microorganism enzyme* yang boleh membesarkan ikan ketutu dalam tempoh lapan bulan. Biasanya ikan ini yang *contract farming* sekilo RM65, biasanya dia akan jadi sekilo selepas dua tahun, tetapi dengan enzim ini dalam tempoh 8 ke 10 bulan sudah jadi sekilo. Cukup bagus. Masalahnya ialah bila saya tanya, adakah enzim ini telah diteliti dan disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan atau pihak kerajaan, nampaknya soalan itu tidak berjawab, maknanya tidaklah. Yang menakutkan ini ialah aspek bioteknologi, biologi dan macam-macam bio ini sebenarnya menakutkan kita manusia ini kerana ia boleh menjejaskan kesihatan manusia, kesihatan haiwan, kesihatan tumbuh-tumbuhan dan juga alam sekitar. Oleh kerana itu isu yang terpenting di sini ialah kawalan terhadap GMO ini ataupun bagi saya *genetic engineering* yang sebenarnya bertujuan dimanfaatkan untuk kepentingan manusia.

Saya ingat perkara-perkara lain sudah pun banyak disebut oleh rakan-rakan saya. Hanya yang terakhir itu saya tengok di situ ada tiga lapis jawatankuasa. Nampaknya ia ada satu jawatankuasa penasihat kepada bio-keselamatan ini di bawah *genetic engineering* dan kemudian ada lembaga dan selepas itu ada pelbagai jawatankuasa. Yang terpenting sekali ialah saya juga ingin menegaskan kumpulan pakar umpamanya SIRIM sewajarnya ada di dalam itu dan begitu juga pakar daripada universiti sepatutnya ada di situ.

Contoh yang terbaru ialah seorang profesor daripada USM telah pun mencipta satu vaksin yang digunakan oleh - saya difahamkan baru-baru ini, taklimat daripada Kementerian Pengajian Tinggi sebenarnya 83 negara di dunia mememanfaatkannya. Maknanya di dalam negara kita sendiri modal insan ini ataupun pakar-pakar ini sudah ada. Oleh itu kementerian wajar memanfaatkan mereka ini supaya ia dapat dimanfaatkan oleh negara kita. Terima kasih dan Sabak Bernam mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat.

### **3.46 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Biokeselamatan adalah sangat berkait dengan bioteknologi. Sebenarnya sebelum ini protokol yang berkaitan iaitu Cartagena *Protocol on Biosafety* di mana pada tahun 2003 Malaysia telah menandatangani dan telah meratifikasi protokol tersebut.

Perkara yang mustahak yang berkaitan dengan protokol ini ialah dua perkara, satunya adalah *Genetically Modified Organism* (GMO) dan satu lagi ialah *Living Modified Organism* (LMO). Dalam kedua-dua perkara ini dan dalam lingkungan empat tahun ini apakah yang kerajaan dan kementerian telah sedar mengenai GMO dan LMO, adakah ia telah dikawal dan adakah rang undang-undang diperlukan supaya kawalannya lebih diketatkan. Ini adalah kerana

negara-negara yang sedia ada yang telah mengimplementasikan protokol ini nampaknya tidak berjaya dan ada banyak negara yang mengatakan bahawa mereka tidak ada kakitangan, tidak ada *expertise* yang tertentu untuk menolong negara-negara tertentu.

Jangan kita lupa selepas Perang Dunia Kedua negara-negara Barat sangat aktif mengeluarkan makanan yang lebih supaya ia dapat dinikmati oleh rakyatnya dan kekurangan makanan tidak menjadi satu isu. Dalam proses itu banyak racun telah digunakan dan dalam proses itu juga mutan dan di mana modifikasi bahan-bahan makanan telah terjadi.

Saya difahamkan negara Amerika dalam tempoh 60 tahun ini, dalam proses meningkatkan bahan-bahan makanan, telah *genetically modify* makanan itu dan banyak di antara makanan-makanan tersebut telah dan banyak digunakan oleh negara kita sendiri.

Jadi soalan saya yang langsung adalah apakah yang telah dikenal pasti bahan-bahan yang sedia ada di negara ini di mana bukan sahaja yang diimport, malah banyak petani dan industri yang telah mengguna pakai bahan-bahan tersebut. Di antaranya ialah *fast food* seperti *McDonald* dan *Kentucky Fried Chicken* di mana banyak telah diubahsuai dan tidak diketahui oleh pengguna-pengguna di negara ini. Apakah pandangan dan apakah resolusi oleh kementerian bahawa selepas kita ada rang undang-undang ini semua ini akan dikenal pasti, kita tahu dan tindakan susulan akan di ambil dan yang mustahak sekali adalah mengenai lembaga yang akan ditubuhkan.

■1550

Adakah lembaga ini boleh berfungsi dan mengambil kira semua aspek memandangkan ia mungkin akan terlibat dalam situasi di mana dengan izin *will be involved in major paper work and application for research, organization, importers, manufacturers and exporters and this is a down thing task which the ministry cannot cope*. Ini yang dikatakan oleh pakar-pakar dalam arena ini. Adakah ini satu rang undang-undang yang semestinya akan diluluskan oleh Dewan ini, tetapi ia tidak boleh diimplementasikan dengan sepenuhnya oleh sebab kecacatan-kecacatan yang tertentu. Selain daripada itu, dalam sudut bioteknologi *development*, adakah dengan rang undang-undang ia akan membawa satu kawal selia, satu sistem yang *safe* supaya semua yang berkaitan adalah untuk kebaikan kita. Dalam keadaan ini saya ingin dengan tegas, pada tahun 2004 di mana Perdana Menteri sendiri telah melancarkan polisi bioteknologi. Pada masa itu ada tujuh teras, saya difahamkan ada beberapa teras pada rang undang-undang ini.

Dalam hal ini, saya hendak tanya dengan spesifik apakah peranan rang undang-undang? Apakah yang akan dicapai dalam untuk dengan izin *will address the goal of the national biotechnology policy announced on April 28*. Teras yang pertama, macam mana rang undang-undang ini dapat merangkumi, mengambil kira dan betul-betul ia akan meliputi semua aspek yang dikatakan yang telah diimplementasikan oleh kerajaan pada 28 April 2005, teras di mana ada tujuh teras di sana, saya tidak ingin membaca tujuh-tujuh teras tersebut tetapi yang mustahak adalah nampaknya ada *overlapping* dengan rang undang-undang yang sedia ada di

sini. Juga dalam hal ini, adakah kementerian menggalakkan tanaman-tanaman yang sangat agresif menggunakan genetik *crops*.

Adakah kita boleh kawal selia semua keadaan tersebut? Apa yang dikhuatiri oleh saya dan penulis-penulis dalam arena genetik *modification* ini di antaranya adalah banyak bahan makanan yang dikeluarkan di negara ini sendiri sekarang sudah *genetically modify*. Kita tidak boleh balik ke satu situasi yang lama di mana walaupun kementerian, walaupun kerajaan, walaupun orang ramai tidak menjalankan tanggungjawab untuk memberitahu rakyat bahawa modifikasi ini sudah berjalan, tetapi ingin membawa kawal selia-kawal selia yang tertentu. Walau bagaimanapun yang mustahak, adakah betul yang dikatakan oleh penulis-penulis dalam arena ini yang mengatakan situasi ini sangat serius di mana bukan sahaja setakat baja, bukan sahaja setakat *pesticide* tetapi juga benda-benda yang dimakan harian sudah di *genetically modify* dengan sangat teruknya hingga ia akan menyebabkan kanser, menyebabkan mutan kepada manusia. Adakah ini benar?

Saya ada beberapa *research paper* yang menunjukkan ini adalah kemungkinan yang besar. Berkaitan dengan perkara ini, sebagai seorang *consumer*, kita ingin tahu apakah benda yang telah di *modified*, yang kita makan, yang kita guna pakai hari-hari? Adakah ia seperti yang diperlukan di beberapa negara-negara barat di mana ia perlu dilabel, diberitahu bahawa barang makanan ini adalah *genetically modify*, barang makanan ini bukan *genetically modify*. Jika *genetically modify*, setakat berapa peratusan ini? Adakah selepas rang undang-undang ini diimplementasikan, ia akan betul-betul menjadi kawal selia, menjaga semua barang-barang yang diimport, atau yang dieksport. Adakah kementerian cukup kakitangan, cukup orang yang betul-betul berkepakaran dalam hal ini? Jangan kita lupa apa yang terjadi di Bandar Kuching dua tahun dahulu di mana seorang *enforcement officer* dengan terkejutnya meninggal dunia, *suicide*.

Walaupun penyiasatan tidak menyeluruh, mahkamah selepas *inquest*, ada banyak rungutan-rungutan, pandangan yang mengatakan bahawa pegawai penyiasat, pegawai yang berkaitan itu ada terlibat dalam korupsi. Ini adalah di antara perkara-perkara yang perlu diambil kira. Adakah rang undang-undang yang sedia ada, yang ada di depan kita ini akan mengambil tindakan, akan ada harapan dari rakyat bahawa ia akan merangkumi, menolong mengatasi masalah yang sedia ada. Adakah kementerian akan mengisytiharkan semua barang-barang yang diimport, barang-barang yang dieksport adalah bersih, tidak ada *genetically modify*. Jika *genetically modify*, ia ada bahan-bahan yang betul dan baik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Akhir sekali saya hendak katakan mengenai di Amerika sekarang, selepas perang kedua banyak firma-firma, kilang-kilang sangat banyak menggunakan *genetically modify*, benda-benda itu. Tidak ada kawalan, dan ia telah resapi, dengan izin *has gone into the system* dan *there's no*

*way to do the reversal.* Apakah situasi di negara kita ini dalam keadaan yang sama? Saya rasa kita pun tidak boleh elak, kita ada satu negara yang hanya 50 tahun dan kawal selia yang sangat kurang. Jangan kita lupa kalau kita pergi ke Australia atau New Zealand dengan *flight*, semasa tiba di *airport*, *on the air they will purify* dengan *ventilator*, semburan.

Walaupun bagaimanapun, hingga hari ini di Malaysia ia tidak dibuat. Walaupun saya difahamkan pada tahun 2001, rang undang-undang ini telah dibincangkan hingga ada cadangan ia akan dibawa ke Kabinet. Dalam enam tahun ini, kenapa perkara-perkara itu tidak diimplementasikan? Jika seseorang pergi ke Australia atau New Zealand, negara barat yang terdekat, ada *enforcement* yang sangat serius, tidak boleh membawa bahan-bahan bukan saja setakat bahan makanan, bahan-bahan yang ada kena mengena dengan bio *diversity*, *genetically modify items* sangat-sangat susah. Di Amerika dari satu negeri ke satu negeri yang lain; dalam Amerika sendiri ada sekatan-sekatan yang tertentu. Adakah kastam kita, kerajaan ada sistem yang boleh mengawal perkara-perkara ini?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, di klausa 12 kita nampak ada tertulis bahawa berapakah denda yang akan dikenakan, di antaranya ialah berjuta-juta ringgit pun dikenakan tetapi adakah ini satu yang benar, yang setakat dapat diimplementasikan memandangkan yang lebih serius, yang lebih teruk adalah pencerobohan hutan-hutan di negara ini. Di mana nampaknya denda-denda itu sangat ringan berbanding dengan yang dikatakan yang akan kena jika kesalahan dibuat selepas undang-undang ini diluluskan. Macam mana kita boleh percaya, membawa *confident* kepada rakyat bahawa yang lebih mustahak adalah pencerobohan di hutan-hutan, tetapi nampaknya undang-undang itu sangat relaks di sana tetapi di sini yang berkaitan juga tetapi membawa denda-denda yang sangat tinggi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanjong.

**3.59 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pasir Mas tadi ada bangun mohon berucap ke?

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Dia sudah dapat ilham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baru dapat ilham ke?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya.

**4.00 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya akan memberi sedikit pandangan mengenai Rang Undang-undang Biokeselamatan yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya akan buat keputusan. Selepas Tanjong kemudian Pasir Mas dan Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** ... sedang dibahas dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Undang-undang Biokeselamatan ini saya berharap kerajaan dapat memastikan Undang-undang Biokeselamatan ini dapat memainkan peranan untuk mengimbangkan antara dua objektif iaitu menggalakkan penyelidikan sementara melindungi alam sekitar dan kesihatan rakyat jelata di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu pertikaian mengenai Rang Undang-undang Biokeselamatan ini ialah skopnya yang agak luas. Perbezaan rang undang-undang ini dengan *Protocol Cartagena* ialah kita cuba *regulate* segala aspek LMOs dan produk-produknya. Kita tahu bahawa tanpa bioteknologi, kita tidak dapat membangunkan biodiversiti di negara ini dan tambah nilainya. Akan tetapi perundangan yang begitu luas skopnya akan menimbulkan impak mungkin kepada pembangunan bioteknologi dan juga perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran sekarang bukan dalam *legal framework* yang kita sudah buat dengan agak baik melalui dasar-dasar bioteknologi dan juga rang undang-undang dan seterusnya lembaga yang berkenaan. Namun dalam pelaksanaannya, saya rasa ramai Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang aspek pelaksanaan dan kita perlu mencapai keseimbangan apabila menguatkuasakan undang-undang ini supaya dari satu segi kita dapat melindungi keselamatan kita.

Bagi pihak yang lain juga mewujudkan satu suasana yang cukup baik untuk memajukan bidang teknologi di negara ini supaya walaupun dengan undang-undang, peraturan dan penguatkuasaan, suasana masih sesuai untuk penyelidikan dalam bidang ini dan memajukan bidang ini. Kita sentiasa menghadapi masalah dengan kementerian ini dan kementerian lain juga. Kadang-kala menghadapi ketidakupayaan untuk menguatkuasakan undang-undang dan mungkin dengan kekurangan ini menyebabkan pelepasan LMOs yang tidak terkawal dalam alam sekitar itu. Namun di samping itu, kita rasa keseimbangan harus dicapai supaya tidak mengganggu satu suasana yang amat menggalakkan pembangunan bioteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk sistem pelaksanaan dan penyampaian, saya rasa perlu diperkuatkan sebab kapasiti yang secukupnya diperlukan untuk melaksanakan undang-undang yang begitu kompleks dan mencabar ini. Kita boleh menganggap bahawa pihak kerajaan, kementerian dan lembaga akan perlu menghadapi pelbagai cabaran apabila terlaksananya rang undang-undang ini.

Khususnya dalam *labeling*, saya rasa semua produk LMOs dan produk-produknya perlu dikenal pasti dan ditandakan bagi tujuan pengesanan. Ini bermakna setiap satu yang

mengandungi LMOs dan hasil pengeluarannya perlu ditandakan supaya sumber-sumbernya dapat dikesani. Proses ini saya rasa Tuan Yang di-Pertua, akan melibatkan pengujian, pengenalan dan penandaan dalam setiap tahap rangkaian pengeluaran. Keperluan ini perlu dan hanya boleh dipenuhi dengan kos yang amat tinggi.

Jadi saya khawatir sama ada sektor SMI yang terlibat dalam sektor atau subsektor bioteknologi ini dapat memenuhi penambahan kos ini untuk memenuhi syarat-syarat untuk *labeling*. Saya rasa pihak kerajaan perlu memberi bantuan dan insentif supaya SMI dapat memainkan peranan dalam pembangunan bioteknologi di negara ini.

Selain daripada *legal framework* dan penguatkuasaan, saya rasa kerajaan yang akan memainkan peranan yang penting atau *lead role*. Saya rasa penglibatan dari pihak industri, akademia dan NGO perlulah digerakkan bersama supaya seluruh negara dapat menggerakkan satu *paradigm shift* ke arah pembangunan bioteknologi.

Saya minta kerajaan menyatakan bagaimana ia bercadang untuk menambah baik kekayaan kita dalam biodiversiti dan bagaimana kita hendak mengkomersialkan penemuan-penemuan kita. Maksud saya, Yang Berhormat Menteri ada menghuraikan bahawa setakat ini masih tidak banyak penemuan-penemuan yang dapat kita komersialkan. Jadi kita perlulah menggiatkan dari segi ini. Saya juga ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri sejauh mana sektor pembuatan kita terlibat dalam bidang ini? Apakah ini memuaskan ataupun perlu dipertingkatkan lagi? Saya juga ingin tahu berapa buah *centres of excellence* bioteknologi ini sudah diwujudkan?

Akhirnya saya rasa dengan LMOs dan sebagainya dapat dikawal melalui undang-undang ini, apakah pendirian kerajaan sama ada kita akan menggalakkan dalam sektor *agriculture*, sama ada kita akan menggalakkan penanaman tanaman-tanaman yang mempunyai LMOs ataupun *GM Crops*.

Seperti yang dikatakan oleh Ipoh Barat, apakah pengguna-pengguna di negara ini yang masih tidak berapa faham tentang selok-belok LMOs dan *GM Foods* ini dapat disedarkan lagi untuk menerimanya sebagai satu pilihan kepada kita dan juga satu pilihan yang baik kepada kesihatan dan alam sekitar kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**4.08 ptg.**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan bagi sama-sama melihat, mengkaji serta memberi pandangan kepada rang undang-undang yang sedang kita bincangkan ini iaitu Rang Undang-undang Biokeselamatan.

Saya suka mengambil kesempatan pada petang ini dan merupakan orang terakhir bercakap kerana rang ini terdedah dan terlibat secara langsung dengan agama khususnya dengan agama Islam dan penganut-penganut Islam di negara ini.

Sepanjang yang saya dengar daripada kelmarin hingga ke hari ini, saya tidak mendengar suatu ucapan khusus yang diberi oleh ahli-ahli agama dalam Dewan ini khususnya dari kalangan YB-YB ustaz dari Barisan Nasional, melainkan hanya sekadar mencelah tetapi tidak memberi suatu pandangan yang berlatarkan kepada syariah dan pandangan syariah.

Saya bersetuju dengan sahabat YB daripada Tanjong yang sekejap tadi yang mengatakan bahawa rang undang-undang ini mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu.

Saya bersetuju dengan mengatakan bahawa perkembangan atau kepentingan pertama iaitu perkembangan '*dirasah*' ataupun '*Al-badh*' iaitu kajian kepada bio ini kerana ia merupakan suatu barangkali kalau tidak terbaharu tetapi dikira suatu yang baru di negara kita.

■1610

Kajian kepada bio ini kerana ia merupakan suatu barang kali kalau tidak terbaru, tetapi dikira sebagai suatu yang baru di negara kita. Sebagaimana yang saya dengar dari sahabat-sahabat kita yang telah berucap sebelum daripada ini.

Yang kedua, kita mempunyai kepentingan [*bercakap dalam bahasa Arab*]. Apa pandangan syariah secara totalnya. Pandangan syariah kepada perkembangan yang telah kita bincangkan sejak tadi. Sebagaimana yang saya katakan bahawa tidak ada pandangan sahabat-sahabat secara khusus tentang perkara ini dari segi syariah berdasarkan kepada Al-Quran, hadis Qias, ijmak ulamak dan amalan-amalan yang telah dilakukan sebelum daripada ini.

Kerana itulah saya memberanikan walaupun saya tidak mempunyai pelajaran, pengetahuan tinggi, banyak tentang sains, tetapi saya cuba melihat keadaan ini kerana kita tahu bahawa kehidupan sekarang ini, kehidupan, realiti umat Islam di negara kita ini dikelilingi oleh syubhat. Dikelilingi oleh banyak perkara syubhat yang disebut Rasulullah S.A.W [*bercakap dalam bahasa Arab*]. Ini sebagai asas sebenarnya. Sekarang ini kita sedang mencari asas daripada perbincangan-perbincangan yang telah dikemukakan oleh ...

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat daripada Pasir Mas tadi menterjemahkan apa yang dia kata.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terjemahannya begini. "Sesungguhnya halal itu nyata dan yang haram itu nyata. Di antara dua yang nyata ini ada perkara-perkara yang samar-samar, yang tidak diketahui oleh sebahagian besar daripada orang ramai. Tetapi siapa yang menjauhi diri dia daripada barang yang samar-samar ini, dia telah menyelamatkan diri dia daripada perkara-perkara yang haram. Tetapi siapa yang mendekati diri dia dengan perkara-perkara yang syubhat, dia menjatuhkan diri dia ke tempat yang haram. Sebagaimana gembala kambing bawa kambingnya bawa di tempat-tempat larangan. Lama-lama kambingnya itu akan terjatuh di tempat larangan. Ingatlah bahawa setiap pemerintah itu ada kawasan larangannya.

Maka bagi Allah juga ada kawasan larangannya juga. Kawasan larangannya itu, iaitu suatu yang diharamkan oleh Allah. Ingatlah bahawa di dalam dada manusia ini ada seketul hati, ada seketul darah. Sekiranya baik darah itu, maka baiklah perjalanan segala tubuh badannya.

Sekiranya buruk darah itu, maka buruklah perjalanan tubuh badannya. Dia adalah kata Rasulullah S.A.W. dia adalah hati. Ertinya berpunca daripada situ.” Yang saya hendak kaitkan di sini Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua iaitu kita dilingkungi oleh banyak perkara yang samar, yang tidak diputus, yang belum diputus. Baik oleh fatwa ulamak ataupun muzakarah ulamak atau banyak perkara.

Akhir-akhir ini kita disedarkan dengan '*istingsakh*' dalam bahasa Arabnya iaitu pengklonan, perpindahan gen kepada gen lain. Ulamak-ulamak silam Tuan Yang di-Pertua, di abad 15, 16 telah pun mengemukakan dalam kitab-kitab fikah bagaimana sekiranya berlaku 'pengklamian' di antara kambing dengan anjing dan bila kambing ini melahirkan anak, dia langsung tidak melahirkan anak yang dapat dilihat tanda-tanda wajah dan fizikal lain daripada baka bapanya. Ertinya anjing. Walaupun dia sudah pergi kepada sepuluh, dua puluh generasi maka hukumnya juga terus tetap haram. Walaupun kambing tadi tidak membawa cara hidup anjing. Rupa dia tidak ada rupa anjing. Cara hidup tidak rupa cara hidup anjing. Kambinglah dia kerana sudah sepuluh generasi sudah.

Tetapi ulamak masih lagi mengatakan bahawa dia haram. Dalam keadaan sekarang ini bukan sepuluh generasi, barangkali satu generasi. Kita tidak tahu bila berlaku. Kerana itulah saya menyokong. Saya berdiri hari ini, pihak parti saya, parti PAS saya menyokong di atas apa yang disarankan oleh kerajaan. Saya mengucapkan syabas kerana berani mengambil risiko besar walaupun barangkali kita dimarahi oleh negara-negara Barat yang mempunyai kepentingan perniagaan. Hendak melariskan apa yang mereka lakukan kepada negara kita ini. Tetapi kita mengambil suatu inisiatif awal supaya perkara-perkara ini tidak masuk ataupun tidak terlaksana.

Banyak perkara saya melihat bahawa ia melibatkan manusia sendiri. Sebagaimana yang disebut oleh Pengkalan Chepa pagi tadi, ia melibatkan perpindahan gen daripada manusia kepada manusia kerana manusia hendak kepada yang cerdik sekarang ini. Saya bimbang kerana kalau kita bawa, kita terlalu *highlight* manusia barat ini cerdik, manusia barat ini hebat. Itu hebat, ini hebat. Lama-lama bila kehebatan itu yang kita munculkan, kita ketengahkan kepada masyarakat. Akhir sekali datang generasi kita yang merasakan apa salahnya kita bawa gen ini masuk ke dalam gen manusia Melayu. Barang kali terfikir di suatu ketika di waktu akidah sudah tidak ada. Ini Sri Gading, tidak ada Sri Gading di sini. Tidak ada Sri Gading. Ustaz kita pun sudah balik dah.

Bila berlaku kehakisan akidah, syariah, Quran tidak dibaca lagi, nilai-nilai murni sudah tidak ada lagi. Orang akan berfikir bahawa barat itu bagus. Manusia barat ini cerdik, pandai, bijak dan sebagainya. Akhir sekali mereka memikirkan bagaimana hendak bawa gen ini masuk ke dalam gen Melayu yang mempengaruhi kehidupan Melayu supaya manusia Melayu juga akan menjadi cerdik akan datang. Barangkali terfikir begitu. Kerana itulah di dalam pembangunan negara kita mesti seimbangkan. Jangan hanya menekankan kepada pembangunan fizikal semata-mata tetapi tidak ada ...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Saya celah hendak tanya sikit penjelasan. Kenapa dibangkitkan gen Melayu kepada gen Melayu? Kenapa yang dimaksudkan Yang Berhormat ialah kepada orang Islam ke kepada Melayu saja? Sebab Melayu ada Kristian, Hindunisia, bukan seperti semua Islam. Yang mana satu Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya cakap Melayu Islamlah. Saya tidak dengar lagi Melayu... Hari ini baru secara rasmi yang dikatakan oleh menteri bahawa Melayu ada Kristian.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Di Indonesia orang Melayu ada yang Kristian.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Oh, di Indonesia. Di Malaysia ini tidak ada lagi Melayu yang Kristian?

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Itu saya tidak kata begitu. Saya kata di Indonesia ada Melayu Kristian.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Okey. Kita bimbang juga Yang Berhormat Menteri. Takut Melayu Kristian, Indonesia ini akan diserap masuk secara perlahan-perlahan. Kawalan-kawalan gen ini mesti di...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tidak banyak sudah. Melibatkan ternakan binatang-binatang. Saya pernah melihat sendiri bagaimana biri-biri wajahnya anjing. Tetapi saya tidak melihat di sini, saya melihat di suatu ladang di luar negara. Mukanya muka biri-biri tetapi orang Kelantan kata ada mih. Mih itu bahasa Arab itu bahasa Arab Datuk Menteri. Mih itu ...

**Dato' Seri Azmi Bin Khalid:** Minta maaf Yang Berhormat saya bertanya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat Pasir Mas ini faham antara *genetically* GMO ini yang diubah genetiknya. Gennya diubah. Bukan secara hibrid, secara cantuman mani dengan antara satu haiwan dengan haiwan yang lain. Itu bukan. Tetapi ini kita dibincangkan dalam undang-undang ini gen yang *dimodified*kan. Bukan secara cantuman satu haiwan dengan haiwan lain. Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Dia boleh berlaku itu Yang Berhormat Menteri. Dia boleh berlaku sama ada percampuran mani dengan mani ataupun percampuran jujuk daripada mereka, kemudian masuk ke dalam jujuk kepada mereka.

■1620

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat, saya hendak memperjelaskan sedikit bahawa yang dibincangkan bukan mani dengan mani, yang dibincangkan ialah *genetically modified* ataupun gen yang telah diubahsuai bentuk dan corak. Jadi tidak ada kaitan dengan mani dengan mani.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun tidak berkata begitu, cuma saya panjangkan, saya lanjutkan supaya kerana benda-benda ini

berlaku sebagaimana saya katakan ulama silam juga telah membicarakan masalah ini dan kerana itulah saya kata tadi bahawa syubahat. Kalau itu haram secara jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, saya gulung. Tuan Yang di-Pertua, saya sudahkan dengan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik ini. Saya baca sekejap tadi di mana saya melihat 6 (1), (2), (3), (4), (5), (6) dan (7) ini, saya melihat ianya terlalu longgar. Dalam keadaan kita terdedah dengan syubahat. Kalau yang haram itu jelas, yang halal itu jelas, sudah jelas dah pada pandangan orang Islam, tetapi sekarang ini perkara ini tidak jelas lagi. Jadi bila perkara tidak jelas, bahagian penguat kuasanya atau bahagian kawalannya, saya tengok terlalu longgar di mana tidak diperbutirkan dengan secara nyata iaitu kawalan syariah.

Saya minta Yang Berhormat Menteri dengan rendah diri pada hari ini supaya memasukkan perkataan itu kerana kita tidak tahu siapa yang menjadi menteri. Kita tidak tahu kerana menteri ini terbuka kepada sesiapa. Nasib baiklah kalau menteri itu ada, ini saya tidak menuduh Tuan Yang di-Pertua, nasib baiklah kalau menteri itu ada motivasi agama dan sebagainya itu baguslah, tetapi kalau menteri itu tidak ada motivasi-motivasi sedemikian barangkali dia... Bila kita baca semua daripada (1) sampai (8), (9), (10), (11) dan seterusnya, saya nampak ia longgar sangat.

Apakah salahnya kalau kita butirkan di situ supaya tidak ada golongan-golongan yang boleh mempermainkan. Misalnya kita masukkan kawalan syariah sebagaimana bank misalnya. Bank kita masukkan kawalan syariah, kita butirkan penggunaan air, itu, ini semuanya telah kita bincangkan, kita butirkan dengan kawalan syariah ini. Apakah kita tidak mahu kawalan syariah ini? Mengambil kira penganut-penganut agama Islam yang sedang berhadapan dengan perkara-perkara syubahat sekarang ini. Lainlah kalau kita rasakan bahawa dosa-dosa mereka kita akan terima dan kita akan tanggung. Saya rasa tidak mungkin sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua pun saya rasa tidak akan tanggung dosa orang. Tuan Yang di-Pertua akan tanggungkah dosa orang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah libatkan sayalah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tidak payah. Saya alihkan kepada Yang Berhormat Menteri pulalah. Takkanlah Yang Berhormat Menteri sanggup. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Tidak boleh kita hendak tanggung dosa yang dilakukan oleh orang lain baik saya, baik Yang Berhormat Menteri. Untuk itu supaya ianya tidak berlaku, tidak ada ruang masuk ini, kita kena tutup rapat-rapat supaya tidak berlaku benda ini. Nanti berlaku, baru kita bincang. Orang yang akan datang dalam Parlimen tidak tahu siapa yang kemudian daripadanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat masa cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya minta supaya ditambah dan dalam Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dimasukkan iaitu kawalan syariah supaya perpindahan genetik ini dapat dikawal dengan syariah dan oleh orang-orang yang mempunyai pengetahuan cukup sebagaimana yang disebut oleh sahabat-sahabat kita sebelum daripada ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berhujah dalam perbincangan dan pembentangan Akta Biokeselamatan ini. Sebagai permulaannya oleh kerana banyak perkara-perkara yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara umum dan banyak juga menyentuh perkara-perkara yang sama, eloklah saya ceritakan sedikit, memulakan sedikit bagi perkara-perkara yang umum.

Pertamanya, undang-undang ini adalah satu undang-undang yang membolehkan atau *enabling law*. Maksudnya kalau tidak ada undang-undang, maka apa lain kita tidak boleh buat kerana industri sains bioteknologi ini adalah satu sains yang terkini, yang akan terus berkembang dan negara kita juga telah meletakkan bioteknologi sebagai satu industri, sebagai satu lagi sumber pendapatan negara bagi masa depan. Juga memandangkan dunia pada hari ini pun kian banyak manusia dan sumber-sumber makanan pun berkurangan, maka bioteknologi merupakan satu lagi sumber untuk menjanakan bahan-bahan makanan bagi masyarakat dunia untuk jangka masa akan datang. Jadi soalnya sama ada kita hendak adakan undang-undang ataupun tidak.

Antara keduanya, lebih baik ada daripada tak ada. *To do or not to do, to be or not to be* kata Shakespeare. Daripada yang tidak dan tak ada, biar baik kita ada. Kerana dengan adanya undang-undang ini, barulah kita boleh buat sekatan-sekatan. Barulah kita boleh buat segala inventori untuk menentukan apa yang boleh, apa yang tidak boleh. Hingga sekarang kita masih belum ada inventori gambaran yang masuk sajian GMO, kalau kita buat pun secara yang tidak ada undang-undang. Kalau kita buat secara yang tidak ada undang-undang, kita tidak ada undang-undang yang membantu kita untuk mengambil tindakan-tindakan tertentu.

Jadi pada umumnya, undang-undang ini juga tidak jumud. Jika diperlukan oleh kerana industri ini adalah industri yang baru, sains ini adalah sains yang baru kepada negara kita dan kepada dunia sekali pun. Walaupun 141 negara telah mengiktiraf, menandatangani *Cartagena Protocol*, kita dapati hanya lebih kurang 10 negara sahaja yang telah pun memulakan langkah-langkah dan telah pun mewujudkan Undang-undang *Biosafety*. Jadi kita merupakan antara 10 negara yang mengadakan undang-undang jika ianya diluluskan pada hari ini.

Antara perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan bank sperma, bank *stem cell*, *embryo manipulation*, darah tiruan dan sebagainya. Ini bukan di bawah skop bidang *bill* ini. Bioteknologi merupakan satu bidang sains yang luas.

Secara umumnya, GMO ada satu daripada sebahagian bioteknologi. Jadi kita hanya menggunakan undang-undang untuk menjaga keselamatan rakyat kita dan menjaga kepentingan negara kita. Di samping itu, kita hendak menggalakkan industri dan sains *research* (penyelidikan) dalam bidang ini. Jadi daripada tidak ada undang-undang, lebih baiklah kita adakan undang-undang.

Banyak Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang bidang-bidang agama. Yang Berhormat daripada Pasir Mas juga menyentuh bidang agama, saya ucap terima kasih dan daripada semua negara OIC, Malaysia sahaja yang mewujudkan undang-undang ini. Ini menunjukkan daripada semua negara Islam dunia, kita sahaja yang paling ke depan dalam bidang sains ini dan banyak lagi bidang-bidang sains lain. Jadi saya percaya negara-negara OIC lain akan mencontohi kita dalam apa sahaja yang kita akan buat dijangka akan datang.

Dalam bidang agama, memang kita mementingkan soal halal dan haram. Yang Berhormat Pasir Mas tadi menyentuh banyak perkara, saya faham. Banyak juga disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain, mereka juga menyentuh halal dan haram, cuma Ahli Yang Berhormat Pasir Mas membaca ayat-ayat dalam bahasa Arab. Semuanya mempunyai matlamat yang sama, yang penting ialah niat. Kalau niat kita baik, semuanya akan menjurus kepada kebaikan. Kalau kita buat kesilapan pun, dalam kesilapan ada juga kemaafan dan keampunan, tetapi jika kita ragu, dalam fasal 35, saya baca di sini, "Lembaga atau Menteri tidak boleh dihalang daripada membuat keputusan, jika terdapat kekurangan kepastian saintifik disebabkan oleh maklumat dan pengetahuan saintifik yang berkaitan". Maknanya kalau tidak ada bukti-bukti saintifik yang mengesahkan, kalau ada keraguan, maka Lembaga tidak akan luluskan.

Maka ini satu daripada cara untuk kita menjaga kepentingan khususnya bagi menjaga masyarakat-masyarakat yang amat sensitif dalam perkara ini khasnya masyarakat Islam.

■1630

Bidang birokrasi dan penguatkuasaan, ini juga disentuh oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat. Mereka ragu bahawa undang-undang ini amat luas dan memang dalam banyak perkara inilah yang menjadi satu perkara bukan sahaja dalam kementerian ini bukan sahaja dalam undang-undang ini banyak juga dalam undang-undang lain yang kita sentiasa memberi perhatian kepada urusan-urusan penguatkuasaan dan juga birokrasi, tetapi inilah juga yang menjadi satu cabaran dalam menentukan dan membuat undang-undang ini kita memerlukan meletakkan satu badan iaitu satu lembaga khusus untuk membuat mengendalikan undang-undang ini dan di bawahnya kita letakkan satu badan penasihat yang terdiri daripada pakar-pakar saintis, pakar-pakar sains yang ada di dalam negara dan di luar negara.

Kita tidak mengehadkan bilangannya sebenarnya, kalau perlu ditambah kita akan tambah kerana undang-undang ini bukanlah satu undang-undang yang jumud bahkan kalau perlu kita memperbaiki di mana sahaja kita akan perbaiki, kita akan ambil tindakan. Undang-undang berkaitan dengan *labeling*, ini adalah penting oleh kerana Yang Berhormat persoalkan tentang

perjanjian FTA yang sedang kita bincang dengan pihak Amerika Syarikat. Memang pihak Amerika Syarikat tidak mahu kita mengenakan *labeling* ini tetapi Kabinet telah membincangkan dengan mendalam.

Memandangkan negara kita amat sensitif dari segi bahan-bahan asal yang digunakan yang dimaksudkan oleh banyak Ahli Yang Berhormat tadi berkaitan dengan perkataan *traceability*. Kita hendak tahu di mana asal usul dia. Maka ini semua akan dikaji oleh pihak-pihak pakar yang kita lantik di bawah badan penasihat tadi supaya *traceability* ini akan dapat terus di *trace* di peringkat awal di negara asalnya. Jadi negara kita merupakan sebuah negara yang telah menetapkan mandatori *labeling* dengan izin dan walaupun Amerika Syarikat tidak bersetuju tetapi kita juga melihat bahawa Amerika Syarikat juga menandatangani FTA dengan Australia.

Australia menentukan *compulsory labeling* dengan izin. Jadi, Amerika Syarikat (USA) telah menandatangani dengan Australia. Maka kita lihat tidak ada sebab kenapa USA tidak boleh menerima undang-undang ini yang dipakai di negara kita. Juga didapati negara-negara Eropah, EU juga telah meletakkan *compulsory labeling*. Maka kita dapati untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara pada jangka panjang dan juga untuk menjaga semua kepentingan kita telah meletakkan ini sebagai satu daripada syarat-syaratnya. Juga ramai Yang Berhormat telah membangkit soal-soal GMO yang memudaratkan manusia.

Ini juga adalah satu daripada sebabnya kita mewujudkan satu undang-undang. Tanpa ada undang-undang ini kita tidak tahu apakah bahan-bahan GMO yang kita import walaupun kita membuat apa yang dikatakan sekatan-sekatan kalau kita tahu tetapi tanpa undang-undang sekatan-sekatan itu tidak dapat diambil tindakan secara lebih tegas. Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh banyak isu, Ahli Yang Berhormat bagi Gombak telah pun membangkit mengenai birokrasi saya telah menjawab tadi dan *capacity building*. *Capacity building* maknanya kita memerlukan pakar-pakar kepakaran dalam semua bidang dan untuk makluman Yang Berhormat sebuah institusi kita iaitu Jabatan Kimia Negara telah mewujudkan satu badan khas di bawah Kementerian Kesihatan.

Saya difahamkan satu badan kajian khas yang telah diwujudkan yang telah pun mendapat pengiktirafan daripada negara-negara EU sebagai *the reference point* bagi kita membuat analisa segala bahan-bahan yang berasaskan dari bioteknologi. Jadi kepakaran ini akan diperluaskan juga beberapa universiti khususnya Universiti Malaya telah mewujudkan satu kursus program iaitu diploma dalam bidang *bio safety* dan juga banyak universiti lain yang ada kursus-kursus dalam bidang bioteknologi mereka juga memasukkan tajuk *bio safety* sebagai satu daripada mata pelajaran dalam bidang yang sama. Jadi semuanya ini ialah untuk tujuan mempertingkatkan pembangunan kapasiti dalam negara.

Saya berani mengatakan bahawa perkembangan dalam ilmu sains dalam bidang ini akan membolehkan ramai pakar tempatan muncul dari semua bidang sekecil-kecilnya dan sebesar-besarnya dan banyak universiti akan melahirkan kepakaran ini dan ini juga akan menjadi satu

sumber kekayaan negara di mana *expertise* ataupun kepakaran ini akan menjadi kepakaran yang amat berguna bukan sahaja dalam negara bahkan di dunia sekalipun. Yang Berhormat bagi Tebrau juga mempersoalkan tentang jangka masa yang perlu ditetapkan dan membangkitkan isu rasuah, kalau lambat rasuah akan muncul. Jika sesuatu lambat untuk dibuat keputusan.

Semuanya ini akan dimasukkan dalam bidang *regulation*. Bidang *regulation* ini dengan izin akan selepas kita putuskan undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, kita akan wujudkan dalam bahasa Inggerisnya *regulation*, dalam Bahasa Melayunya apa? Peraturan, minta maaf. Peraturan-peraturan tertentu untuk membantu kita melaksanakan sesuatu. Jadi peraturan-peraturan ini akan diperincikan. Jika ada kelewatan atau kelambatan kita akan tetapkan dan juga ada cadangan daripada Yang Berhormat tadi supaya kita adakan dalam piagam pelanggan.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka, minta maaf. Kota Melaka mencadangkan kita masukkan dalam piagam pelanggan supaya peraturan-peraturan ini dapat diperbaiki dari satu masa ke satu masa. Yang Berhormat bagi Ledang, banyak menyentuh perkara-perkara antara lain ialah *intellectual property* yang memang dalam Seksyen 59 dan kita akan memperkuatkan itu oleh sebab ada cadangan daripada pihak industri yang mencadangkan supaya penjelasan ataupun *information* yang akan dalam soal siasat nanti jika ada penjelasan mengenai rahsia-rahsia dan sebagainya dan rahsia-rahsia ini perlu dijaga dengan rapi.

Jadi ini juga diperkukuhkan dalam Seksyen 59 nanti. Begitu juga dalam bidang-bidang ini dalam semua pengkhususan yang akan ditentukan akan diambil hanya pakar-pakar sahaja. Jadi oleh sebab itu negara perlu membangunkan apa dikatakan modal insan yang berkepakaran. Ini juga selaras dengan Islam Hadhari Yang Berhormat oleh sebab Islam Hadhari memang menjuruskan ke arah...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Kepong.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Kejap lagi saya habiskan. Islam Hadhari antara lain ialah menjuruskan ke arah untuk memajukan negara, memacu kemajuan yang berteraskan ilmu. Jadi inilah yang kita katakan kita mahu mewujudkan kepakaran dalam semua bidang. Dulu kita memikirkan hanya dalam bidang *engineering* dalam bidang sains dan sebagainya tetapi hari ini kepakaran dalam bidang bioteknologi ini bukan sahaja dalam satu bahan dalam banyak bahan-bahan yang sekecil-kecilnya akan wujud akan muncul pakar-pakar dalam negara kita. Sila Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat mengatakan hendak memupuk, membina modal insan dan kursus di Universiti Malaya, universiti-universiti yang lain untuk kepakaran Biokeselamatan. Bagi pihak kementerian, apakah anggaran bilangan yang diperlukan untuk masa akan datang dan juga bilangan yang diperlukan untuk menguatkuasakan rang undang-undang apabila dijadikan akta kelak.

## ■1640

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ini *time to jump the gun*. Kita baru hendak wujudkan undang-undang dan jumlah kepakaran pun tidak dapat kita bagi secara khusus. Kita boleh menjangkau bahawa dalam bidang ini banyak segmen tertentu, banyak perkara yang baru yang akan wujud dan akan timbul di dunia dan banyak juga penemuan baru yang akan muncul. Jadi jumlahnya tidak dapat dijangkau hari ini, cuma kalau ada pun mungkin lepas lembaga ini wujud kita akan menentukan bidang-bidang tertentu yang mungkin kita sudah tahu. Saya ingat itu menjawab soalan daripada Kepong.

Begitu juga mengenai inventori tanpa ada undang-undang. Walaupun kita ada inventori tetapi dengan ada undang-undang kita akan memperkemas lagi oleh kerana dunia hari ini sudah mengecil apa-apa sahaja penemuan baru di dunia dimasukkan dalam jurnal-jurnal tertentu, dimasukkan dalam paten-paten tertentu dan semua ini ada tetapi dengan adanya sebuah badan khusus kita akan dapat mewujudkan satu gedung inventori yang lebih lengkap bagi kita mendaftarkan segala apa yang wujud yang ada dan yang akan ditimbulkan oleh kita sendiri ataupun negara-negara asing.

Yang Berhormat bagi Ledang juga menyentuh mengenai supaya penalti ataupun denda-denda dikurangkan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam cadangan pindaan nanti dan dalam ucapan saya semalam saya juga telah mencadangkan supaya penalti ataupun denda-denda ini diperturunkan bagi menunjukkan bahawa kita memang menggalakkan industri ini bukan kita cuba menjahanamkan, merosakkan ataupun menegatifkan industri ini.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga menyentuh mengenai FTA USA, itu saya telah jelaskan tadi. Yang Berhormat juga menyentuh mengenai *enforcement* ataupun penguatkuasaan dan mekanisme dan juga peraturan-peraturan saya juga telah menjawab tadi. Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya kita menggunakan pendekatan badan-badan persatuan pengguna Malaysia dan sebagainya sebagai membantu. Memang kerajaan bekerjasama dengan NGO. Kerajaan memberi perhatian dan menggalakkan maklumat-maklumat daripada semua sektor bagi semua isu oleh kerana soal bioteknologi ini menyentuh semua pihak dan semua segmen masyarakat. Jadi kerajaan memang mengalu-alukan suntikan dan pandangan daripada semua pihak.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga menyentuh mengenai hukum-hakam dalam Islam dan sebagainya. Juga Yang Berhormat menyentuh mengenai kononnya padi dimusnahkan di Thailand oleh kerana suntikan GMO *seed* ataupun bijian GMO. Sebenarnya bukan padi Yang Berhormat tetapi betik yang telah menjadi masalah di Thailand dengan adanya suntikan-suntikan GMO yang datang daripada luar.

Yang Berhormat bagi Kepong mempersoalkan bilakah kita menandatangani Cartagena *Protocol*. Kita telah menandatangani dalam tahun 2003. Yang Berhormat bagi Kepong juga

mempersoalkan *stem cell*. *Stem cell* dan juga bidang-bidang seperti darah tiruan, bank sperma semuanya ini adalah dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Oleh kerana....

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Bolehkah saya minta penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Ya.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Di antara 10 negara yang menandatangani protokol itu termasuk Thailandkah?

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Saya tak dapat beri jawapan itu Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya mengetahui bahawa USA tidak menandatangani *Cartegena Protocol*. Begitu juga USA tidak menandatangani Kyoto Protokol yang berkaitan dengan *carbon emission* dan sebagainya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Syabas diucapkan kepada kementerian kerana telah melihat perkara bagi kepentingan negara kita. Cuma dari segi pelaksanaan saya tak nampak masalah di peringkat atasan kerana ia akan melibatkan beberapa kementerian dalam pelaksanaan rang undang-undang ini umpamanya katakan dari segi paten mungkin melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, teknologi ini mungkin melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selain daripada kementerian Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dari segi tumbuh-tumbuhan. Peringkat atasan saya tak nampak dari segi masalah pelaksanaan kerana ada penyelarasan yang mungkin tidak menimbulkan masalah. Bagaimana bila ia turun ke bawah di peringkat akar umbi. Betul kata Yang Berhormat tadi ini peringkat rang undang-undang yang baru hendak diluluskan. Kalau ini masih berterusan ia masih tidak akan kesampaian kepada hasrat untuk kita merealisasikan biokeselamatan yang hendak menjadikan kita sebuah negara yang maju dalam sektor ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Inilah yang saya katakan cabaran tadi Yang Berhormat oleh kerana bila diperturunkan ke bawah adalah menjadi tanggungjawab lembaga untuk mewujudkan peraturan-peraturan tertentu. Jadi kalau Yang Berhormat tanya pada hari ini saya sendiri tidak dapat menjawab. Terpulang kepada lembaga ini menentukan. Kita akan mula daripada sektor-sektor yang kita sudah tahu dan kita sudah ada kepakaran tetapi saya percaya dalam dunia yang kian maju dan dalam bioteknologi ini ilmunya sedang berkembang dan penemuan-penemuan baru sedang berkembang termasuk juga *cloning* dan sebagainya maka banyak isu moral dan sebagainya yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong juga akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Kepong juga bertanya mengenai pengubahsuaian sel dalam *stem cell* dan sebagainya itu juga di bawah bidang Kementerian Kesihatan. Pada saya kalau ada perubahan-perubahan sel untuk membantu seseorang pesakit itu selamat dari penyakit saya percaya itu lebih penting. Dalam Islam pun menyelamatkan nyawa itu lebih penting. Kalau ada sel yang diubah dalam jantung, kalau saya tidak tahu dan kalau itu akan menyelamatkan manusia semua agama akan menerimanya. Jadi saya tak berani meneruskan lagi kerana Yang Berhormat bertanya mengenai kulit tikus digunakan *stem cell* dan sebagainya kerana itu adalah sains-sains yang perlu dilihat oleh badan penasihat kita dan juga akan dilihat oleh lembaga yang ditubuhkan. Tetapi semua perkara yang di bawah bidang Kementerian Kesihatan wajar dilihat dalam segmen-segmen kesihatan.

Yang Berhormat menyentuh tentang kurang pakar untuk tafsiran. Saya percaya kalau tidak ada kepakaran dalam negara, kita akan cari kepakaran daripada luar negara. Jadi kalau tidak ada langsung kepakaran kita gunakan peruntukan dalam seksyen 35 kalau ada keraguan kita tak lulus itu sahaja. Jadi undang-undang kita memberi khusus. Kalau tidak ada satu bukti-bukti yang boleh diketengahkan secara saintifik kita tidak akan meluluskan. Ini maksud seksyen 35.

Kata Yang Berhormat mengenai berapa banyak yang telah diimport GMO juga dan sebagainya juga kita tidak ada satu angka yang tepat. Memandangkan kita tidak ada undang-undang maka apa sahaja yang kita pantau tidak dapat kita sebut dengan tepat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Ada lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Saya belum bagi laluan lagi. Tak minta laluan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Minta laluanlah, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri pun tak begitu fasih dalam peraturan. Kita bangun dahulu, Tuan Yang di-Pertua yang buat ketetapan siapa yang...

■1650

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tapi Yang Berhormat Menteri pun betul. Sebelum saya benarkan takkan Yang Berhormat boleh keluarkan soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tak boleh saya tak keluar. Saya diam sahaja tadi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ingin, ingin.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ingin, keinginan bukan satu kesalahan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini Yang Berhormat, saya belum benarkan Yang Berhormat memberikan penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sekarang boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang bolehlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata kita tidak ada undang-undang untuk memantau GMO atau GMF atau *Genetically Modified Food*. Bolehkah yang pertama, menjelaskan dengan lebih lanjut lagi macam mana kita tidak ada undang-undang untuk mengendalikan masalah yang semakin hari semakin besar? GMF akan menjadi lebih besar sebagai satu isu untuk negara ini, bahkan juga untuk dunia. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah undang-undang yang ada sekarang ini. Kalau tidak, mengapa tidak?

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Senang saya jawab Yang Berhormat. Oleh kerana tidak ada akta, maka tidak ada undang-undang. Apa sahaja tindakan kita ambil hanya atas budi bicara dan apa yang dianggapkan itu boleh diambil di bawah Kementerian Kesihatan, kita ambil. Kalau ada di bawah undang-undang dalam bidang pertanian, kita ambil; tapi dalam bidang ini yang khusus dari GMO, kita tidak ada. Jadi kalau tidak ada, segala apa penemuan pun kita tidak boleh ambil tindakan. Okey?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya berharap Yang Berhormat ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat! Belum dibenarkan. Sekarang bolehlah, sekarang boleh.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tunggulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, boleh.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tunggulah, sekarang boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya berharap Yang Berhormat Menteri dan bersama-sama Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh mengemukakan hal ini di dalam Kabinet besok juga. Besok Kabinet ada mesyuarat, kita kemukakan. Saya tidak percayalah dengan kita itu Malaysia Boleh, kita ada 13 tahun lagi nak jadi negara yang maju tapi bagi *Genetically Modified Food* ataupun *organism*, kita tidak ada undang-undang. Ini memang satu perkara yang tak boleh terima langsunglah. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil tindakan untuk memperbetulkan keadaan yang tidak betul ini.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat menyokong undang-undang ini. Itulah yang kita minta sokongan. Ini sebab kita nak memperketat apa yang tidak ada. Kalau ada pun sekarang, kita ambil tindakan berasaskan apa yang dianggapkan oleh kementerian itu dan ini. Jadi Yang Berhormat pun kadang-kadang saya pun tak faham juga. Yang Berhormat sebut 40 orang kakitangan yang tak cukup ini, di mana angka 40 orang? Saya nak tanya juga.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Boleh. Yang Berhormat sendiri semasa kita membincangkan mengenai alam sekitar itu, ada Rang undang-undang Alam Sekitar (Pindaan)

yang sudah dibentangkan pada minggu lepas, Yang Berhormat ada sebutkan kita ada 40 kakitangan kerajaan, yang keluar daripada mulut Yang Berhormat sendiri, bukan saya punya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, panggilan telefon.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Jadi bolehkah Yang Berhormat mengesahkan sama ada kenyataan dulu itu betul ataupun tidak.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Begini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini keliru sedikit. Jabatan Alam Sekitar hanya berurusan, bertanggungjawab di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar. Jadi, kita bercakap hari ini perkara yang lebih luas iaitu biodiversiti. Melibatkan sungai, pokok, haiwan, insan, bangunan dan yang kita bincangkan dalam akta yang lalu hanya khusus *toxic waste* yang keluar, bahan-bahan toksik yang keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, ini mungkin Kepong dia tak faham ada akta berlainan sungguhpun menteri yang sama.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** [Ketawa]. Jadi, kemungkinan Yang Berhormat Kepong menganggapkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hanya bertanggungjawab atas Akta Kualiti Alam. Jadi sebenarnya kita banyak lagi akta lain. Jadi Yang Berhormat Kepong, saya rasa - nak bersoal lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang nak soal lagi. Kalau itu 40 orang kakitangan itu hanya untuk mengendalikan sisa pepejal. Apakah kakitangan ataupun pegawai yang ada di dalam kementerian untuk mengendalikan masalah *biosafety*, biokeselamatan? Adakah ini bermakna kita tidak ada kakitangan langsunglah tu.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Duduk, duduk Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ha duduk. [Ketawa]

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Dia kata bahawa Jabatan Alam Sekitar mengendalikan sisa pepejal. Itu pun Yang Berhormat Kepong dah keliru. Sisa pepejal di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tolonglah. Jadi, kalau Yang Berhormat dah keliru, tolong terima kita keliru. Saya tahu Yang Berhormat dah lama dalam Dewan ini. Mungkin dah, saya tak tahulah nak kata nyanyuk pun muda lagi kan? [Ketawa].

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Penjelasan, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, *mic*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *Mic* tekan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bolehkah Yang Berhormat sebutkan kepada kita hari ini apabila rang undang-undang ini diluluskan dan dijadikan akta pula dan diwartakan, berapa kakitangan pegawai di dalam kementerian dan akan mengendalikan untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini. Berapa orang sekarang? Bagi kita tahu.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Ya, itulah kita nak wujudkan lembaga dulu. Lepas wujudkan lembaga, kita wujudkan badannya barulah boleh diwujudkan semua sekali. Kalau tanya saya sekarang, susahlah. Yang mana dulu? Lembu ke kereta yang dulu? Jadi, juga Yang Berhormat mencadangkan *electronic information system*, saya rasa Kepong tadi. Saya nak bagi tahu, dalam e-mel saya tak pernah saya dapat e-mel daripada Yang Berhormat. Mungkin banyak sangat *rubbish* di situ dan saya pun, ok... [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, besok saya akan *forward* sekali lagi. Saya nak tengok sama ada dia terima ataupun tidak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia sibuk.

**Seorang ahli:** Siapa *rubbish*, *rubbish* tadi?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tak tahulah siapa *rubbish* sekarang itu. Masalahnya Yang Berhormat, dia kata dia ambil tindakan. Kalau ada kilang-kilang di kawasan kediaman pun dia nak tahu sama ada kediaman itu dulu ataupun kilang dulu. Kalau kediaman dulu, kilang tak boleh dibenarkan. Kita ada kawasan-kawasan di mana kediaman itu wujud lebih dahulu daripada kilang, tapi tindakan itu saya masih tungguhlah, masih tunggu tindakan itu. Ini masalah kita sekaranglah, tak cukup kakitangan penguatkuasaan.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Okey, saya mengaku terima surat daripada Yang Berhormat Kepong tapi bukan melalui e-mel. Yang Berhormat dari Santubong mencadangkan kita menggunakan sisa-sisa kuarantin dan sebagainya, mengatakan apa dikatakan kemasukan ke *living organism* melalui papan-papan yang *inert* atau papan-papan yang digunakan sebagai kotak dan sebagainya. Memang ada cara di bawah WTTO (*The World Tropical Timber Organization*) dan FAO tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat kemungkinan badan-badan ini juga ada juga kadang-kadang terbolos juga benda-benda atau *organisms* yang tidak dapat dikesan secara biasa. Yang Berhormat mencadangkan pakar undang-undang dan juga pakar sains.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat sebenarnya. Ini Santubong ya, tak ada. Mungkin dia ada di luar. Memang dalam bidang undang-undang, kalau sekarang ini ada dua mata pelajaran dalam satu apa dikatakan dalam satu *degree* yang dibagi, dikeluarkan. Ijazah yang dikeluarkan iaitu *finance and law*. Jadi mungkin Yang Berhormat tadi mencadangkan selain daripada dia pakar dalam bidang undang-undang, dia juga menjadi ahli sains. Ini adalah satu cadangan kalau boleh diketengahkan pada masa depan memandangkan undang-undang hari ini perlu kepakaran yang khusus dalam bidang-bidang yang tertentu.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai 90 hari. Adakah terlalu panjang ataupun terlalu pendek. Dalam undang-undang ini, kita menyebut 90 hari dia hanya sebagai tempoh

maksimum dan kita boleh mengurangkan mengikut keadaan. Jadi tempoh yang diberikan supaya tiap-tiap satu permohonan itu tidak memakan masa lebih daripada 90 hari.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Santubong supaya diletakkan industri ini mengadakan, mewujudkan satu *niche*. Saya bersetuju tetapi ini bidang *business*, wajar ini diketengahkan di kementerian lain tetapi sebagai menjawabnya bahawa dalam mewujudkan industri ini memang perlu sokongan daripada sektor kewangan, *banking* dan sebagainya.

■1700

Memandangkan ia ada isu-isu berkaitan dengan *labeling, indexing*, flora dan fauna dan sebagainya, maka oleh kerana itu kerajaan telah mewujudkan dana R&D di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk memberi sokongan kewangan dalam bidang-bidang R&D termasuk juga bidang bioteknologi.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai *access and benefit sharing*. Sebenarnya *access and benefit sharing* ini di mana negara-negara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi seperti tongkat ali sudah dipatenkan di US walaupun kita tidak dapat bukti yang kukuh tetapi ada. Begitu juga bahan-bahan lain, bintangur dan sebagainya. Memang isu *access and benefit sharing* ini sedang diperbincangkan, belum diputuskan di peringkat antarabangsa. Adalah menjadi kerugian kepada kita apabila daripada negara kita yang asalnya sejenis pokok atau bahan itu tetapi negara lain membuat penemuan mengenai enzim dan segala apa yang ditemukan dalam bahan-bahan berkenaan, maka mereka mengatakan ini bahan mereka.

Inilah yang sedang diketengahkan di peringkat antarabangsa supaya negara-negara di mana asalnya bahan-bahan itu juga mendapat manfaat daripada penemuan saintifik yang disebutkan tadi. Saya juga telah banyak menyebut tentang secara umum tadi mengenai kepakaran undang-undang, kepakaran agama, kepakaran sains dan kepakaran kewangan yang mana saya rasa memang dipersetujui bahawa untuk membangunkan industri ini, segmen ini, sektor ini, kita memerlukan kepakaran dalam semua bidang.

Yang Berhormat dari Santubong bertanya berapakah syarikat yang telah diwujudkan dalam negara ini yang berteraskan kepada bioteknologi. Saya tidak ada angka di sini. Saya percaya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ada angkanya. Tadi saya menyebut bahawa Jabatan Kimia mewujudkan sebuah Makmal Kesihatan Awam di Sungai Buloh dan Jabatan Kimia ini telah diiktiraf oleh pihak EU (Kesatuan Eropah) sebagai *Asian Reference Center for LMO*. Maknanya di Asian ini, Malaysia merupakan pusat untuk dirujuk dalam perkara-perkara, bahan-bahan yang dihasilkan dari LMO.

Kota Melaka menyentuh mengenai seksyen 59 mengenai penjagaan harta intelek juga telah saya sebutkan tadi. Oleh kerana tadi juga Yang Berhormat telah menyentuh mencampuradukkan tentang bioteknologi dengan LMO-GMO. Sebenarnya LMO-GMO adalah sebahagian daripada bioteknologi. Jadi kita hanya berbincang mengenai untuk mewujudkan satu

undang-undang bagi biokeselamatan jika ada penemuan ataupun *scientific findings*, dengan izin, itulah undang-undang yang kita akan gunakan.

Keanggotaan tujuh jabatan dan sebagainya itu, soalan kelayakan dan sebagainya itu boleh ditentukan di bawah Lembaga nanti apabila ditubuhkan. Juga mengenai seksyen 13, Jawatankuasa Penasihat, tempoh masa dan sebagainya, ini juga akan ditentukan di bawah peraturan-peraturan yang akan ditetapkan oleh Lembaga nanti.

Juga Yang Berhormat mempersoalkan sama ada pegawai penguat kuasa itu berpangkat inspektor dan tidak bawah daripada pangkat inspektor sama ada mereka mempunyai kuasa dan pengetahuan. Saya percaya sebelum pihak polis diminta membantu pihak-pihak yang tertentu, khususnya badan penasihat telah menentukan dan kita akan mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan untuk memasuki, untuk menyiasat dan sebagainya.

Yang Berhormat ada juga menyentuh mengenai soal memasuki ke premis tanpa waran. Ada tadi Yang Berhormat menyentuh. Jadi tanpa waran ini hanya digunakan kalau dalam keadaan-keadaan *emergency* di mana... [*Mencari bahan rujukan*] Di mana saya letak pun saya tidak tahu. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. "*Aware the evidence of commission of an offence is likely to be tampered, damaged or destroyed*", dengan izin. "*In the normal circumstances, enforcement officers must obtain a search warrant.*"

Maknanya kalau disyaki, kalau kita memakan masa untuk mendapatkan waran-waran siasat, waran untuk kita memasuki sesuatu tempat itu memakan masa dan dalam tempoh masa itu akan berlaku kerosakan ataupun berlaku *tampering*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, maka pihak Lembaga akan memberi kuasa untuk terus masuk tanpa apa dikatakan *search warrant*. Kuala Terengganu juga...

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kota Melaka.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Ya.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak bangkitkan seksyen 59 sebagai jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi seksyen 59, ia hanya merangkumi maklumat yang diberikan apabila permohonan dibuat, tetapi *point* saya yang saya cuba ketengahkan dalam Dewan ini ialah maklumat yang kita perolehi selepas penggeledahan, *after the search*, dengan izin, tetapi bukan apabila permohonan dibuat, tetapi selepas penggeledahan telah pun dibuat. Itu maksud saya.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Ya, penggeledahan dibuat dan jika terbukti bahawa sesuatu kesalahan berlaku, maka tindakan akan mengikut peraturan-peraturan yang ada. Jadi saya tidak faham kenapa itu menjadi isu. Yang hari itu dibangkitkan oleh pihak industri ialah mereka tidak mahu dianggapkan seolah-olah industri ini adalah industri yang diragui. Sebaliknya

industri ini adalah industri-industri yang baru yang memerlukan kepakaran yang tinggi dan ada kalanya jumlah modal yang tinggi.

Maka mereka menganggapkan anggapan negatif tentang undang-undang membolehkan *search without warrant*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Maka ini dianggap sebagai imej mereka tercemar, tetapi apabila telah dibincangkan dan diberi makluman dengan jelas, mereka telah menerima apa yang disebutkan.

Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah sekali lagi menyentuh mengenai birokrasi dan sebagainya. Saya tidak perlu ulang lagi. Juga Yang Berhormat Kuala Terengganu menyentuh tentang lapisan-lapisan, dia kata kuih lapis dalam birokrasi. Saya rasa biarlah kepada Lembaga dahulu, biar mereka menjalankan tugas dahulu, jangan kita menghukumkan mereka sebelum mereka menjalankan tugas.

Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bahawa dalam bidang ini, penguatkuasaan adalah penting dan penguatkuasaan memerlukan kepakaran dan dia juga memerlukan kewangan yang cukup. Jadi saya bersetuju bahawa dalam bidang ini wajar diberikan peruntukan yang cukup supaya pihak penguatkuasaan dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan dan rapi memandangkan isu-isu yang dibangkitkan seperti *traceability*, mencari asal-usulnya, semuanya memakan masa dan juga perbelanjaan untuk kita terus mendapat maklumat walaupun dari negara luar.

Yang Berhormat dari Pendang menyentuh mengenai pakar agama. Saya pun telah menyentuh tadi bahawa dalam semua perbincangan kita, badan penasihat dan sebagainya akan wujud dan akan ada pakar-pakar agama, bukan sahaja pakar agama yang khusus bagi agama-agama yang berteraskan sains.

■1710

Kita mengharapkan dengan anak-anak kita yang dizahirkan daripada sekolah-sekolah menengah agama yang pandai dalam bidang-bidang agama, tetapi juga pandai dalam bidang-bidang sains akan dirangkumkan ke dalam badan-badan ini, supaya kita akan dapat memantapkan lagi usaha kita untuk memperkukuhkan sektor bioteknologi, memandangkan bahawa negara kita hari ini sudah dimulakan dijadikan tempat pusat Halal Hab. Halal Hab ini merupakan satu lagi daripada sektor industri negara yang mampu dan boleh diperbesarkan, diperhebat dengan pengiktirafan dunia tentang Halal Hab kita ini, kita akan dapat lagi menjana pertumbuhan ilmu di kalangan masyarakat kita dan juga perdagangan antarabangsa bagi negara-negara Islam khususnya.

Pendang juga menyentuh mengenai bentuk vaksin ketanaman ditanamkan di badan dan sebagainya, saya tidak mahu meneruskan perbincangan ini kerana ini hanya kemungkinan-kemungkinan yang saya rasa wajar diserahkan kepada lembaga ini nanti.

Sabak Bernam menyentuh isu padi dengan racun, memang saya bersetuju bahawa racun di dalam bendang padi telah memusnahkan ikan dan sebagainya. Ini adalah sebab-sebab,

tetapi masih itu tidak terlibat dalam bidang *biogenetic engineering*. Itu hanya kimia dengan tanaman dan sebagainya.

Tetapi apa pun kita perlu undang-undang ini jika ada apa-apa yang berkaitan khusus enzim makanan ikan, kalau itu ada bahan-bahan yang dikatakan dihasilkan daripada genetik *engineering* dengan izin, kita akan gunakan undang-undang ini bagi menyiasat apakah itu halal atau tidak, baik atau buruk kepada negara kita.

Yang Berhormat Ipoh Barat, dia bangkitkan adakah, adakah, adakah. Jadi Yang Berhormat melihat semua dalam kaca mata negatif sahaja. Adakah itu, adakah ini jadi termasuk mutan yang ada sama ada ini akan membawa kebaikan kepada negara kita, memang semuanya kita harapkan akan membawa kebaikan.

Kerajaan tidak membuat sesuatu untuk tidak membuat kebaikan kerana kita lihat macam saya katakan tadi, dunia rakyatnya sudah meningkat 6.7 bilion manusia dan sumber makanan kian berkurangan dan kita memerlukan sains untuk mewujudkan makanan untuk memperbanyakkan makanan, cuma sains ini adalah sains-sains yang tidak berbahaya kepada manusia, dan kepada orang-orang yang tidak menentang segala apa yang dikatakan unsur-unsur moral dalam negara, unsur-unsur agama dalam negara. Jadi semuanya ini kita perlu oleh kerana kebajikannya banyak. Cuma apabila kita melihat dalam kaca mata negatif sahaja, maka semuanya tidak akan dapat diusahakan. Jadi oleh kerana itu kita memerlukan satu undang-undang, saya percaya Yang Berhormat juga sokong undang-undang ini.

Jadi Yang Berhormat bertanya pula, *how can this* rang undang-undang, bagaimanakah rang undang-undang ini akan dapat memenuhi semua aspek teras dasar bioteknologi negara yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 28 April 2007. Sebenarnya rang undang-undang ini sebahagian daripada matlamat berkenaan. Jadi, biarlah rang undang-undang ini berjalan dahulu, biarlah ditubuhkan badan itu dahulu, baik kita berjalan dahulu dan di mana kepincangannya kita akan perbetulkan. *Nothing is cast in stone*, maknanya tidak ada sesuatu yang dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang tidak dapat diubah, kerana kita yang menetapkan undang-undang dan kita boleh memindanya apabila perlu.

Semuanya ini dalam tangan kita. Jadi kalau kita melihat semua dalam bentuk negatif, saya percaya ini tugas pembangkang, tidak ada positif langsung, tetapi saya percaya dalam hati dia tahu ada banyak benda yang positif. Semua barang-barang yang datang dan kapal-kapal, kita masuk dalam kapal terbang pergi Australia memang disembur itu dan ini, itu betul. Saya pun tahu banyak tahun, 40 tahun dahulu pun di Australia memang itu sahaja yang diamalkan untuk memelihara bahan-bahan *agriculture* industri dia supaya apa yang dikatakan *foreign fruit flies* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kumbang-kumbang buah-buahan tidak dibawa masuk secara 'terselulup', cara yang tidak diketahui ke dalam negara berkenaan oleh kerana mereka memelihara industri buah-buahan mereka di Australia. Yang Berhormat juga...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerai perkara yang dibangkitkan telah dijawab tadi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ada sedikit pasal saya ...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat Jerai bagi can, dia lama tidak cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa setiap hari dia cakap Yang Berhormat Menteri. Sampai dia tidak tau macam mana hendak *landing*. [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini Yang Berhormat perkara mudah Yang Berhormat. Saya amat seronok kalau kita ada *bill* ini kerana pertamanya *protection*. Macam di Australia Tuan Yang di-Pertua, sampai anjing dia itu *ditrain*, kalau kita bawa beg Tuan Yang di-Pertua, beg kita itu kalau kita isi buah di sini seminggu yang dahulu, seminggu sudah saya katalah saya beli buah saya isi, kemudian beg itu pula saya isi baju, buah sudah tidak ada, saya bawa beg itu pergi ke Australia, anjing itu Mei lagi, dia boleh *detect* kita punya beg, tetapi dalam beg itu bukan ada buah, ada baju. Begitu depa punya *control* tentang penyakit-penyakit ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita hari-hari boleh kata kita dok makan racun, pasal Tuan Yang di-Pertua tadi saya duduk di luar, pasal saya pi bilik rehat, saya terdengar Datuk bercakap pasal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi punya tidak payah tanyalah. Tanya apa yang dibangkitkan sekarang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yalah, pasal Datuk sudah *leap*, sudah lompat satu pasal Ipoh Barat punya hal. Ipoh Barat memang apa pun dia bangkang, Kepong dia boleh tahan juga. Tetapi Kepong ini merepek banyak. Dia merepek sahaja. Jadi, saya hendak tahu dari segi racun-racun yang kita guna untuk menyihatkan pokok padi ini, adakah kalau kita tidak cari satu formula baru di mana padi-padi ini kita tidak menggunakan racun-racun serangga yang boleh memudaratkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, apa soalan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Persoalan dia Tuan Yang di-Pertua, kita hari-hari [*bercakap dalam bahasa Mandarin*] semua makan nasi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, [*bercakap dalam bahasa Mandarin*] menteri tidak faham, makan nasi makan beras.... jadi Datuk Menteri, ada tidak kita boleh buat supaya memastikan bahawa pak tani-pak tani tidak menggunakan racun serangga racun cap tengkorak apa semua ini supaya ia tidak serap dalam pokok padi, serap masuk dalam padi, kemudian kita masak kita makan dan ini akan mudaratkan kita. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya teringat tentang kajian bioteknologi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah. Ini bukan masa untuk teringat. Cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini baik, ini buah Tuan Yang di-Pertua, ini buah punya pasal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebenarnya saya telah minta menteri kalau boleh selesaikan jawapan pada jam 5.30.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini buah, buah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat tidak masuk, memang sudah selesai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini mahu *landing*, ini buah sahaja. Ini mahu *landing*, mahu *landing* buah sahaja. Tuan Yang di-Pertua, ada zamanlah ini, saya tengok buah mempelam Pakistan besar, cukup besar, kecil sedikit daripada kepala Kepong sahaja. *[Ketawa]*

Buah mempelam dan saya boleh bawa ke Parlimen. Saya ada, nanti satu hari saya bawa ke Parlimen. Jadi barangkali dia guna *biotech* dan sebagainya. Jadi di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian Datuk ini kita *coordinated*kan Kementerian Pertanian supaya buah-buah yang dok ada ini hak kecil jadi besar. Macam buah rambutan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Apa soalan Yang Berhormat? Baik, baik cukup. Apa tujuan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tujuan dia ada tidak teknologi-teknologi bioteknologi dari segi pertanian yang boleh mengecilkan buah yang besar ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup. Saya hendak tanya menteri, sama ada perkara yang dibangkitkan bersangkutan paut dengan perkara-perkara tadi Yang Berhormat sedang menjawab.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah?

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada sedikit-sedikit, tetapi saya ingin menjawab juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau ada sedikit-sedikit, jawab sedikit-sedikit juga. Tidak payah buang masa banyak-banyak.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Saya tidak buang masa kerana masa pun sedikit, cuma saya hendak jawab Jerai ini, memang kita bersetuju bahawa dalam inilah tugas Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk semua yang ada dalam negara kita selamat.

■1720

Memang kita bersetuju bahawa inilah tugas Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya semua yang ada di dalam negara kita selamat. Kita ingin mencadangkan, diharapkan akan dapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita menggunakan segala-galanya *green environment*. Menggunakan bahan-bahan yang tidak ada *toxicity* dalam alam dan

dalam pertanian kita mahu menggalakkan walaupun kita telah menggalakkan, Yang Berhormat bagi Arau amat faham perkara ini menggunakan bahan-bahan baja organik. Memang baja-baja organik ini membantu menyuburkan tanah dan membantu menyuburkan strata tanah. Lagi lama kita gunakan bahan organik, lagi banyak tanah itu menjadi subur, tetapi kalau kita menggunakan baja-baja kimia, dia hanya menjadi makanan kepada pokok, tetapi tanah di sekelilingnya menjadi gersang. Jadi kegersangan ini, lama-kelamaan kita perlu tambah lagi baja. Kalau dahulu satu relung bendang, dia guna satu kampil baja kimia, hari ini selepas 10 tahun menggunakan dua kampil kerana tanahnya gersang.

Jadi menggunakan balik baja-baja organik, semuanya ini dapat dipulihkan semula cuma industri ini perlu diperkembangkan dan dilihat semula. Saya harap jika Yang Berhormat semua yang ada di sini faham dengan isu ini, kita dapat menjadikan alam kita ini lebih sihat seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Mengenai anjing tadi, saya tidak tahulah. Saya tidak pernah tengok anjing itu. Saya percayalah bahawa kebolehan, kemampuan anjing itu memang bukan sahaja dalam bidang buah-buahan, tetapi dadah sekalipun mereka dapat mengesan dengan cepat.

Yang Berhormat bagi Tanjong, memang saya bersetuju Yang Berhormat Tanjong mengatakan kita menggalakkan penyelidikan, *research* di samping itu kita mahu melindungi keselamatan rakyat dan negara. Ini kita bersetuju. Dalam kita hendak mengutarakan, melindungi keselamatan kita, kita menggunakan sekatan-sekatan yang ada, tetapi dalam kita menggalakkan penemuan baru, menggalakkan penyelidikan dan *research*, kita mahu mencari apa sahaja yang boleh menggalakkan. Dalam, dua hal ini perlu diimbangkan dan skopnya luas. Ini yang diperlukan, satu pendekatan yang boleh dijadikan dan satu lagi pendekatan yang seimbang. Kerana itulah Yang Berhormat, kita wujudkan undang-undang ini dengan harapan bahawa undang-undang ini akan dapat mengimbangkan apa yang kita mahu dan apa yang kita tidak mahu.

Saya tidak mengatakan apa yang kita buat di sini sempurna belaka kerana ini hanya percubaan dan negara kita merupakan adalah antara 10 negara di dunia yang mengikuti Konvensyen Cartagena yang mahu berlandaskan satu sistem yang mampu membawa kita ke hadapan pada masa akan datang dengan lebih cepat. Oleh sebab itu, Yang Berhormat bertanyakan peratusan, apa yang ada dalam GMO dan LMO, saya tidak tahu. Hanya yang saya tahu kita akan wujudkan ini sebagai satu *centre of excellence* dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sudah menyentuh mengenai Pasir Mas. Saya tidak perlu menyentuh lagi kerana dia yang bercakap terakhir, tetapi banyak perkara yang disebutkan oleh beliau, saya telah menyentuhnya dan dia juga membawa hujah-hujah khusus dalam bidang agama dan saya tidak bersetuju dengan dia kerana kononnya orang lain yang tahu dalam bidang agama tidak pun menyuarakan. Cuma yang saya tahu, yang lain menyuarakan cuma dalam bahasa Malaysia tetapi dia menghujahkan banyak dalam perkataan Arab. Itu antara dua, tetapi

pada pokoknya dia bersetuju dan dia juga memberi asas-asas yang boleh diterima. Cuma kita perlu menentukan kepada soal niat. Kalau niatnya baik, semuanya baik, kalau niatnya tidak baik, semua tidak baik. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa lagi yang hendak disebutkan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada berapa minit. Kalau hendak tambah bolehlah.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Oh, nak minta tambah? *[Ketawa]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bagi, boleh benarkan lima minitlah. Baiklah.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Lima minit ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Okey, penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan. Tadi Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tapi lima minit bukan untuk Jerai punyalah ya untuk Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tak, pasal kita hendak membantu supaya cukup masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, itu bukan tujuan saya. Saya hendak berikan peluang untuk Yang Berhormat Menteri terangkan kalau ada perkara-perkara...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Pasal Yang Berhormat Menteri tak jawab tadi, pasal buah hak besar, buah hak kecil jadi besar..*[Ketawa]*.

Jadi dari segi teknologi yang boleh kementerian buat kajian kerana ini akan mendatangkan keuntungan kepada negara. Kalau kita *compete* sekarang dengan negara Thailand dan sebagainya, buah-buahan, makanan-makanan mereka sekarang ini di peringkat antarabangsa. Buah-buahan mereka sekarang ini *all over the world*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yalah Yang Berhormat, sekarang saya hendak tanya. Yang Berhormat suka yang besar punya atau yang kecil punya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yalah, saya hendak tahulah, apakah jenis kimia kah apa? Campur yang kecil boleh jadi besar, yang ini saya hendak tahu, tetapi Yang Berhormat Menteri tidak jawab lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** *[Ketawa]*. Saya tidak tahulah, tetapi yang saya tahu orang-orang Pakistan pun besar-besar. Bukan sahaja buah dia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Jerai hendak tanya saya perkara itu, saya rasa tolonglah rujuk kepada kementerian yang berkaitan. Kementerian saya tidak ada kepakaran khusus. Cuma saya hendak tambah tadi, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua memberikan izin kepada saya tambahan masa, memang kita ada untuk menjawab persoalan dari Yang Berhormat Tanjong tadi, kita akan buat pindaan pada

esok, dalam peringkat Jawatankuasa Fasal 59(4) iaitu memperuntukkan asas-asas untuk, *surge without warrant* dengan izin.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, ada tadi Yang Berhormat menyebut kemungkinan kejayaan ataupun kegagalan undang-undang kita ini. Suka saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa pengalaman yang ada pada EU ataupun komuniti Eropah, Jepun, Australia, India, China telah berjaya dengan izin, *have very good and implementable laws*, undang-undang yang baik dan mampu dilaksanakan. Kita telah melihat model-model ini dan kita telah menggunakan model ini untuk menyesuaikan keadaannya dengan negara kita. Seperti yang saya kata tadi, undang-undang kita ini bukanlah dipahat di batu, *not cast in stone* dengan izin, tetapi undang-undang yang boleh diubahsuaikan, memandangkan segmen ataupun sektor bioteknologi ini adalah satu sektor yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada Yang Berhormat menyentuh tentang kelembapan, kelewatan pihak AG (*Attorney General*), dengan izin membuat undang-undang dengan itu dan ini. Sebenarnya saya perlu memperbetulkan pandangan Yang Berhormat, tadi bahawa kelewatan ini bukan disebabkan oleh kelengahan dari pihak Jabatan Peguam Negara bahkan disebabkan oleh kerajaan sendiri khususnya beberapa kementerian berbincang berkali-kali sejak tahun 1996. Isu biokeselamatan ini telah dibincangkan sejak tahun 1996, dan dibincangkan berkali-kali dan juga kita telah meratifikasikan Protokol Cartagena dalam tahun 2003 dan kemudian kita berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat, *stakeholders* dengan izin, berkali-kali. Bukan sahaja dengan kementerian, dengan pakar-pakar sains, dengan industri-industri yang terlibat, dengan semua pihak dalam dan luar negeri.

Ada macam-macam pandangan dan pendapat, maka pada akhirnya kita memutuskan dan dalam keputusan itu pun, dalam penggal Parlimen yang lalu, kita dapati ada beberapa tentangan, kita tarik balik dan kita masukkan balik pada hari ini. Kita tarik balik, bukan untuk tidak diluluskan tetapi untuk buat beberapa perubahan dan perubahan-perubahan ini akan disebutkan dalam peringkat pindaan pada hari esok. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, masa sudah cukup..

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Jadi itulah sahaja, sebahagian daripada maklumat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana kesuntukan masa jadi perkara-perkara berkaitan Rang Undang-undang ini di peringkat jawatankuasa bolehlah kita bincangkan pada hari esok. Sekarang jam 5.30 ada usul. Saya minta menteri mengemukakan usul.

■1730

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

5.30 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayaratnam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat, sila.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **KEKURANGAN KAKITANGAN DAN UBAT DI HOSPITAL DUTCHESS OF KENT, SANDAKAN, SABAH**

5.31 ptg.

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kakitangan perubatan dan kekurangan bekalan ubat tertentu di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan telah dilaporkan beberapa kali dalam akhbar. Kekurangan kakitangan perubatan berjumlah sebanyak 30% di hospital-hospital tertentu di Sabah termasuk Sandakan.

Walaupun telah diberitahu dalam jawapan pertanyaan saya di Dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan memberi insentif bagi menarik lebih ramai kakitangan perubatan untuk berkhidmat di hospital-hospital kerajaan di Sabah termasuk di Sandakan tetapi masalah ini belum lagi di atasi sehingga sekarang.

Berdasarkan saiz Hospital Dutchess of Kent sekarang ia sebenarnya memerlukan 90 orang tetapi terdapat hanya 41 orang doktor pada masa ini. Kekurangan yang lebih daripada 50% ini adalah sangat serius dan memerlukan tindakan segera. Oleh sebab kekurangan bilangan kakitangan perubatan yang diperlukan untuk perkhidmatan pelanggan selama ini seperti

mana yang dikomen oleh pesakit adalah kurang memuaskan dan mempunyai ruang yang begitu luas untuk dinaiktarafkan.

Aduan-aduan sering diterima bahawa mereka perlu menunggu terlalu lama untuk mendapat rawatan yang sewajarnya. Misalnya ada pesakit yang pergi ke hospital seawal pukul 6.00 pagi untuk mendapat nombor giliran dan selepas itu menunggu rawatan doktor yang pada masa itu menjalankan tugas di wad-wad hospital.

Selepas rawatan doktor mereka perlu tunggu lagi untuk mendapatkan ubat preskripsi dan biasanya seluruh proses rawatan berakhir pada pukul 11.00 pagi. Ini amat menyusahkan kumpulan warga tua khususnya mereka yang diperlukan menguji darah kerana terpaksa berpuasa sehingga selepas pukul 11.00 pagi. Keadaan sebegini memang membawa ketidakselesaan tambahan kepada pesakit.

Demikian juga dengan rawatan di waktu malam di mana wad kecemasan hanya dikendalikan oleh seorang doktor dan apabila ada beberapa orang pesakit lain ingin mendapat rawatan terpaksa menunggu berjam-jam dan dalam keadaan sakit dan khuatir. Pesakit dan ahli keluarga mereka berasa sangat marah dan mengadu kepada media dan Wakil Rakyat.

Selain daripada mengalami tekanan kerja yang berat, doktor-doktor yang bertugas selalunya didakwa atau diadu tidak menjalankan kerja mereka dengan baik. Mungkin ini adalah tidak adil bagi doktor berkenaan tetapi pihak kementerian mesti mencari jalan segera untuk menyediakan kakitangan perubatan semua kategori yang mencukupi untuk memberi perkhidmatan perubatan yang memuaskan di hospital kerajaan khususnya di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan.

Kekurangan ubat-ubatan tertentu juga diadukan berlaku di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan di mana pesakit diperlukan membeli di kedai farmasi luar ataupun menunggu bekalan stok baru. Ini telah menjejaskan mutu perkhidmatan perubatan kepada rakyat jelata di Sandakan kerana ia akan membawa beban kewangan yang serius kepada pesakit miskin.

Saya ingin meminta supaya kementerian menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk mendapat bekalan ubat yang berterusan bagi memenuhi keperluan seharian di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan. Adalah dikatakan bahawa bilangan pendatang asing tanpa izin yang terlalu banyak membanjiri hospital-hospital kerajaan di Sabah yang seterusnya membebankan kemampuan hospital-hospital kerajaan untuk memberi mutu perkhidmatan perubatan yang memuaskan kepada warga tempatan.

Menurut suatu kenyataan akhbar yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia tidak lama sebelum ini, Malaysia mempunyai bilangan pesakit pendatang asing tanpa izin yang terlalu ramai iaitu 25% daripada jumlah keseluruhannya dan keadaan yang serius sekali telah berlaku di Sabah dengan 35% pesakit di wad bersalin.

Selain daripada membawa beban kewangan kepada negara kita, warga Malaysia selalu menghadapi masalah wad hospital yang terlalu sesak ataupun bilangan yang tidak mencukupi.

Sehubungan ini saya ingin meminta kementerian meningkatkan bilangan dan kategori kakitangan perubatan yang tidak mencukupi di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan pada waktu sekarang dan apakah langkah-langkah segera dapat diambil oleh kementerian serta jangka masa yang diperlukan untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangan perubatan dan juga bekalan ubat-ubatan di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan serta sebutkan tindakan yang efektif untuk menangani masalah pendatang asing tanpa izin yang membanjiri hospital kerajaan yang menggunakan kemudahan-kemudahan perubatan berkenaan mengakibatkan pelbagai masalah kepada rakyat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

#### **5.37 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keperluan perkhidmatan rawatan perubatan, skop dan bidang tugas di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan sememangnya perlu diperkukuhkan.

Sehingga pada 31 Mei 2007, terdapat sejumlah 1,196 jumlah perjawatan dengan kadar pengisian sebanyak 904 ataupun 75%. Kekosongan jawatan lebih banyak tertumpu kepada pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar. Sehingga 31 Mei 2007, terdapat 83 perjawatan pegawai perubatan dengan pengisiannya adalah seramai 36 orang atau 43.3% yang sedang berkhidmat di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan.

Ini bermakna secara statistiknya Hospital Dutchess of Kent, Sandakan kekurangan 17 orang Doktor Pakar dan 47 orang doktor biasa. Walau bagaimanapun pihak Kementerian Kesihatan akan berusaha untuk mengisi kekosongan tersebut dari semasa ke semasa. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memperbaiki cabaran kekurangan doktor pakar dan doktor biasa di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) menempatkan lebih ramai doktor pakar dan doktor biasa sama ada lantikan tetap atau kontrak ke negeri Sabah;
- (ii) melantik doktor pakar secara automatik selepas bersara wajib tertakluk kepada prestasi perkhidmatan dan kesihatan yang baik;
- (iii) meneruskan program pengambilan doktor pakar dan doktor biasa warganegara negara asing secara kontrak;
- (iv) memberi insentif elaun wilayah dan elaun pedalaman kepada doktor pakar dan doktor biasa yang berasal dari Semenanjung; dan

- (v) bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran yang berada di luar negara untuk kembali berkhidmat sebagai doktor pakar dan doktor biasa di Malaysia termasuk Sabah.

Selain daripada ini Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan insentif tertentu kepada anggota-anggota kesihatan di Sabah, antaranya:

- (i) memberi keutamaan mengikuti kursus-kursus pendek dan sarjana kepakaran;
- (ii) memberi keutamaan dalam proses kenaikan pangkat; dan
- (iii) mewujudkan elaun seperti elaun tinggal atas panggilan (*on call*) dan elaun bias.

■1740

Bagi masalah kekurangan bekalan ubat-ubatan pula pihak kementerian memberikan jaminan bahawa bekalan ubat adalah mencukupi pada satu-satu masa. Kejadian di mana pesakit terpaksa membeli ubat daripada farmasi luar berkemungkinan ubat tersebut tidak dibekalkan oleh farmasi di hospital kerajaan. Pihak hospital sentiasa memastikan bahawa bekalan ubat-ubatan adalah mencukupi dan dibekalkan dengan stok yang dianggarkan cukup untuk keperluan semasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanjong, sila.

## PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI PULAU PINANG

### 5.41 ptg.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sembilan projek perumahan yang terbengkalai di negeri Pulau Pinang yang membabitkan ribuan pembeli yang menjadi mangsa. Misalnya projek Desa Aman di Mukim 13, Timur Laut, Pulau Pinang, blok A mengandungi 266 unit dan blok B 126 unit. Ianya sebuah projek perumahan kos sederhana rendah yang diluluskan oleh kerajaan negeri dan dikendalikan oleh pihak pemaju swasta. Ia sepatutnya siap pada tahun 2004 tetapi sehingga kini projek ini masih belum disiapkan. Tambahan pula pembeli-pembeli projek ini juga dipaksa untuk menandatangani satu perjanjian tambahan untuk membayar kerja-kerja pembaikan rumah. Pembeli-pembeli kini terdesak kerana mereka perlu membayar ansuran pinjaman bank dan juga

sewaan rumah tetapi tidak dapat menduduki rumah yang dibeli. Apakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil tindakan atas kes ini.

Selain projek ini, projek-projek yang masih terbengkalai termasuk Majestic Heights fasa 2 dan 3 di Paya Terubung, Fettes Villa di Mount Erskine, Taman Cemerlang di Jalan Thean Teik, Taman Pekatra Indah di Simpang Empat, Taman Kristal Blok C, Taman Suria di Nibong Tebal, PPH Resort di Bayan Lepas, Penang Jaya di Bayan Baru dan Taman Abdullah Fahim di Kepala Batas. Saya ingin kementerian menyatakan apakah tindakan yang sudah diambil untuk memastikan projek-projek ini dapat disiapkan dan apakah tindakan yang sudah diambil terhadap pemaju-pemaju yang terlibat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

#### 5.43 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mentakrifkan sesuatu projek perumahan itu terbengkalai apabila:

- (i) kerja-kerja pembinaan dan pemajuan di tapak terhenti selama enam bulan atau lebih secara berterusan sama ada di dalam tempoh masa siap atau di luar masa siap seperti mana yang ditetapkan di dalam surat perjanjian jual dan beli;
- (ii) pemaju-pemaju mengakui tidak berupaya untuk meneruskan projek; dan
- (iii) pengawal perumahan berpendapat sesuatu pemaju tidak dapat meneruskan lagi tanggungjawab mereka sebagai pemaju.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Projek Desa Aman mengandungi 392 unit rumah terdiri daripada blok A yang mempunyai 266 unit dan blok B yang mempunyai 126 unit. Projek ini telah dikenal pasti sebagai projek terbengkalai pada pertengahan tahun 2006. Status kemajuan setakat ini ialah 65% untuk blok A dan 30% untuk blok B. Pada masa ini projek ini masih lagi di peringkat kajian awal dan pemaju penyelamat sedang dicari bagi meneruskan rancangan pemulihan.

Ahli Yang Berhormat juga turut menyentuh mengenai beberapa projek perumahan terbengkalai yang lain di negeri Pulau Pinang. Berikut adalah status projek dan usaha yang telah diambil untuk menyelamatkan projek tersebut.

Bagi projek perumahan fasa 2 dan 3 di Taman Terubung Indah, Timur Laut oleh pemaju Majestic Heights Sdn. Bhd. ia sepatutnya siap sepenuhnya pada tahun 2001 tetapi terbengkalai kerana masalah kewangan. Syarikat pemaju telah digulung pada 16 Oktober 2001 dan D'Lyod

Corporation Solution Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai *liquidators*. Fasa 1 telah disiapkan dengan CFO bertarikh 30 Disember 2003. Manakala Fasa 2A, 2B dan 3 hanya disiapkan sebanyak 10% hingga 70%.

Pihak pelikuidasi telah memaklumkan bahawa pihak pembubar telah berjaya mengenal pasti sebuah syarikat yang berminat untuk mengambil alih kerja-kerja pemulihan projek-projek tersebut. Pihak *white knight* telah mengemukakan cadangan mereka untuk pertimbangan pihak Malaysian Building Society Bhd. selaku bank pemajak untuk projek tersebut. Sehingga kini pihak MBSB masih lagi dalam proses rundingan dengan pihak baru tersebut untuk mencapai syarat-syarat yang boleh diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Manakala bagi projek Taman Villa Fettes di Mount Erskine oleh pemaju Gewaris Sdn. Bhd. ia sepatutnya siap pada tahun 1999 tetapi terbengkalai kerana masalah kewangan. Syarikat pemaju telah digulung pada 27 Jun 2001 dan Tetuan Howard telah dilantik sebagai pelikuidasi. Projek yang melibatkan 267 orang pembeli ini telah diserahkan kepada Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dan SPNB memaklumkan bahawa projek tersebut masih dalam kajian lanjutan dan lawatan ke tapak projek telah dibuat untuk meneliti keadaan terkini tapak.

Bagi projek Taman Cemerlang di Jalan Thean Teik oleh pemaju Penangan Maju Holding Sdn. Bhd. ia sepatutnya siap pada tahun 2000 tetapi terbengkalai kerana masalah kewangan. Syarikat pemaju telah digulung pada 17 Disember 1999 dan Jabatan Insolvensi Malaysia Pulau Pinang telah dilantik sebagai pelikuidasi. Projek tersebut telah diserahkan kepada SPNB. MBSB sebagai pemegang gadaian memaklumkan bahawa projek tersebut masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak ketiga untuk mereka mengambil alih dan seterusnya membaik pulih projek ini.

Status bagi projek Blok C Taman Kristal di Timur Laut, projek telah disiapkan dengan CFO pada 3 Mei 2003. Manakala bagi Taman Abdullah Fahim yang dimajukan oleh Reka Indah Sdn. Bhd., 28 unit rumah berkembar satu tingkat telah siap dengan CFO pada 12 Mac 2004 dan dua unit rumah berkembar satu tingkat telah siap dengan CFO pada 7 April 2004.

Begitu juga dengan Projek Mutiara Perdana fasa 2 di Bayan Lepas oleh PPH Resort Sdn. Bhd. Projek tersebut telah berjaya disiapkan dengan CFO pada 19 April 2007. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Penang Jaya di Bayan Baru oleh Fujasa Sdn. Bhd. telah terbengkalai sebelum tahun 1990 dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyerahkan projek ini kepada SPNB untuk dipulihkan.

Mengikut laporan status pelaksanaan pemulihan projek SPNB sehingga 31 Mei 2007 projek perumahan ini masih lagi di bawah kajian lanjutan di mana pihak pemaju *white knight* telah mengemukakan cadangan pemulihan projek kepada SPNB pada 2 Ogos 2006 dan SPNB telah meneliti rancangan pelaksanaan pemulihan tersebut.

Berkenaan dengan projek Taman Pekatra Indah di Simpang Empat pula, projek ini dimajukan oleh koperasi dan berada di luar bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana tidak tertakluk di bawah Akta Pemajuan Perumahan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini untuk memulihkan projek perumahan yang terbengkalai adalah seperti berikut:

- (i) menasihati pembeli-pembeli yang terlibat untuk menubuhkan jawatankuasa pembeli yang sah dan berbincang bersama dengan kementerian bagi melantik mana-mana pihak yang berminat untuk memulihkan projek perumahan tersebut;
- (ii) berunding dengan mana-mana syarikat atau pemaju yang berpengalaman dan berminat untuk membantu memulihkan projek terbengkalai;
- (iii) pihak kementerian akan mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dan bertindak sebagai penyelaras dengan pembiaya, pemaju, pembeli, jawatankuasa bertindak pembeli, tuan tanah, pegawai penerima dan pengurus, juru perunding, penyelamat, agensi-agensi kerajaan dan Jabatan Insolvensi bagi mencari jalan penyelesaian;
- (iv) kementerian akan menahan permohonan-permohonan lesen pemajuan perumahan daripada mana-mana syarikat perumahan di mana pengarah-pengarah di dalam syarikat tersebut terlibat di dalam syarikat bagi projek perumahan terbengkalai yang lain; dan
- (v) bagi memastikan pembeli-pembeli baru tidak menghadapi masalah yang sama, kementerian akan menyenaraihitamkan syarikat pemaju tersebut untuk permohonan lesen pemajuan baru dan permohonan memperbaharui permit iklan dan jualan.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Urusan mesyuarat bagi hari ini telah dapat kita selesaikan dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.51 petang.***